



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **WACANA KAMĀLULLĀH DALAM KUMPULAN PUISI TAMAN TAKWA OLEH SUHAIMI HAJI MUHAMMAD**

**AZMAN BADO**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA PENGAJIAN WACANA (MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2018**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falasafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULIAN**Perkara ini telah dibuat pada 12/09/2018

## i. Perakuan pelajar :

Saya, **AZMAN BADO, NO. MATRIK: M20132002303, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (FBK)** dengan ini mengakui bahawa tesis yang bertajuk **WACANA KAMĀLULLAH DALAM KUMPULAN PUSSI TAMAN TAKWA OLEH SUHAIMI HAJI MUHAMMAD**

Adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-man hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



---

Tandatangan pelajar

## ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR MADYA DR. ABU HASSAN BIN ABDUL** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **WACANA KAMĀLULLAH DALAM KUMPULAN PUSSI TAMAN TAKWA OLEH SUHAIMI HAJI MUHAMMAD** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnay syarat untuk memperoleh Ijazah **IJAZAH SARJANA SASTERA (PENGAJIAN WACANA)**.

---

12/09/2018  
Tarikh

---

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUT OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

WACANA KAMALULLAH DALAM KUMPULAN PUSSI  
TAMAN TAKWA OLEH SUHAIMI HAJIMUHAMMAD

No. Matrik / Matric's No.:

M20132002303

Saya / I:

AZMAN BADO

(Nama pelajar/ Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (~~Kedoktoran/Sarjana~~)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris(Tuanku Bainun library) reserves the right as follows:-*

i.Tesis/Disertasi/Laporan kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.

*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*

ii.Perpustakaan Tuanu Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*

iii.Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.

*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*

iv.Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam akta rahsia Rasmi 1972./ Contains confidential information under the Official secret act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badandi mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains Restircited information as specified by the organization where research Was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia/Signature of Supervisor)

Tarikh : 20/09/2018

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT@TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**

*Notes: if the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter form the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

*Alhamdulillāh*, Segala puji dan syukur hanya disanjungkan kepada-Mu. Selawat dan salam senantiasa terucapkan untuk Nabi Muhammad SAW. Seterusnya kepada ahli keluarga baginda dan para sahabat yang berjuang bersamanya demi menegak kalimah Allah yang Kamal ini, yang juga tidak terhingga kepada para penjuang dijalan Allah, para pengkarya yang sentiasa menulis demi untuk menjaga Alimah Allah yang Kamal. Beribu-ribu terima kasih buat Yang Berbahagia Penyelia Utama, Prof. Madya. Dr. Abu Hassan Bin Abdul yang memberikan bimbingan dengan penuh ketulusan, keikhlasan dan kesabaran, dan tidak henti-hentinya memberikan bantuan dan kemudahan. Ribuan ucapan terima kasih berikutnya buat Prof. Madya. Dr. Abdul Halim Ali sebagai Penyelia bersama, yang juga banyak memberikan bimbingan dan saranan dalam menyelesaikan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada seluruh pensyarah dan kaki tangan serta pegawai pentadbir di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI. Kemudian kepada semua pegawai Alumni UPSI, dan juga semua pegawai Unit Antara bangsa, atas segala kehangatan dan kebaikannya. Penghargaan tertinggi untuk kedua orang tua saya iaitu Ahmad Bin Abdul Rashid dan Mayidah, siang malam doa saya panjatkan dengan penuh takzim dan cinta, semoga Allah SWT senantiasa merahmati mereka berdua dan memcatat nama mereka berdua termasuk hamba Allah yang meraih redha-Nya di dunia dan akhirat. Ameen. Penghargaan dan cinta terukir untuk pendamping hidup yang setia, Nur Liana Binti Mat Nasir (Naliana Madeng), dan Bapa dan Ibu mertua saya Mat Nasir dan Saedah. Tidak lupa, terima kasih kepada adik-adikku dan juga abangku yang terus mendukung melalui doa mereka. Juga terima kasih kepada pengetua sekolah tafhib al-Fadhni, al-Fadhil ustaz M. Razi bin Asror dan isterinya, yang sentiasa memahami dan menolong semua keperluan yang diperlukan, dan juga kepada kaki tangan warga Fadhni dan sahabat-sahabatku di sekolah seterus kepada anak-anak pelajar dan semua yang sentiasa berdoa untuk ku, dan sentiasa menasihati untuk terus menulis dan terus sabar di dalam menjalani kajian ini.

Akhir ini saya berdoa kepada Allah SWT agar dengan semua usaha ini dan semua pihak yang sentiasa berdoa kepadaku ini, semoga dengan kuasa dan kehendakmu, agar membalasi mereka semua dengan ganjaran pahala dan kebaikan di dunia dan akhirat. Ameen Ya Rabba A'lamin.

Sekian, Terima Kasih





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
v

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis konsep *Kamālullāh* dalam kumpulan puisi Suhaimi Hj. Muhammad dengan berpandukan prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamāl* dalam teori *Takmilah*, serta hubungannya dengan Sifat 20 Allah SWT. Kajian ini memfokuskan kepada kumpulan puisi Taman Takwa melibatkan 79 judul puisi berkaitan ketuhanan. Analisis kajian menggunakan kaedah kualitatif yang diimplimentasi dengan bukti-bukti statistik subjektif, manakala data sekunder dikumpul menerusi kajian kepustakaan. Dapatan kajian membuktikan konsep dan sifat *Kamālullāh* sama ada berbentuk *ma'āni* atau *ma'nawī* berjaya diterapkan oleh penyair. Daripada 504 frasa dan ungkapan *Kamālullāh*, 204 tergolong dalam sifat *Qudrah*, 94 sifat *Irādah*, 35 sifat *Kawnuhu samī'an*, 30 sifat *Sama'* dan 25 sifat *Mukhālafatuhu lil Hawādith*. Dapatan juga menunjukkan penyair menekankan pendekatan *ma'āni* berbanding *ma'nawī* dalam menyampaikan sifat-sifat *Kamālullāh* menerusi puisinya. Kajian ini merumuskan bahawa puisi memiliki kekuatan tersendiri dan berupaya menyampaikan sifat-sifat *Kamālullāh* dalam bentuk yang puitis yang tidak dapat dilakukan menerusi genre kesasteraan yang lain. Implikasi kajian menjelaskan bahawa penyair muslim turut bertanggungjawab mendakwahi masyarakat dalam memahami konsep dan wacana *Kamālullāh* dengan cara memanfaatkan bakat kesenian, kreativiti dan kebijaksanaan mereka dalam berpuisi.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi

## THE DISCOURSE OF KAMĀLULLĀH IN THE TAMAN TAKWA POETRY COLLECTION BY SUHAIMI HAJI MUHAMMAD

### ABSTRACT

This study was carried out to identify and to analyse the concept of *Kamālullāh* in the collection of poems by Suhaimi Hj Muhammad, that utilises the concept of *Kamāl* within the theory of *Takmilah*, and also its relations to the 20 attributes of Allah SWT (the God). The study was focusing on the collection of poems entitled Taman Takwa that involved 79 titles related to the divinity. The study was qualitatively analysed by implementing subjective statistical evidences. Whilst, primary and secondary data were collected based on the studies of the literatures. The result of the study shows that the aspect of *Kamālullāh* whether in the form of *ma'āni* (attributes that Allah has to show His perfection) or *ma'nawī* (attributes that Allah possesses) was successfully conceptualized by the poet. With reference to the 504 phrases and the adage of *Kamālullāh*, 204 were classified within the attribute of *Qudrah*, 94 *Irādah*, 35 is within the attribute of *Kawnuhu samī'an*, 30 is related to the attribute of *Sama'* and 25 is attached to the attribute of *Mukhālafatuhu līl Hawādith*. From the additional data, the poet wanted to emphasize on the *ma'āni* approach as compared to the *ma'nawī* approach through his poetries in delivering the attributes of *Kamālullāh* to the readers. The research can be concluded that poetries should possess their own strength and able to indoctrinate the divine attributes of *Kamālullāh* as creatively in their poetries, which could hard to be sewn into other literary genres. The implication of the study also elucidates that Muslim poets are responsible to preach to the society in understanding the concept and the discourse of *Kamālullāh* by assisting talent, creativity and also their wisdoms in the poetry creation.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun

ptbupsi  
vi

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
vi



## KANDUNGAN

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI CARTA</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>SENARAI TRANSLITERASI</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
 <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	16
1.5 Soalan Kajian	16
1.6 Skop Kajian	16
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Definisi Operasional	18
1.8.1 Wacana	18
1.8.2 Kamālullāh	18
1.9 Kesimpulan	19





<b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Teori Takmilah	21
2.3 Konsep Kamālullāh	27
2.4 Kerangka Konsep Kamālullāh	45
2.5 Kajian Lalu Berkaitan Konsep Ketuhanan dan Sastera Islam	46
2.6 Kajian Lalu Berkaitan Puisi Suhaimi Haji Muhammad	50
2.7 Kajian Lalu Berkaitan Teori Takmilah	53
2.8 Kesimpulan	62
 <b>BAB 3 METODOLOGI</b>	 63
3.1 Pengenalan	63
3.2 Reka Bentuk Kajian	64
3.3 Kaedah Kajian	65
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	66
3.3.2 Kerangka Konsep	66
3.4 Sumber Data	67
3.5 Analisis Data	68
3.5.1 Membaca Kumpulan Puisi	68
3.5.2 Membuat Senarai Semak	69
3.5.3 Pengekodan	71
3.6 Data Kajian	72
3.7 Kesimpulan	73
 <b>BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>	 74
4.1 Pengenalan	74
4.2 Analisis Konsep Kamalullāh	75
4.3 Analisis Sifat Ma‘ānī (معانی) dalam Puisi SHM	78
4.3.1 Qudrat (قدرة)	80
4.3.2 Sifat Irādah (إرادة)	110
4.3.3 Sifat Sama‘ (سمع)	129
4.4 Analisis Sifat Ma‘nawiyah (معنویة) dalam Puisi SHM	142
4.4.1 Sifat Kawnuhu Samī‘an (كونه سمعاً)	146





4.4.2 Sifat Kawnuhu ‘Āliman (كونه عالما)	152
4.5 Analisis Sifat Salbiyah (سلبية) dalam Puisi SHM	158
4.5.1 Sifat Mukhālafatuhu lilḥawādith (مخالفته للحوادث)	159
4.5.2 Sifat Wahdāniyah (وحدانية)	178
4.6 Analisis Konsep Kamālullāh	188
4.7 Kesimpulan	189
 <b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	 190
5.1 Pengenalan	190
5.2 Perbincangan	191
5.3 Implikasi Kajian	195
5.4 Saran dan Cadangan	195
5.5 Kesimpulan	196
 <b>RUJUKAN</b>	 198
 <b>LAMPIRAN</b>	





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
X

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Analisis Sifat Allah dalam Puisi Taman Takwa	69
3.2 Contoh Pengekodan	71
4.1 Sifat dan Jumlah yang Terdapat dalam Puisi Taman Takwa	75
4.2 Sifat Ma‘ānī dalam Puisi Taman Takwa	79
4.3 Sifat Qudrah dalam Puisi Taman Takwa	81
4.4 Sifat Irādah dalam Puisi Taman Takwa	111
4.5 Sifat Sama‘ dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa	129
4.6 Sifat Kategori Ma‘nawiyah dalam Puisi Taman Takwa	145
4.7 Sifat Kawnuhu Samī‘an dalam Puisi Taman Takwa	147
4.8 Sifat Kawnuhu ‘Āliman dalam Puisi Taman Takwa	153
4.9 Sifat Kategori Salbiyah dalam Puisi Taman Takwa	159
4.10 Sifat Mukhālafatuhu lilḥawādith dalam Puisi Taman Takwa	160
4.11 Sifat Wahdāniyah dalam Puisi Taman Takwa	179



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
X



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
xi

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Prinsip Takmilah	25
2.2 Kerangka Konsep Kamālullāh	45
3.1 Carta Reka Bentuk Kajian	65



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xii

## SENARAI CARTA

No. Carta	Muka Surat
4.1 Sifat Allah dan Jumlahnya dalam Puisi Taman Takwa	75
4.2 Sifat Ma‘āni dalam Puisi Taman Takwa	80



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xiii

## SENARAI SINGKATAN

AS	Alaihissalam
B / Brs	Baris
Hj.	Haji
M/s, ms	Muka surat
SAW	Sallallahu ‘Alaihi wa Sallam
SHM	Suhaimi Haji Muhammad
SWT	Subhanahu wa Ta‘ala
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

UM	Universiti Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI TRANSLITERASI

No	Huruf Arab	Huruf Latin
1	ء	,
2	ب	B
3	ت	T
4	ث	Th
5	ج	J
6	ح	H
7	خ	Kh
8	د	D
9	ذ	Dh
10	ر	R
11	ز	Z
12	س	S
13	ش	Sh
14	ص	Ş
15	ض	D
16	ط	T
17	ظ	Z
18	ع	Gh
19	غ	F
20	ف	Q
21	ق	K
22	ك	L
23	ل	M
24	م	N
25	ن	W
26	و	H
27	هـ	Y
28	يـ	

### Vokal dan Contoh

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Contoh Transliterasi
○	a	بقاء	Baqā'
○	i	قدم	Qidam
○	u	وجود	Wujūd
ـ	ā	كلام	Kalām
ــ	ī	علیم	'afīm
ــ	ū	وجود	Wujūd
ؤـ	aw	گونۂ	Kawnuhu
يــ	ay	غیب	Ghayb





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
XV

## SENARAI LAMPIRAN

- A Muka Depan Buku Puisi Taman Takwa
- B Contoh Sebahagian dari Puisi
- C Kod Puisi dan Nama Judul
- D Gambar Wajah Suhaimi Haji Muhammad



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



si

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Tuhan dan manusia tidak dapat dipisahkan dalam konsep hubungan selaku *khāliq* (pencipta) dengan *makhluq* (yang dicipta). Allah juga memerintahkan kepada hamba-hamba-Nya agar sentiasa mengingati-Nya sepetimana dalam firman-Nya:

فَإِذْ كُرُونَىٰ أَدْكَرْ كُمْ وَآشْكُرُوا لِي وَلَا تَكُفُرُونَ  
151

Maksudnya: Oleh itu ingatlah kamu kepada-Ku (dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku), supaya Aku membala kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).

(Surah al-Baqarah,2:152)

Sebagai hamba kepada Tuhan, setiap Muslim juga selalu berikrar dalam doa *iftitah* dalam solat setiap hari yang bermaksud “Sesungguhnya solatku dan amalan hajiku, hidupku dan matiku kerana Allah Taala”.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Dengan ini, semua hamba sepatutnya sentiasa mengingati Allah dalam semua aspek amalan kehidupan seharian, termasuklah dalam karya-karya atau penulisan, terutamanya bagi karya-karya yang bercirikan Islam atau yang berkonsepkan Islam, semestinya dikaitkan dengan Allah dan sifat-Nya. Justeru, tidak akan sempurna sesuatu percakapan atau penulisan yang berkaitan dengan agama Islam sekiranya tidak disandarkan kepada Allah yang Maha Esa.

Apabila dibicarakan tentang sifat Allah yang Maha Esa, maka seharusnya ilmu tentang *Asmā' al Husnā* (nama-nama Allah) dan juga sifat *al-a'lā* (Sifat yang Maha Tinggi) perlu didalami. Dengan ini tidak ada mana-mana buku yang masyhur sebagai sandaran dalam nama Allah dan sifat-Nya, kecuali yang disebutkan dalam kitab-Nya sendiri yang diturunkan kepada junjungan-Nya Muhammad SAW iaitu al-Quran, dan mesti disandarkan dengan hadis daripada kekasih-Nya Muhammad SAW. Hal ini merupakan nilai yang harus diutamakan dalam menyempurnakan cabang-cabang kehidupan seorang hamba.

Sesungguhnya amalan harian kita merupakan ibadah kepada Allah. Tidak akan tercapai kesempurnaan dalam satu-satu ibadah, kecuali didasari dengan nilai ketuhanan tersebut. Oleh kerana nilai-nilai tersebut sentiasa mengalir dalam hati, terutama dalam setiap gerakgeri serta amalan seharian, termasuk juga hasil-hasil karya yang dihasilkan oleh pengkarya Islam di dalam penulisannya.





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Hubungan antara agama Islam dengan bidang kesusasteraan sangat rapat. Puisi berkembang dalam masyarakat Islam menurut Ahmad Kamal Abdullah (1988,ms.12), sehingga mendapat perhatian yang amat luas dalam kalangan masyarakat Islam. Orang-orang Arab memang terkenal sebagai bangsa yang menaruh perhatian yang besar kepada puisi. Pada zaman jahiliyah, penyairnya lebih cederung menghasilkan syair yang mengandungi unsur mabuk dan syair yang memuja keindahan para wanita dari yang zahir kepada yang sehalus-halusnya, termasuklah tentang hubungan seks.

Menurut Balqis Haji Abu Bakar (1981, ms.88), hidup para penyair dalam keadaan yang tidak beradab dan hanya ingin memuaskan nafsu. Mereka hidup secara



berhala. Pada zaman awal Islam di Mekah, penyair masih banyak menulis syair yang memperlihatkan nada mengejek, mengutamakan nafsu berahi. Pada tiap-tiap tahun diadakan sayembara memilih syair yang terbaik dan akan digantung di kaabah. Jadi ini merupakan satu penghormatan yang tinggi kepada penyair. Menurut Ahmad Kamal Abdullah (1988, ms.13), al-Quran memberikan perhatian yang khas buat para penyair yang memiliki nafsu sebegini. Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui keadaan manusia yang dinamakan penyair ini. Kejahilan mereka, keingkarhan dan sifatmunafik mereka inilah yang ditentang oleh al-Quran. Allah dengan tegas berfirman dalam surah *al-Shu‘arā’* (penyair) yang bermaksud:

224. Dan Ahli-ahli syair itu, diturut oleh golongan yang sesat - tidak berketentuan hala. 225. Tidakkah Engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala dalam tiap-tiap lembah (khayal dan angan-angan kosong)? 226. Dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya?

(Surah *al-Shu‘arā’*, 26:224-226)





Namun begitu ada kekecualiannya seperti mana maksud ayat al-Quran,

“Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh (dari kalangan penyair-penyair itu), dan mereka pula mengingati Allah banyak-banyak, serta mereka membela diri sesudah mereka dianinya. dan (ingatlah), orang-orang yang melakukan sebarang kezaliman, akan mengetahui kelak, ke tempat mana, mereka akan kembali”

(Surah *al-Shu‘arā’*, 26:227)

Sekiranya diteliti akan al-Quran, maka jelaslah bahawa firman Allah yang diturunkan kepada hambanya terungkap dalam kata-kata yang amat indah. Rasulullah juga sangat tegas memberikan panduan kepada para penyair Islam, bahawa al-Quran mengalu-alukan sumbangan fikiran, perasaan yang diajukan di dalam syair atau puisi mereka, asalkan puisi itu tidak bercanggah dengan hukum syarak, serta para penyairnya membuktikan bahawa diri mereka sememangnya membawa nilai-nilai yang direhahai Allah SWT. Nabi Muhammad juga pernah menggalakkan supaya penyair Islam menulis puisi untuk bersaing dengan para penyair jahiliah yang selalu sahaja mencari jalan memperolok-lokkan Islam.



Sebagai cabang kesenian, puisi atau syair daripada penyair Islam dapat menyalurkan perasaan berjihad dan langsung menyalurkan nilai-nilai Islam dan dapat mengembangkan syiar Islam. Bagi mencapai maksud ini tentulah satu cabaran yang sangat besar kepada penyair Islam. Bagi penyair Islam, tidak ada pilihan lain kecuali berpegang kepada al-Quran dan hadis. Sebagai seorang Islam, ia mengakui bahawa pencipta yang unggul dan penguasa yang agung adalah *al-khalik* (pencipta) sendiri. Sebagai *khalīfah* Allah di muka bumi, penyair turut mempunyai tanggungjawab bagi mentasbihkan Allah yang tidak mempunyai saingen sama ada di bumi dan di langit. Kekuatan penyair jika dibandingkan dengan kekuasaan Allah, hanya sekadar satu titik





kecil sahaja berbanding kebijaksanaan Allah. Inilah tanggungjawab penyair selaku khalifah dan menyampaikan risalah kepada orang lain.

Penyair Islam yang sejati sewajarnya menghayati al-Quran. Al-Quran dijadikan sebagai rujukan yang utama. Sememangnya dalam al-Quran sarat dengan contoh-contoh yang nyata tentang insan dan kehidupan tentang visi, harapan, kemuliaan hati, penderitaan dan sebagainya. Terdapat Iman yang kukuh misalnya peristiwa pemuda *Kahfī* yang diburu oleh raja yang zalim. Sepertimana yang diceritakan Allah dalam surah *al-Kahfī* ayat 1-74. Selain itu juga, seorang nabi yang diuji keimanannya oleh Allah SWT sewaktu berhadapan dengan Zulaikha, iaitu Nabi Yusuf. Terdapat juga kisah-kisah yang lain yang menunjukkan bahawa manusia sangat lemah dan masih ada cacat dan kekurangan. Allah berkuasa untuk memberikan



Penyair Islam yang baik akan mendapat manfaat yang besar daripada al-Quran. Tidak syak lagi diksi atau pilihan kata keislaman mempengaruhi syairnya. Hal ini akan bertambah jelas lagi sekiranya dirujuk syair penyair Islam. Peristiwa tersebut mempunyai unsur moral dan etika yang kuat serta terkandung ciri-ciri kesejagatan, yang bukan hanya untuk orang Arab sahaja, tetapi untuk insan sedunia bagi sebarang peringkat masa dan zaman hingga hari kiamat. Dengan ketakwaan yang tinggi, penyair Islam akan menyuburkan rasa cintanya kepada Allah, pencipta-Nya dan menerima hakikat bahawa kebenaran yang mutlak itu hanya Allah semata-mata. Berjuang kerana Islam adalah sebagai ibadah. Jadi, tugas atau tanggungjawab penyair Islam yang menuntut keredhaan Allah dan beribadah kerana Allah semata-mata. Ini bersesuaian dengan kata Shahnon Ahmad (1981, ms.6) “karya kreatif dijadikan satu





saluran untuk beribadah kepada Allah, di samping menjadi saluran dakwah bagi menyampaikan kebenaran yang hakiki”.

Inilah bezanya dengan aktiviti yang dilakukan oleh penyair yang tidak berpegang dengan konsep ketuhanan. Jikalau mereka berjuang untuk mempertahankan sesuatu aliran, fahaman yang naif dan jelas bercanggahan dengan Islam, seharusnya diawasi oleh penyair Islam agar keislaman dan akidahnya tidak tergelincir oleh sebab pelbagai aliran fahaman dan ideologi yang lain.

Mana Sikana (1985, ms.124) menegaskan bahawa penyair Islam harus membaiki akhlak antara makhluk dengan Khalik. Ertinya ialah melakukan apa saja yang diperintahkan oleh Allah dan menjauhi apa saja yang dilarang oleh-Nya.



menyerah sepenuhnya kepada Allah, sentiasa memperbaiki sembahyang, memperbanyak zikir, dan sebagainya. Katanya lagi Kesan keislaman yang ditinggalkan oleh pengkarya sastera itu mestilah dapat dijadikan ukuran sama ada karya itu karya Islam atau pun sebaliknya.

Kesan keislaman yang dimaksudkan ialah kesan menyeluruh yang dapat dirasai oleh pembaca selepas membacanya. Kesedaran bahawa Allah sedang memerhatikan mereka, dalam semua amalan yang mereka lakukan. Redha dengan pemberian dari Allah, serta sabar atas ujian yang mereka hadapi. Semua itu dapat dinilai olehdiri sendiri serta sedar bahawa semuanya itu datang daripada Allah yang bersifat *Kamāl* itu. Pembaca sebuah karya Islam juga, seharusnya akan berasa puas dan dapat menikmati karya itu dengan perasaan, hati serta fikirannya dan rasa amat





terikat dengan karya itu dari awal hingga ke akhir. Mereka akan merasai sesuatu yang indah dan menarik, sesuatu yang benar-benar dapat memberikan kenikmatan dan kelazatan kepada jiwanya.

Mohd Kamal Hassan (1980) dalam Ahmad Kamal Abdullah (1988, ms.20), sesungguhnya kesenian Islam itu dalam hubungan ini, puisi atau syair amatlah mementingkan keindahan. Keindahan seni dapat dirasa, diraba, dibaca, didengar dan dicium, kerana “Sesungguhnya Allah itu Indah dan Ia sukakan keindahan”. Demikian maksud hadis Nabi. Untuk mencapai keindahan yang abadi bukanlah mudah. Ini merupakan perjuangan para penyair Islam seperti kata Imam Ghazali (1972, ms.32)

“Sesungguhnya penyair Islam adalah penyair yang istimewa. Penyair Islam sewajarnya memiliki hati yang bersih, sebagaimana sabda Rasulullah SAW, di dalamnya ada lampu yang bersinar dan hati si kafir hitam dan terbalik”.



Justeru, hubungan antara Allah dengan makhluk-Nya sangat rapat supaya dapat dihasilkan satu-satu karya berbentuk puisi yang penuh dengan keindahan dan kesenian yang dapat dirasai oleh pembacanya.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Menurut penyelidik bahasa dan sastera Arab, walaupun prosa dan puisi atau syair itu tidak diketahui permulaan lahirnya, tetapi semenjak abad keempat Masihi, syair dan prosa seperti itu telah banyak didengarkan oleh sasterawan Romawi dan Yunani, kerana kedua-dua bangsa itu telah banyak berhubung dengan bangsa Arab (Habib Sharifah, 1984. ms.12). Menurut Mana Sikana (1985, ms.100), dari segi sejarahnya,





sastera Islam dikatakan bermula apabila diturunkan al-Quran, melihatnya sebagai cara pengislaman masyarakat Arab Jahiliah oleh Nabi Muhammad SAW. Waktu menghadapi tentangan daripada suku *Quraysh* dan Arab *Mushrikīn*, serta orang-orang Yahudi, Nabi Muhammad SAW telah menggunakan puisi sebagai alat untuk menentang musuh-musuh Islam. Orang Arab *Quraysh*, melalui gubahan puisi mereka telah menyerang peribadi baginda SAW untuk menangkis serangan tersebut. Nabi Muhammad SAW menyeru penyair-penyair Islam supaya tampil ke hadapan bagi mempertahankan kesucian agama Islam. Di antara mereka yang menyahut seruan Baginda ialah ‘Abd Allah Ibn Rawāhah, Ka‘ab bin Mālik dan Hassan bin Thābit. Kata Ismail Hamid (1976, ms.27), puisi gubahan Hassan bin Thābit telah menyebabkan suku *Kawm Tamīm* mengiktiraf Nabi sebagai pemimpin dan mereka mengambil pilihan untuk menyertai Islam.



Menurut Mana Sikana (1983, ms.31) lagi, sastera Islam juga merupakan perakaman sastera yang kandungannya terdiri dari sesuatu yang mutlak, yakni sesuatu akidah, Syariah dan rohnya selaras dengan al-Quran dan hadis yang mana kandungannya tidak berubah. Mengikut apa yang dijelaskan, pembinaan sastera Islam haruslah mempunyai ciri-ciri yang mendorong kepada pembentukan moral.

Sebaliknya Mohd. Kamal Hassan (1980, ms.12) pula menyatakan melalui karya Islam sebenarnya terdapat ilham atau inspirasi yang datang daripada Allah untuk diamanahkan supaya sampai kepada makhluk lain. Bagi mendapat ilham yang indah, bermutu dan mencapai tahap kebenaran, penulisnya perlu menjalani proses penyucian jiwa yang serius, intensif, dan terarah sesuai dengan kehendak Islam. Atas dasar inilah, timbulnya kenyataan bahawa tidak diterima akal sekiranya menganggap





tidak ada hubungan antara karya dan penulisannya. Mereka yang tunduk dan patuh kepada peraturan Allah seharusnya menyesuaikan karya dengan nilai-nilai dan norma-norma yang ditentukan oleh Allah.

Kesan kebenaran yang ditinggalkan oleh karya sastera Islam adalah merupakan kesan mistik yang lebih mendekatkan manusia kepada pencipta-Nya dan menampakkan keindahan dan kebenaran yang hakiki. Kesan-kesan yang berunsur hiburan nafsu semata-mata adalah ditolak oleh sesuatu pengucapan seni Islam, termasuk karya sastera Islam. Menurut Mustafa Mohd. Isa (1992, ms.24) kesusasteraan ialah salah satu daripada cabang kebudayaan secara menyeluruh yang melambangkan sebahagian daripada ciri-ciri kehidupan sesuatu bangsa melalui pemikiran kreatif. Oleh yang demikian, kesusasteraan yang mempunyai unsur Islam sangat wajar diciptakan, terutama oleh para sasterawan Islam itu sendiri.



Ismail Ibrahim (1988, ms.2) pula berpendapat dalam konteks sastera Islam, kesan yang seharusnya ditinggalkan oleh hasil-hasil karya Islam mestilah kesan yang positif dan dapat memberikan pandangan yang luas tentang hidup ini, iaitu tentang pengertian hidup dan tujuannya. Menurut perspektif Islam, mengapa manusia diciptakan oleh Allah yang memenuhi dengan sifat *Kamāl* (kesempurnaan), yang menciptakan manusia dengan tujuan yang tertentu, dan bagaimanakah manusia harus bertindak dalam segala bidang hidupnya untuk mencari kebahagiaan, dan keamanan. Karya yang baik dan berkesan dapat memberikan pandangan yang luas tentang dasar Islam dalam menentukan cara hidup Islam yang berpandukan kepada nilai moral kerohanian.





Bagi Shafie Abu Bakar (1983, ms.10), sastera Islam merupakan gambaran yang ditimba daripada masyarakat dan bertujuan untuk memberi pendidikan serta bimbingan ke arah menghayati nilai-nilai yang lebih sempurna. Manakala Shahnon Ahmad (1981, ms.388), merumuskan bahawa sastera Islam merupakan sastera kerana Allah, berhikmah untuk manusia.

Sastera Islam juga mencakupi semua perkara, sama ada yang berkaitan dengan perasaan suka dan duka, marah dan redha, tangis dan tawa, suka dan benci, sengsara dan nikmat, logik dan perasaan, hikmah, dan lain-lain. Menurut Mohd. Kamal Hassan (1980, ms.48) pula, seni sastera menurut perspektif Islam ialah sejenis *litterature engage* yang mendukung nilai-nilai Islam dan visinya tentang realiti, dan berusaha merubah masyarakat kearah penghayatan nilai-nilai dan pandangan hidup. Di samping itu, ia



supaya manusia dapat memahami masyarakat dan dirinya dengan lebih baik dari yang sudah ada. Dijelaskan lagi bahawa sastera Islam itu konsepnya adalah yang dapat dikeluarkan daripada diri penyair yang mendalam setiap karyanya, kerana komunikasi asasnya ialah antara pengarang dengan Allah, berbeza dengan sastera lain yang komunikasi asasnya ialah antara pengarang dengan pembaca. Tujuan sastera Islam menurut Suhaimi Haji Muhammad<sup>1</sup> (1988, ms.81) walau ditulis dalam bentuk

<sup>1</sup> Suhaimi Haji Muhammad (78) merupakan penyair sufi dan penyajak dari negeri Perak, Malaysia. Lahir di Kota Lama, Kuala Kangsar pada 1934. Beliau menjadi guru selepas menerima latihan di Maktab Perguruan Sultan Idris (1951-1954). Kemudian menjadi editor majalah kesusasteraan semasa berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (1975 -1989). Cerpen pertama diterbitkan di Singapura pada tahun 1950. Suhaimi telah berjaya menerbitkan 21 kumpulan puisi perseorangan mengandungi lebih daripada 1,000 buah puisi yang terdiri daripada berbagai tema dan bentuk, di samping tiga buah kumpulan cerpen dan sebuah kumpulan kritik kesusasteraan. Kebanyakan antologi sajak terawalnya berunsur surrealisme dan mistikisme dan sukar difahami, termasuk oleh pengkritik sastera. Namun begitu, menjelang tahun 2000, puisi-puisi Suhaimi dilihat cenderung ke arah unsur sufi atau ketuhanan. Suhaimi telah meninggal dunia pada hari Sabtu, 3 Januari 2014, pada 4.45 pagi ketika berumur 79 tahun di Kampung Dato' Ahmad Said, Manjoi, Ipoh, Perak.





apapun ialah untuk pengabdian kepada Allah dari segi niat penulisan, dan hasilnya, segalanya kerana Allah. Inilah prinsip penulisan berlandaskan sastera Islam. Karya Islam tidak ditulis begitu sahaja mengikut tarikan dan pengaruh ilham. Ilham mungkin membawa penulis atau penyair ke dalam rimba raya liar, haruslah disekat dan dicernakan terlebih dulu. Walau dalam bidang penulisan sekalipun, tidak mustahil akan dibawa dan kemudian berpeluang dengan pelbagai bentuk alam, sama ada alam yang penuh cahaya, sama ada alam penuh kabut seksual, alam yang penuh dengan babak-babak yang menyesatkan, sama ada dari segi akidah mahupun syariat. Hal ini kerana penulis Muslim seharusnya dapat memilih dan mencernakannya dengan baik, agar hasil karyanya benar belaka, selaras dengan kehendak al-Quran dan hadis (Maa'mor, 2000, ms. 11).



Sastera dengan konsep ketuhanan berkait rapat dengan puisi-puisi Islam dari zaman Nabi Muhammad hingga sekarang, sebagaimana hubungan agama Islam dengan al-Quran sebagai sumber asasi dalam kehidupan. Al-Quran adalah kalam





Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril. Apabila sasterawan Islam menulis karya mereka yang berunsur Islam, semestinya ia dikaitkan dengan keindahan agama dan kebesaran Allah SWT. Pemikiran pengarang tentang kekuasaan Allah SWT diperkuuhkan dalam sajak dan puisi mereka, seperti yang terdapat daripada hasil kajian kumpulan puisi Taman Takwa oleh A. Halim Ali (2015, ms.307). Pemikiran Suhaimi Hj. Muhammad tentang kekuasaan Allah turut diperkuuhkan dalam sajak berjudul “Engkau Maha Sempurna” (ms.47-49) dan sajak “Yang Menguasai Wujud” (ms.54-55).

Katanya lagi penyepaduan unsur metafora dengan inti pemikiran penyair tentang kekuasaan Allah dapat juga dikesan dalam sajak “Bayang dari negeri yang dilumpuhkan” (ms.97). Dalam sajak ini, penyair menyepadukan sembilan unsur



Nuh termasuk anaknya yang mengingkari perintah Allah. Penyair dengan bahasa metaforanya secara simbolik menyuarakan pertanyaan kepada tuhan, apakah perlu penyair memikirkan kisah-kisah sejarah tentang kaum Nabi Nuh, kerajaan Saba' dan Madyan. Dari satu sudut, penyair sebenarnya tahu bahawa kisah-kisah itu sebahagian daripada sejarah yang tercatat dalam al-Quran, namun, intipati yang besar daripada sejarah ini ialah persoalan kekuasaan Allah yang perlu difikirkan, dihayati dan diambil iktibar oleh setiap manusia yang beriman. Di sinilah letaknya sikap bijaksana penyair yang memanfaatkan kias banding untuk mengutarakan inti pemikirannya.

Shafie Abu Bakar (1997) dalam perbincangan teoretikal teori *Takmilah* juga

menggunakan istilah keindahan yang diambil maknanya dari perkataan *al-Jamāl*, salah satu daripada sifat Allah SWT yang memperlihatkan kesempurnaan-Nya.





Signifikasi penggunaan istilah keindahan ini juga berkait rapat dengan maksud hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud “Sesungguhnya Allah itu indah dan Dia suka akan keindahan” (Mohd Kamal Hassan, 1980, ms.39).

Menurut Asmiaty Amat, Lokman Abdul Samad, (2014), syair atau puisi yang berkonsepkan tauhid terutama dalam teori *Takmilah* ialah berprinsip atau falsafah tauhid yang menjadi asas kehidupan beragama dan ciri perbezaan antara Islam dan bukan Islam. Mengikut tokoh agama seperti Isma‘il al-Faruqi, Lois Lamya’ al-Faruqi (1992, ms.79) dan Yusuf al-Qarḍawi (1985, ms.14), keperluan kepada tauhid adalah lebih penting daripada keperluan dunia, hal ini menyentuh persoalan-persoalan pokok yang berkaitan dengan kewujudan insan. Perkara ini secara langsung menegaskan lagi kepentingan prinsip tauhid ini.



Berdasarkan prinsip tauhid ini juga, para karyawan Islam yang bertujuan menyebarkan dakwah melalui karya-karya mereka harus menyempurnakan akidah tauhid untuk menambah baik dan membentuk keimanan pembaca. Secara tidak langsung juga mereka harus mendalami dan memahami keesaan Allah, sifat Allah yang *Jamāl* dan *Kamāl*, di samping sifat-sifat-Nya yang lain. Sehubungan dengan itu, dalam konteks sastera yang menjadi manusia dan alam sebagai fokus berkarya dan menjadi seni sebagai unsur keindahan, penulis seharusnya menpertingkatkan diri kearah kesempurnaan. Shafie Abu Bakar (1997, ms.132) menegaskan bahawa melalui kerangka teori yang berkaitan dengan Allah, sastera dilihat bukan sebagai satu wacana yang terasing daripada Islam, tetapi ia mencerminkan kesyumulan Islam dan *integrated* (Asmiaty Amat, Lokman Abdul Samad, 2014, ms.85).





Dalam membentuk akhlak insan yang kamil daripada puisi, novel dan lain-lain bentuk lagi sangat penting dalam dunia akhir zaman ini, walaupun tidak banyak kajian yang melihat sumbangan sastera dalam sumbangan membentuk akhlak manusia di alam Melayu, sepertimana yang digariskan oleh Ismail Hamid (dalam Zahir Ahmad, 2005, ms.261).

“...saya percaya teks-teks sastera Islam tidak lagi terbatas kepada cerita para nabi dan lain-lain yang dikarang oleh pengarang tempatan yang diterjemahkan dari sumber dari Arab dan juga Farsi, tetapi ianya telah terbuka kepada cerita yang lain seperti puisi, syair, pantun dan sebagainya, kakikat cerita lisan, novel, dan cerpen. Bagaimanapun sudah tentu penentu sastera Islam itu tidak boleh dibuat berdasarkan genre, ianya haruslah dibuat berdasarkan isi kandungan karya berkenaan, dan katanya lagi karya berbentuk puisi lebih mudah dikategorikan sebagai sastera Islam berbanding dengan bentuk lain. Bentuk atau genre sudah tentu tidak boleh dijadikan asas penentuan sastera Islam atau tidak, jika ada pengarang seperti Hamzah Fansuri mengambil bentuk “Syair Perahu”, “Syair Dagang” dan “Syair Fikir”, ini adalah tajuk-tajuk syair karangan Hamzah berbentuk puisi kerohanian, syair yang ditulis tentang kematian dan seksaan di hari akhirat. Begitu juga sajak-sajak yang ditulis oleh Suhaimi Hj. Muhammad (Pemenang S.E.A Write Award 1995), yang rata-ratanya berunsur keagamaan misalnya seperti sajak “Peringatan kepada Manusia...”.



Dalam konteks yang sama, Faisal Tehrani (2009) berpendapat bahawa sebuah persuratan yang menyediakan solusi untuk setiap masalah ummah dengan jalan supra mazhab amat diperlukan, dan katanya lagi “saya perhatikan mutakhir ini karya sastera Islam kita telah menjadi kaku beku di dalam zon selesa”. Sayyid Hossein Nasr dalam *Ideals and realities of Islam* (dalam Faisal Tehrani, 2009) menekankan Islam adalah sebuah agama yang pluralistik dengan kepelbagai tradisi, dengan menggauli pelbagai tradisi Islam dari setiap penjuru dunia, ummah dapat saling meminjam kekuatan dan kelebihan satu sama lain. Hal ini bersesuaian dengan seruan Taha Jabir Fayyad al-Alwani dalam *The Ethics of Disagreement in Islam* (Faisal Tehrani, 2009). Disinilah lahirnya peranan disiplin sastera bandingan yang dapat memugar persamaan dan perbezaan sastera Islam dari pelbagai rantau umat Islam.





Perbandingan yang bersungguh-sungguh akan membolehkan kita umat Islam membentuk satu jati diri persuratan yang bermodelkan kepimpinan Islam yang benar dengan pendekatan “supra mazhab”. Kata Faisal tehrani pada akhir penulisannya sudah tiba masa untuk kita bergerak dari pertikaian apakah karya sastera harus memuatkan ilmu yang benar atau tidak, di sebalik cerita yang berhemah atau tidak, kita harus bergerak dari perbincangan apakah kriteria untuk menilai Islam atau tidaknya sesuatu karya, generasi baharu pengarang sastera Islam mesti menerbit dari masing-masing untuk membuka tempurung menerokai wilayah sastera Islam yang sebenarnya luas. Hal demikian perlu supaya sastera Islam kita dapat terus bergerak menuju wilayah yang sebenar, iaitu tauhid. Inilah cabaran sastera Islam dalam dekad-dekad mendatang, Faisal Tehrani (2009).



dalam konteks Islam. Kepentingan sastera Islam dalam masyarakat Melayu semasa dalam membentuk akhlak yang murni yang bersumberkan puisi-puisi Islam, tetapi masih lagi kurang kajian-kajian ilmiah yang mendalam tentang tauhid secara khusus dan mendalam yang dijalankan oleh para sarjana. Dengan ini pengkaji akan meneliti *Kamālullāh* (kesempurnaan Allah), di dalam puisi salah satu penyair Islam yang terkenal, iaitu Suhaimi Hj. Muhammad dengan memelih kumpulan puisinya, yang berjudul Taman Takwa sebagai bahan kajian. Penyelidikan ini bertujuan membuktikan bahawa puisi Taman Takwa, oleh Suhaimi Hj. Muhammad berjaya mempaparkan unsur ketuhanan khususnya wacana *Kamālullāh* yang setakat ini belum diteliti secara ilmiah.





## 1.4 Objektif Kajian

Secara ringkasnya, kajian ini dilakukan dengan beberapa tujuan seperti yang dinyatakan di bawah:

- i. Mengenal pasti unsur-unsur yang berkait dengan sifat *Kamālullāh* dalam kumpulan puisi Suhaimi Hj. Muhammad.
- ii. Menganalisis wacana berkaitan *Kamālullāh* dalam kumpulan puisi Suhaimi Hj. Muhammad.

## 1.5 Soalan Kajian



- i. Apakah aspek ketuhanan yang bersifat *Kamālullāh* yang terdapat dalam kumpulan puisi Suhaimi Hj. Muhammad.
- ii. Apakah wacana berkaitan *Kamālullāh* yang terdapat dalam kumpulan puisi Suhaimi Hj. Muhammad.

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini hanya dibataskan kepada karya yang dihasilkan oleh Suhaimi Hj. Muhammad, dalam kumpulan puisi yang bertajuk: *Taman Takwa* (2009). Karya ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, dan mengandungi 79 buah puisi. Demikian kumpulan puisi ini sebagai teks kajian adalah berdasarkan faktor berikut:





- i. Suhaimi Hj. Muhammad adalah seorang penyair yang prolifik sepanjang zamannya, beliau terus berkarya hingga akhir hayatnya.
- ii. Beliau merupakan seorang penerima anugerah sasterawan Perak (1986).
- iii. Karya-karya Suhaimi Hj. Muhammad disebut oleh ramai sarjana seperti, Mana Sikana, dan A. Halim Ali, sebagai karya yang sarat dengan unsur agama Islam.
- iv. Karya-karya Suhaimi Hj. Muhammad dalam bentuk puisi jarang dikaji pada peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD).

## 1.7 Kepentingan Kajian



Kajian ini dapat membuktikan perkara berikut:



- i. Kajian ini dapat membuktikan kepentingan konsep ketuhanan atau *Kamālullāh* di dalam karya-karya bercorak islami yang bersifat kreatif seperti novel, puisi, selain menunjukkan bagaimana unsur-unsur tersebut diaplikasi oleh pengarang. Melalui sifat-sifat Allah yang Maha Tinggi ini dapat menyempurnakan hasil karya-karya yang berunsurkan Islam dengan lebih sempurna.
- ii. Selain itu kajian ini juga dapat memberikan manfaat kepada sekolah atau pusat-pusat pengajian bahasa yang ingin menjadikan satu modul dalam pengajian mereka, dengan menggunakan kumpulan puisi ini sebagai bahan pengajian pembelajaran bahasa berkonsepkan agama. Selain itu, kajian ini juga akan menjadi satu dorongan kepada pengkaji dalam bidang agama untuk mendalami lagi kumpulan puisi yang lain.





iii. Kajian ini juga diharapkan agar dapat melahirkan modal insan yang bermutu kepada negara dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka berteraskan Islam dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah yang Maha Esa.

## 1.8 Definisi Operasional

### 1.8.1 Wacana

Wacana bermaksud kesatuan fikiran yang utuh: sama ada dalam bentuk lisan seperti pidato, khutbah atau tulisan seperti surat artikel, novel cerpen. (Kamus Dewan, ms.1783) adapun mengikut Chafe (dalam Sanat Md. Nasir, 2002, ms.35) wacana digunakan dengan perbagai maksud oleh pelbagai pengkaji. Pada umumnya wacana dilihat sebagai sesuatu yang melampaui sempadan ayat-ayat yang berpisah-pisah. Wacana dan teks digunakan saling bertukar ganti, dan keduanya merujuk kepada unit bahasa yang lebih besar daripada ayat. Wacana dalam kajian ini merujuk kepada fikiran pengkarya yang diterjemahkan dalam bentuk puisi, khusus puisi yang berkonsepkan sifat *Kamālullāh*. demi membuktikan kesempurnaan Allah yang bersifat dengan *Kamāl*.

### 1.8.2 Kamālullāh

*Kamālullāh* berasal daripada dua perkataan: *Kamāl* yang bermaksud sempurna (Kamus Dewan, 2010, ms.665). Adapun mengikut Kamus Besar Arab Melayu Dewan, (2006, ms.2026). kata kamal dari "كَمْلٌ ، يَكْمِلُ ، كَمَا لَعَلٌ" yang bermaksud terdapat





padanya sifat-sifat kesempurnaan. Allah bermaksud Tuhan yang Esa (Kamus Dewan, 2010, ms.37) dan *Kamālullāh* merujuk kepada sifat-sifat Allah yang Maha Sempurna. Sempurnanya sifat Allah sehingga tidak ada satu pun makhluk yang dapat mentafsirkannya. Allah yang bersifat dengan “Maha” seperti Maha Esa, Maha Kuasa dan sebagainya.

## 1.9 Kesimpulan

Dalam bab ini telah dibincangkan tentang pendahuluan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, soalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan definisi kajian. Bab yang seterusnya, pengkaji akan mengupas tentang tinjauan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



si

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR



05-4506832

**2.1 Pengenalan**Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Dalam bab ini akan dibahaskan tentang kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dalam bab ini akan dibahagikan perbahasan kepada beberapa bahagian, bahagian pertama akan dibincangkan tentang kajian lalu yang berkaitan dengan konsep ketuhanan dan sastera Islam, adapun bahagian kedua akan dibincangkan tentang kajian lalu berkaitan puisi Suhaimi Hj. Muhammad, dan bahagian akhir iaitu bahagian ketiga akan dibincangkan tentang kajian lalu berkaitan teori *Takmilah*.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 2.2 Teori Takmilah

Teori *Takmilah* merupakan teori sastera Islam yang telah diutarakan oleh Shafie Abu Bakar, melalui perbincangannya yang bertajuk “Sastera Islam: Teori pengindahan dan penyempurnaan dalam rangka tauhid”, dalam satu kertas kerja yang dibentangkan dalam satu seminar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Port Dickson pada 29 hingga 31 Oktober 1992. Lanjutan daripada seminar tersebut, Shafie Abu Bakar kemudiannya telah menjelaskan rangka idea mengenai teori ini dalam seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama DBP yang diadakan pada 5-8 September 1993. Beliau telah membentangkan kertas kerja yang berjudul “Teks Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin: Sebagai model Sastera Islam.”



Samsina Abd Rahman (2001) menyatakan bahawa Shafie Abu Bakar mula menggunakan istilah takmilah dalam pengolahan teks yang dipilih, namun bukan sebagai tajuk utama kertas kerjanya. Katanya lagi dalam satu Nadwah Sastera Islam Antarabangsa yang dianjurkan oleh DBP, Kuala Lumpur dari 1-5 Disember 1993, Shafie Abu Bakar turut menggunakan istilah takmilah sebagai judul kertas kerjanya. Melalui nadwah ini, Shafie membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk “Takmilah: Teori Sastera Islam”.

Teori ini telah diaplikasikan oleh Shafie Abu Bakar dalam kumpulan puisi *Kau dan Aku: Analisis Takmilah*, Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Majlis Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 14 September 1984. Adapun perkataan takmilah ini berasal dari kata akar “*Kamāl*” yang bertalian dengan *Tajmilah*.





dan *Jamāl*. Perkataan Takmilah ini merupakan istilah Arab yang bermaksud penyempurnaan. Istilah ini melalui beberapa peringkat penggunaannya sebagaimana yang telah dilakukan oleh pengasas teori sendiri. Shafie Abu Bakar (1996) menyatakan “Takmilah” merupakan istilah yang berhubungkait dengan sifat *Kamāl* Allah yang bererti “sempurna lagi menyempurnakan”. Keindahan juga merupakan salah satu sifat Allah yang memperlihatkan kesempurnaan Allah SWT. Sifat *Jamāl* Allah mencerminkan sifat kesempurnaan Allah. Samsina Abd Rahman (2001) menyatakan dalam konteks penghasilan sebuah karya sastera, penggunaan teori Takmilah ini akan menjadikannya sebuah karya yang sempurna apabila dapat memenuhi prinsip-prinsip yang digariskan pada peringkat awal Shafie Abu Bakar telah menggariskan lima prinsip asas seperti berikut:

- i. Berada dalam ruang lingkup falsafah tauhid.
- ii. Teks tidak terpisah daripada nilai yang berasaskan keislaman.
- iii. Antara pengarang dengan teks mempunyai pertalian dalam kaitannya dengan nilai keislaman.
- iv. Tidak dikaitkan dengan ideologi tertentu yang bertentangan dengan Islam, misalnya ideologi Marxism.
- v. Adanya unsur-unsur yang menganjurkan (secara tersirat) ke arah kebaikan seperti pendidikan, dakwah, takwa, keluhuran, kemurnian, kecintaan kepada Ilahi, dan pembelaan terhadap mereka yang tertindas.

Seterusnya Shafie Abu Bakar (1996) telah memperluas dan memperkasakan lagi teori *Takmilah* ini dengan lebih terperinci, iaitu dengan mengutarkan tujuh prinsip sepertimana berikut:





- i. Prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamāl*.
- ii. Prinsip kerasulan yang bersifat *Kāmil*.
- iii. Prinsip keislaman yang bersifat *Akmāl*.
- iv. Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takāmul*.
- v. Prinsip sastera sendiri yang bercirikan estetik dan bersifat *Takmilah*.
- vi. Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri.
- vii. Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *kāmil*.

Menurut Samsina Abd Rahman (2001), rangka teori *Takmilah* yang telah diperincikan ini dikatakan bersifat holistik yang melibatkan ketuhanan, kenabian, keislaman, keilmuan, karya, perkarya dan khalayak. Teori ini diperkuuhkan daripada pelbagai prinsip keislaman dan persuratan. Ianya tidak hanya bersifat awang-awangan



tetapi dapat dibuktikan daripada realiti yang berlaku dalam persuratan Islam itu sendiri. Namun, istilah-istilah yang digunakan bagi tujuh prinsip ini ada perbezaannya, iaitu *Kamāl*, *Kāmil*, *Akmāl*, *Takāmul*, *Takmilah*. Walau bagaimanapun, semuanya berasal daripada perkataan yang sama iaitu “*Kamāl*” (sempurna) yang dirinya dibentuk istilah “*Takmilah*” (menyempurnakan).

Teori ini dianggap sebagai satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan kepada analisis dan kritikan bersandarkan secara langsung kepada konsep tauhid. Kemunculan teori ini telah membuka jalan alternatif kepada para sarjana dan pengkritik untuk menjalankan kajian, analisis, ulasan dan kritikan berdasarkan prinsip-prinsip keislaman. Kritikan sastera berdasarkan teori-teori Barat selama ini masih gagal untuk menghubungkan satu pertalian yang bermakna di antara pengkarya, karya dan khalayak dengan Pencipta.





Kritikannya lebih bersifat luaran dan konseptual tanpa menjurus kepada paksi kelahiran karya secara maknawi. Teori *Takmilah* muncul hasil daripada pembentangan beberapa siri kertas kerja yang membincangkan teori dan konsep sastera Islam. Pada peringkat awal, satu kertas kerja telah dibentangkan oleh Shafie berjudul “*Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid*” di Port Dickson pada 29-31 Oktober 1992 (Shafie Abu Bakar, 1997).

Perbincangan umum dalam kertas kerja tersebut ternyata telah membawa idea kepada Shafie untuk mengasaskan satu kerangka teori yang boleh digunakan sebagai landasan kritikan dan analisis karya. Istilah “*Takmilah*” hanya disebut dan diketengahkan sebagai satu gagasan apabila Shafie membentangkan kertas kerja berjudul “*Takmilah: Teori Sastera Islam*” sempena Nadwah Sastera Islam




Bagi menguat dan mengukuhkan *Takmilah* sebagai sebuah teori yang dapat menzahirkan keberhasilan analisis dan kritikan karya, aplikasi pertama telah dilakukan oleh Shafie ke atas kumpulan puisi “*Kau dan Aku*” oleh A. Aziz Deraman. Hasil aplikasi tersebut telah dibentangkan pada majlis Diskusi Buku Sempena Minggu Sastera Malaysia 1994 di Dewan Bahasa dan Pustaka. Bagi mengukuhkan kerangka teori *Takmilah*, telah diberikan beberapa prinsip untuk mengangkat legitemasinya (Ani Haji Omar dalam Abdul Halim Ali, 2014, ms.44).

Secara ringkasnya teori *Takmilah* dapat dirumuskan dalam rangka teori yang disatukan iaitu dengan menggabungkan semua prinsip yang telah diperkatakan secara melihat dari atas ke bawah kepada prinsip yang paling asas iaitu Allah membawa





tahap ke bawah berikutnya, iaitu Rasul, Islam, Ilmu, pengarang, karya dan khalayak seperti Rajah 2.1 berikut



Rajah 2.1. Prinsip Takmilah

Rajah 2.1 menunjukkan konsep dalam teori *Takmilah* dari sifat Allah ‘*Kamāl*’ (sempurna) yang menjadi tujuan sastera melalui ‘tali’ estetika (*Jamāl*). Seterusnya turun ke bawah (*Jamāl*, *Ahsan*, *Ihsan*, Intuisi, Estetika) yang merupakan peningkatan dari bawah ke atas kepada yang sempurna (Shafie Abu Bakar, 1996, ms.31).





Prinsip yang pertama dipilih ialah prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamāl*. *Kamāl* ialah sifat Allah yang bermaksud Sempurna. Sifat *Kamāl* ini bertalian pula dengan sifat *Jamāl* Allah. Sifat *Jamāl* yang membawa maksud Indah merujuk kepada Allah yang Maha Indah dan Keindahan Allah itu terperancar menerusi makhluk ciptaan-Nya. Keindahan sifat Allah ini mencerminkan kesempurnaan Allah sebagai Penciptanya. Sifat *Jamāl* (indah) Allah inilah yang dihubungkan atau diasosiasikan kepada sastera sebagai suatu hasil kreativiti makhluk yang indah dan penuh dengan nilai estetika. Proses pengindahan dalam sastera yang dipanggil *takmilah* merupakan suatu proses untuk menuju kepada kesempurnaan yang dikenali sebagai *Takmilah*.

Proses keindahan dalam sastera untuk menuju kepada tingkat kesempurnaan itu tidak hanya melibatkan unsur esktrinsik atau struktur binaan sesebuah karya



semata-mata, tetapi lebih jauh merupakan manifestasi diri pengarangnya untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan menerusi sastera untuk mencapai tahap kesempurnaan sebagai makhluk atau hamba Allah (Shafie Abu Bakar, 1997 ms.10 dalam Zailani, 2011, ms.67).

Menurut Shafie Abu bakar (2011), Sastera Islam diterima sebagai satu aspek yang boleh digunakan seperti di dalam melahirkan rasa keagungan kepada pencipta. Sastera juga menjadi alat di dalam pelajaran dan merupakan alat pendidikan yang penting di dalam menanamkan rasa keinsanan dan keislaman melalui pembacaan. Melaluinya dapat mendekatkan diri ke arah lebih sempurna (*Takmilah*).





Menerusi Prinsip ini dengan gabungan 20 sifat yang wajib bagi Allah, kumpulan puisi Taman Takwa akan dianalisis sifat-sifat *Kamāl* Allah berdasarkan sifat yang wajib bagi-Nya. Selain itu kajian ini juga akan mengupas bagaimana pengarang mampu menterjemahkan konsep Tuhan yang bersifat *Kamāl* ini dalam kumpulan puisinya.

### 2.3 Konsep *Kamālullāh*

Konsep *Kamālullāh* merujuk kepada 20 sifat yang wajib bagi Allah, Allah SWT juga adalah zat Maha Pencipta dan Maha Kuasa atas seluruh alam beserta isinya. Dibahagikan juga sifat Allah SWT kepada sifat wajib, mustahil dan jaiz sebagai sifat



beriman untuk mengetahui sifat-sifat tersebut:

- i. Sifat wajib, ertinya sifat-sifat yang pasti dimiliki oleh Allah SWT – Sifat wajib Allah berjumlah 20.
- ii. Sifat mustahil, ertinya sifat-sifat yang tidak mungkin ada pada Allah SWT. Sifat mustahil adalah berlawanan dari sifat wajib. Jumlahnya juga sama dengan jumlah sifat wajib bagi Allah SWT.
- iii. Sifat jaiz, ertinya sifat yang mungkin bagi Allah SWT untuk berbuat sesuatu atau tidak berbuat sesuatu sesuai dengan kehendak-Nya. Ertinya Allah berbuat sesuatu tidak ada yang menyuruh dan tidak ada yang melarang.





Perbahasan tentang sifat-sifat Allah yang wajib diimani terdapat 20 sifat sepertimana yang dibahagikan oleh Imam Abi Hasan al-Asha'ri, di antaranya ialah:

- i. *Wujūd* (وجود) ertiinya ada, adanya Allah itu bukan kerana ada yang mengadakan atau menciptakan, tetapi Allah itu ada dengan zat-Nya sendiri. Adapun sifat mustahil bagi sifat ini adalah ‘*Adam* yang bermaksud tidak ada atau tiada. Untuk itu, kita tidak boleh meragukan dalam fikiran kita atau mempertanyakan tentang keberadaan-Nya. Selain itu, keimanan seseorang akan mendorongnya supaya dapat berfikir dengan akal yang sihat bahawa alam semesta beserta isinya ada kerana adanya Allah yang menciptakannya. Seperti mana dijelaskan dalam surah al-*A’raf* yang bermaksud:



“Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu ia bersemayam di atas Arasy...”

(Surah *al-A’raf*, 7:54)

Selain itu, Dia juga yang menukarmalam kepada siang yang mengikutinya dengan cepat. Turut diciptakan matahari, bulan dan bintang-bintang, semata-mata untuk tunduk dan patuh kepada perintah-Nya, Sepertimana Allah SWT yang bermaksud:

“...dan (Ia pula yang menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam”.

(Surah *al-A’raf*, 7:54)





Kepercayaan tentang kewujudan Allah SWT bergantung kepada manusia itu sendiri. Mereka boleh menggunakan akal yang sihat untuk berfikir sebagai bukti adanya alam beserta isinya. Selain melihat alam semesta, kita juga dapat melihat tanda-tanda kekuasaan-Nya, seperti manusia dengan segala kelengkapan hidupnya di dunia ini. Manusia mampu berfikir bahawa semua yang wujud pasti ada kuasa yang menciptakan-Nya. Pencipta itu ialah Tuhan Yang Maha Kuasa, sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

“[78]. Dan Dia lah jua yang mengadakan bagi kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (untuk kamu bersyukur; tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur. [79]. Dan Dia lah Yang menciptakan serta mengembangkan kamu di bumi, dan kepada-Nyalah kamu akan dihimpunkan. [80].. Dan Dia lah Yang menghidupkan dan mematikan; dan Dia lah Yang menentukan pertukaran malam dan siang. maka tidakkah kamu mahu berfikir?”

(Surah *al-Mu'minun*, 23:78-80)



ii. *Qidam* (قدم) ertiinya: Dahulu atau Awal-Nya, sifat Allah ini menandakan bahawa Allah SWT sebagai Pencipta lebih dulu ada-Nya daripada alam semesta dan isinya yang Ia menciptakan. Adapun sifat mustahil bagi sifat ini adalah: *Hudūth* yang bermaksud baru.

Allah SWT tidak ada permulaan sebab sesuatu yang ada permulaan itu adalah baharu dan sesuatu yang baharu itu namanya *makhluq* (yang diciptakan). Allah SWT bukan makhlukbahkan Dia adalah *khāliq* (pencipta). Oleh itu, Allah SWT wajib bersifat *Qidam*.

Sepertimana dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Dia lah Yang Awal dan Yang Akhir; dan Yang Zahir serta Yang Batin; dan Dia lah Yang Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(Surah *al-Hadid*, 57:3)





Semestinya kewujudan Allah itu lebih awal daripada wujudnya makhluk ciptaan-Nya. Seandainya keberadaan Allah didahului oleh makhluk-Nya, maka semua ciptaan Allah ini akan hancur. Hal ini tentu mustahil bagi Allah, kerana Allah Maha pencipta, tidak mungkin ciptaannya wujud terlebih dahulu daripada kuasa yang menciptakannya.

iii. *Baqā'* (بَقَاءٌ) ertinya: Kekalnya Allah SWT tidak berkesudahan atau penghabisan. Adapun sifat mustahil bagi sifat *Baqā'* adalah: *Fanā'* yang bermaksud rosak atau binasa. Semua makhluk yang ada di alam ini seperti manusia, binatang, tumbuhan, planet dan bintang akan rosak atau binasa sehingga semuabenda tersebut adalah perkara yang baru, sebab ada awal masa yang diciptakan dan ada akhirnya, iaitu rosak atau binasa. Sepertimana

manusia yang gagah perkasa dirinya, wajah elok dan rupawan, suatu masa nantiakan menjadi tua dan mati. Begitu juga dengan tumbuhan yang subur, lama kelamaan akan layu dan mati. Maka dengan ini sungguh betapa hina dan lemahnya insan jika masih berbangga diri di hadapan Allah SWT. Betapa tidak munasabahnya bagi mereka yang berbangga diri dengan kehebatan yang dimiliki, kerana segala kehebatan itu hanyalah bersifat sementara sahaja. Allah SWT sahaja lah sebagai Pencipta yang bersifat kekal.

Sepertimana dibuktikan dalam firman-Nya yang bermaksud:

"[26]. Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa: [27]. Dan akan kekalah zat Tuhan mu yang mempunyai kebesaran dan Kemuliaan"

(Surah *ar-Rahman*, 55:26-27)





iv. *Mukhālafatuhu lil Hawādits* (مخالفته للحواديث) ertiannya: berbeza dengan ciptaannya, perbezaan ini ialah perbezaan dengan semua yang baru atau yang dinamakan sebagai makhluk. Sifat mustahil bagi sifat ini adalah: *Mumāthalatuhu lil Hawādīth* yang bermaksud: serupa dengan semua yang baru.

Sifat ini menunjukkan bahawa Allah SWT berbeza dengan hasil ciptaan-Nya. Sebagai contoh, bagi seorang tukang jahit, hasil baju yang dijahit sendiri olehnya tidak mungkin sama dengan baju yang dibuat oleh orang lain. Bahkan, robot yang paling canggih dan mirip dengan manusia sekalipun tidak akan sama dengan manusia yang menciptanya. Seperti mana firman-Nya yang bermaksud:



(Surah *al-Shūra*, 42: 11)

Senada dengan ayat tersebut, Allah SWT juga berfirman dalam ayat lain yang bermaksud:

“Dan tidak ada sesiapapun yang serupa dengan-Nya”

(Surah *al-Ikhlas*, 112:4)

Berdasarkan kepada kedua-dua ayat di atas, dapat difahami bahawa yang dimaksudkan dengan tidak setara itu adalah tentang keagungan, kebesaran, kekuasaan dan ketinggian sifat-Nya. Tidak ada satupun makhluk yang menyerupai-Nya.





- v. *Qiyāmuhu binafsih* (قِيَامُهُ بِنَفْسِهِ) ertinya: Allah berdiri sendiri, iaitu Allah SWT berdiri dengan zat-Nya sendiri tanpa memerlukan bantuan yang lain. Sepertimana keberadaan Allah SWT itu ada dengan sendirinya, tidak ada yang mengadakan atau menciptakan-Nya.

Sifat mustahil bagi sifat ini adalah: *Ihtiyaju lighayrihi*, ertinya memerlukan bantuan yang lain.

Amat berbeza dengan manusia yang hidup di dunia ini, dan tidak boleh hidup sendirian. Mereka pasti saling memerlukan antara satu sama yang lainnya kerana mereka adalah makhluk yang diciptakan yang bersifat dengan sifat yang lemah, sedangkan Allah SWT adalah yang Maha Pencipta dan



Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah tidak ada Tuhan selain Dia. Yang hidup kekal lagi senantiasa berdiri sendiri.”

(Surah *Āli Imrān*, 3:2)

Walaupun ternyata setiap insan adalah *makhlūk* yang sangat lemah kerana tidak mampu hidup tanpa bantuan orang lain, akan tetapi, dalam masa yang sama harus memiliki sifat berusaha dengan sendiri supaya tidak selalu bergantung kepada orang lain.





vi. *Wahdāniyah* (وحدةانية) ertiannya: Esa atau tunggal, Allah SWT adalah Tuhan Yang Maha Esa, baik dari segi Esa zat-Nya, sifat-Nya, maupun perbuatan-Nya. Esa zat-Nya yang bermaksud zat Allah SWT itu bukanlah hasil dari penjumlahan dan perkiraan atau penyatuan satu unsur dengan unsur yang lain menjadi satu. Berbeza dengan makhluk, makhluk diciptakan dari berbagai unsur, seperti wujudnya manusia, ada tulang, daging, kulit dan seterusnya. Esa pada sifat-Nya yang bermaksud semua sifat-sifat kesempurnaan bagi Allah SWT tidak sama dengan sifat-sifat pada makhluk-Nya, seperti marah, malas dan sompong. Adapun Esa perbuatan-Nya bermaksud Allah SWT itu berbuat sesuatu tidak dicampuri oleh perbuatan makhluk apapun dan tanpa memerlukan proses dan masa Allah SWT berbuat kerana kehendak-Nya sendiri tanpa ada yang menyuruh dan melarang.



Sifat mustahil bagi sifat ini ialah: *Ta ‘adud*. maksudnya berbilang atau lebih dari satu. Amat mustahil sifat bagi Allah SWT jika ada lebih daripada satu. Seandainya lebih daripada satu, maka pasti terjadi saling bersaing dalam menentukan segala sesuatunya. Sekiranya perkara sedemikian berlaku, pasti alam semesta ini tidak akan wujud.

Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“[1]. Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhan ku) ialah Allah Yang Maha Esa; [2]. "Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; [3]. "Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan; [4]. "Dan tidak ada sesiapapun yang serupa dengan-Nya".

(Surah *al-Ikhlas*, 112:1-4)

Meyakini keesaan Allah SWT merupakan hal yang paling penting, kerana penentuan sama ada seseorang dianggap Muslim ataupun sebaliknya





adalah bergantung kepada pengakuan tentang keesaan Allah SWT. Hal ini dapat dibuktikan dengan cara bersaksi terhadap Allah SWT, iaitu dengan membaca kalimah syahadat yang berbunyi: “Aku bersaksi tiada Tuhan selain Allah.”, dengan ini kita bersaksi bahawa Allah itu ialah Tuhan yang bersifat dengan Maha Esa.

- vii. *Qudrat* (قدر) ertinya: Berkuasa, kekuasaan Allah SWT ini membawa maksud Allah berkuasa ke atas segala sesuatu itu mutlak, tidak ada batasnya dan tidak ada yang membatasinya, baik terhadap zat-Nya sendiri maupun terhadap makhluk-Nya. Berbeza dengan kekuasaan manusia yang mempunyai batas dan ada yang membatasinya.



mungkin bersifat lemah. Bagi Allah SWT, jika sudah berkehendak melakukan sesuatu, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghalangi-Nya. Dengan demikian, Allah SWT tetap bersifat *Qudrat* (kuasa) dan mustahil bersifat ‘Ajzu (lemah).

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“...Sesungguhnya Allah berkuasa atas segala sesuatu”

(Surah *al-Baqarah*, 2:20)

Tidak relevan bagi manusia untuk bersifat sompong dengan kekuasaan yang dimiliki kerana sebesar apapun kelebihan yang ada, namun Allah SWT pasti lebih berkuasa. Oleh itu, sebagai hamba Allah yang hidup di muka bumi harus tunduk dan patuh kepada suruhan dan larangan-Nya.





viii. *Irādat* (إرادة) ertinya: Berkehendak, Allah SWT menciptakan alam beserta isinya atas kehendak-Nya sendiri, tanpa ada paksaan daripada pihak lain atau campur tangan daripada sesiapa pun. Apapun yang Allah SWT kehendaki, maka pasti akan terjadi. Begitu juga bagi setiap perkara yang Allah SWT tidak kehendaki, maka pasti tidak akan terjadi. Berbeza dengan kehendak atau kemahuan manusia, tidak sedikit manusia mempunyai keinginan, tetapi keinginan itu pasti terhenti di tengah jalan, jika tanpa disertai dengan kehendak Allah SWT. Hal ini menunjukkan bahawa manusia memiliki batasan, sedangkan Allah SWT memiliki kehendak yang tidak terbatas.

Sifat mustahil bagi sifat *Irādah* ialah: *Karāhah* ertinya terpaksa. Jika



tidak wujud, oleh sebab *Karāhah* itu adalah sifat kekurangan. Sedangkan Allah SWT wajib bersifat kesempurnaan, berkuasa memiliki apa yang dikehendaki-Nya. Dengan demikian, Allah SWT. Wajib bersifat *Irādah* (berkehendak) mustahil bersifat *Karāhah* (terpaksa). Bagi mengukuhkan keyakinan umat Islam, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya apabila ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah ia berfirman kepada (hakikat) benda itu: "Jadilah engkau!". maka ia terus menjadi.”

(Surah Yasin, 36: 82)

Sebagai manusia yang hidup bertuhan, seharusnya mempunyai kemahuan, keinginan, dan cita-cita yang bertujuan membangun hari esok yang lebih baik, kerana kehidupan di muka bumi ini hanyalah bersifat sementara.





Oleh itu, apapun yang dicita-citakan hanyalah dengan tujuan mengharap redha Allah SWT.

- ix. ‘Ilmu (علم) ertiannya: Mengetahui, Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. Sifat mustahil bagi sifat ini ialah: *Jahlun* yang bermaksud bodoh atau jahil.

Allah SWT memiliki pengetahuan atau kepandaian yang sangat sempurna, dengan kata lain ‘Ilmu Allah SWT itu tidak terbatas dan tidak pula dibatasi. Allah SWT mengetahui segala sesuatu yang ada di alam semesta, baik yang nampak dan yang ghaib. Bahkan, apa yang dirahsiakan di dalam hati manusia sekali pun tidak dapat dirahsiakan daripada ilmu-Nya. Bukti kesempurnaan ‘Ilmu Allah SWT, ibarat air laut menjadi dakwat untuk menulis

kalimat-kalimat Allah SWT, maka tidak akan habis kalimat-kalimat tersebut walaupun ditambahkan lagi air yang banyak seperti asal.

Manusia sering kagum atas kecerdasan dan ilmu yang dimiliki oleh orang-orang pintar di dunia ini. Manusia juga takjub akan indahnya karya dan canggihnya teknologi yang diciptakan oleh manusia sendiri. Sedangkan ilmu tersebut hanyalah sebahagian kecil sahaja daripada ilmu-ilmu yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Katakanlah (kepada orang-orang “A’raab” itu Wahai Muhammad): “Patutkah kamu hendak memberitahu kepada Allah tentang ugama kamu (dengan berkata: “Kami telah beriman”)? padahal Allah mengetahui Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.”

(Surah *al-Hujurāt*, 49:16)





Oleh itu, sebagai hamba Allah SWT seharusnya setiap insan terdorong untuk terus menimba ilmu. Sebanyak mana pun ilmu yang telah diperolehi, akan tetapi hakikatnya masih banyak lagi ilmu yang belum diketahui.

- x. *Hayāt* (حياة) ertinya: Hidup, hidupnya Allah tidak ada yang menghidupkannya melainkan hidup dengan zat-Nya sendiri kerana Allah Maha Sempurna, jauh berbeza dengan makhluk yang diciptakan-Nya. Sifat mustahil bagi sifat ini adalah: *Mawtun* yang bermaksud mati. Seperti mana manusia ada yang menghidupkan. Selain itu, mereka juga memerlukan kepada makanan, minuman, tidur dan sebagainya. Akan tetapi, hidup-Nya Allah SWT tidak memerlukan semua itu. Allah SWT hidup selama-lamanya, tidak mengalami kematian.



Sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah tidak ada Tuhan melainkan Dia yang hidup kekal lagi terus menerus mengurus makhluk-Nya, tidak mengantuk dan tidak tidur”

(Surah *al-Baqarah*, 2: 255)

Allah SWT selalu mengurus dan mengawasi seluruh makhluk ciptaan-Nya. Oleh itu, setiap manusia hendaknya sentiasa berhati-hati dalam segala tindakan, kerana gerak geri kita akan diawasi dan dicatat oleh malaikat yang diperintahkan oleh Allah SWT. Kelak di akhirat seluruh amalan tersebut akan dipertanggungjawabkan.





- xi. *Sama'* (سمع) ertinya: Mendengar, Allah SWT mendengar setiap suara yang ada di alam semesta ini. Tidak ada suara yang terlepas daripada pendengaran Allah SWT, sekalipun suara itu perlahan, seperti suara bisikan hati dan jiwa manusia. Pendengaran Allah SWT berbeza dengan pendengaran makhluk-Nya, kerana tidak terhalang oleh sesuatu, sedangkan pendengaran makhluk-Nya dibatasi oleh ruang dan waktu.

Sifat mustahil bagi *Sama'* ialah: *Summun* yang bermaksud tuli. Allah SWT mustahil bersifat tuli sekiranya Allah SWT tidak mendengar pasti segala permohonan hamba-Nya tidak akan diterima-Nya. Selain itu penghinaan orang kafir, orang musyrik, orang munafiq, dan lain sebagainya tidak dihiraukan-Nya. Oleh kerana itu Allah SWT tetap bersifat *Sama'* mustahil bersifat



Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Mā'idah* yang bermaksud:

“Dan Allahlah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”

(Surah *al-Mā'idah*, 5:76)

Sebagai seorang Muslim, seharusnya mengamalkan tingkah laku, sikap, dan tutur kata dengan bahasa yang santun, serta mengeluarkan ucapan-ucapan yang baik lagi bermanfaat. Allah SWT pasti mendengar segala perkataan manusia, baik terucap maupun di dalam hati.

- xii. *Başar* (بصر) ertinya: Melihat, Allah SWT melihat segala sesuatu yang ada di alam semesta ini. Penglihatan Allah bersifat mutlak, tidak dibatasi oleh jarak





(jauh atau dekat) dan tidak dapat dihalangi oleh dinding (nipis atau tebal). Segala sesuatu yang ada di alam semesta ini, kecil maupun besar, nampak atau pun tidak, pasti semuanya dilihat oleh Allah SWT.

Sifat mustahil bagi sifat ini adalah: ‘*Umyun*, ertinya buta. Allah SWT wajib bersifat dengan kesempurnaan. Seandainya Allah SWT itu buta, pasti alam semesta ini tidak akan wujud, kerana Allah SWT tidak dapat melihat apa yang diciptakan-Nya. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Allah maha Melihat apa yang kamu kerjakan.”

(Surah *al-Baqarah*, 2: 265)

Dengan memahami sifat *Baṣar* Allah SWT, setiap insan hendaklah

selalu berhati-hati dalam berbuat sesuatu. Mungkin manusia boleh berbohong kepada manusia, seperti orang tua, guru, atau kawan. Akan tetapi manusia tidak akan boleh berbohong kepada Allah SWT. Oleh itu, berbuat baiklah supaya tidak perlu cemas sekiranya dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

- xiii. *Kalām* (كلام) ertinya: Berbicara/Berfirman, Allah SWT bersifat *Kalām* ertinya Allah SWT berfirman dalam kitab-Nya yang diturunkan kepada para Nabi dan Rasul-Nya. Bicara Allah SWT tentu tidak sama dengan bicara manusia. Hal ini kerana Allah SWT tidak berorgan (panca indera), sebaliknya manusia yang memiliki lidah dan mulut. Allah SWT berbicara tanpa menggunakan alat bantuan yang berbentuk apapun sebab sifat *Kalām* Allah SWT sangat sempurna. Sebagai bukti bahawa adanya wahyu Allah SWT berupa al-Quran





yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan kitab-kitab Allah yang diturunkan kepada para Rasul sebelum Nabi Muhammad SAW.

Sifat mustahil bagi sifat *Kalām* adalah: *Bukmun*, ertinya Bisu. Allah SWT mustahil bersifat bisu. Seandainya Allah SWT bersifat bisu mana mungkin para utusan-Nya boleh mengerti maksud wahyu yang diturunkan kepada mereka, baik dalam bentuk perintah maupun larangan. Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“ Dan Allah berkata kepada Musa dengan satu perkataan yang jelas”

(Surah *al-Nisa'*, 4:164)



Oleh itu, kita sebagai hamba Allah SWT hendaklah membiasakan diri mengucapkan kalimah-kalimah yang baik, kata-kata yang mulia, seperti ketika kita berbuat salah, maka segeralah membaca *istighfar*. Apabila kita menerima nikmat, maka segeralah mengucapkan *hamdalah*. Selain itu, kita juga harus membiasakan diri bertutur kata yang lemah lembut dan sopan santun dengan sesama manusia.

- xiv. *Kawnuhu Qādiran* (كونه قادر) ertinya: Keadaan Allah SWT Yang Berkuasa Mengadakan Dan Mentiadakan. Hakikatnya iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Mawjud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat *Qudrat*. Sifat Allah ini bererti Allah adalah zat yang Maha Berkuasa. Allah tidak lemah, Ia berkuasa penuh atas seluruh makhluk dan ciptaan-Nya, sepermata dibuktikan dalam firman-Nya yang bermaksud:





“Sesungguhnya Allah berkuasa atas segala sesuatu”

(Surah *al-Baqarah*, 2:20)

- xv. *Kawnuhu Murīdan* (كونه مریدا) ertinya: Keadaan Allah SWT yang berkehendak dan menentukan tiap-tiap sesuatu. Hakikatnya iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Mawjud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat *Irādat*. Allah memiliki sifat *Murīdan*, iaitu sebagai zat yang Maha Berkehendak. Ia berkehendak atas nasib dan takdir manusia, seperti dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Sesungguhnya Tuhan mu, Maha Kuasa melakukan apa yang dikehendaki-Nya.”

(Surah *Hūd*, 11:107)



- xvi. *Kawnuhu ‘Alīman* (كونه عالیما) ertinya: Keadaan Allah SWT yang Mengetahui akan Tiap-tiap sesuatu. Hakikatnya iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Maujud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat *al-‘Ilmu*. Sifat Allah ‘Alīmun, iaitu zat yang Maha Mengetahui. Allah mengetahui segala hal yang telah terjadi mahupun yang belum terjadi. Allah pun dapat mengetahui isi hati dan fikiran manusia. Sepertimana firman-Nya yang bermaksud:

“Dan Allah Maha Mengetahui sesuatu”

(Surah *an-Nisa'*, 4:176)





- xvii. *Kawnuhu Hayyan* (كونه حي) ertinya: Keadaan Allah SWT yang Hidup. Hakikatnya iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Maujud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat *Hayat*. Allah adalah zat yang Hidup. Allah tidak akan pernah mati, tidak akan pernah tidur ataupun lengah. Sepertimana dibuktikan dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Dan berserahkan engkau kepada Allah Tuhan Yang hidup, Yang tidak mati;”  
(Surah *al-Furqān*, 25:58)

- xviii. *Kawnuhu Samī'an* (كونه سمعاً) ertinya: Keadaan Allah SWT yang Mendengar akan tiap-tiap yang *Maujud*. Hakikatnya, iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Maujud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat *Sama'*. Allah adalah zat yang Maha Mendengar. Allah selalu mendengar bicara manusia, permintaan atau doa hambaNya. Sepertimana dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui”

(Surah *al-Baqarah*, 2:256)

- xix. *Kawnuhu Baṣīran* (كونه بصيراً) ertinya: Keadaan Allah SWT yang Melihatkan tiap-tiap yang *Maujudat*. Hakikatnya, iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Maujud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat *Baṣar*. Allah adalah zat yang Maha Melihat. Sifat Allah ini tidak terbatas seperti halnya penglihatan manusia. Allah selalu melihat gerak-geri kita. Oleh kerana itu, hendaknya kita selalu berbuat baik, dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan”  
(Surah *al-Hujurat*, 49:18)





xx. *Kawnuhu Mutakalliman* (كونه متكلما) erti: Keadaan Allah SWT yang Berkata-kata. Hakikatnya iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Maujūd* dan tiada ia *Ma ‘dum*, iaitu lain daripada sifat *Qudrat*. Sifat Allah ini bererti Yang Berbicara. Allah tidak bisu, Ia berbicara atau berfirman melalui ayat-ayat al-Quran. Bila al-Quran menjadi pedoman hidup kita, maka kita telah patuh dan tunduk terhadap Allah SWT. Semua perbahasan di atas dibahagikan seperti berikut:

i) Sifat *Nafsiyah*: satu sifat sahaja ialah *Wujūd* (وجود)

ii) Sifat *Salbiyyah*: mempunyai 5 sifat

a) *Qidam* (قدم)

b) *Baqā’* (بقاء)

c) *Mukhālafatuhu lilhawādīth* (مخالفته للحوادث)

d) *Qiyāmuhu binafsīh* (قيامه بنفسه)

e) *Wahdāniyah* (وحدانية)

iii) Sifat *ma ‘ānī*: mempunyai tujuh sifat

a) *Qudrat* (قدرة)

b) *Irādah* (إرادة)

c) *‘Ilmu* (علم)

d) *Hayyan* (حيان)

e) *Sama‘* (سمع)

f) *Başar* (بصر)

g) *Kalām* (كلام)





iv) Sifat *Ma‘nawiah*: ada 7 sifat iaitu


- a) *Kawnuhu Qādiran* (كونه قادر)
- b) *Kawnuhu Muriđan* (كونه مرید)
- c) *Kawnuhu Hayyan* (كونه حیا)
- d) *Kawnuhu ‘Āliman* (كونه عالم)
- e) *Kawnuhu Samī‘an* (كونه سمیعا)
- f) *Kawnuhu Baširan* (كونه بصیر)
- g) *Kawnuhu Mutakalliman* (كونه متکلما)

Selain konsep ketuhanan, pengkaji juga mencari pengertian dan beberapa pembahasa berkaitan dengan teori *Takmilah* sepetimana yang telah diterangkan dalam bab kedua. Semua ini adalah hasil dari kajian kepustakaan yang telah dijalankan oleh pengkaji untuk memenuhi dan menjawab soalan kajian seperti yang diterangkan dalam bab pertama





## 2.4 Kerangka Konsep *Kamālullāh*



Rajah 2.2 Kerangka Konsep Kamālullāh

Kerangka konsep ini menunjukkan bahawa untuk mengulaskan sifat *Kamāl* Tuhan, dalam tesis yang dikaji ini menggabungkan teori *Takmilah* dengan sifat wajib bagi Allah yang 20, sepetimana yang telah dibahagikan oleh ulamak akidah seperti Abi Hasan al-Ash‘arī, al Maturidiah dan lain lagi.

Kerangka konsep *Kamālullāh* ini, diciptakan berdasarkan gabungan fikrah dari Syafie Abu Bakar, yang mana beliau menciptakan Teori *Takmilah* sepetimana telah dibincangkan di dalam awal bab 2, dari fikrah ini, untuk menguatkan lagi sifat *Kamāl* Allah, pengkaji menggabungkan prinsip yang pertama dari teori *Takmilah* dengan 20 sifat yang wajib bagi Allah.





Prinsip yang pertama dari teori *Takmilah* ialah prinsip tuhan bersifat *Kamāl*.

Tuhan yang bersifat dengan *Kamalāt* atau yang bersifat dengan kesempurnaan di dalam semua aspek termasuk diri-Nya, perkara yang dicipta oleh-Nya dan sifat-Nya.

Untuk sempurnakan lagi sifat *Kamāl* tuhan kajian ini menggabungkan prinsip tuhan bersifat *Kamāl* dalam teori *Takmilah* dengan sifat wajib bagi Allah yang 20. Di dalam sifat Allah ini ulama telah membahagikan kepada empat bahagian. Ialah sifat *nafsiyah*, *salbiyah*, *ma‘āni* dan *ma‘nawī*. Untuk sifat *nafsiyah* ialah yang bermaksud sifat diri-nya sendiri iaitu *Wujūd*, yang bermaksud adanya Allah dengan dirinya sendiri dan maksud yang lain lagi yang telah di terangkan dalam 2.3.

## 2.5 Kajian Lalu Berkaitan Konsep Ketuhanan dan Sastera Islam



Terdapat kajian yang berkonsepkan ketuhanan dan sastera Islam seperti, “*Unsur-unsur Islam dalam Novel Hassan Mohd. Ali*” oleh Ma’amor (2000). Dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini membincangkan tiga buah novel Hassan Mohd. Ali iaitu *Musafir*, *Tugu* dan *Nurul Hidayah* yang dilihat dari segi sastera Islam. Kajian ini mengupas kewujudan sastera Islam di Malaysia dan membuat satu penilaian karya sastera khususnya pada teks novel-novel. Kajian ini juga melihat penerapan unsur-unsur Islam dalam novel-novel yang telah dihasilkan oleh Hassan Mohd. Ali. Hasil kajian yang telah dilakukan beliau merumuskan bahawa terdapat unsur-unsur Islam dalam novel-novel Hassan Mohd. Ali dan adanya penerapan akidah dan syariah.



Selain itu terdapat kajian “*Sastera Islam: Satu Perbandingan Antara Pandangan Mohd. Affandi Hassan Dengan Abu al-Hasan al-Nadwi*” oleh Rahmah Ahmad H. Osman dan Mohd Shahrizal Nasir (2011) yang menjelaskan pandangan Affandi dan al-Nadwi tentang sastera Islam secara syumul dan sempurna. Kajian ini juga telah menjelaskan ketiga-tiga perkara asas yang menjadi tunggak pendekatan tauhid dalam pendidikan sastera, seperti hakikat insan, hakikat ilmu dan amal, dan ketiga hakikat dan fungsi sastera. Konsep sastera Islam ini adalah berdasarkan pandangan Affandi. Adapun sastera Islam menurut al-Nadwi mempunyai ciri-ciri sastera Islam, seperti keindahan karya, mempunyai objektif, prinsip agama, prinsip moral dan dakwah ke arah penyatuan umat Islam. Kajian ini dapat disimpulkan bahawa sastera berperanan sebagai wadah yang berkesan dalam proses penyampaian ilmu kepada masyarakat. Ia juga menjadi keperluan masyarakat terhadap karya sastera

dalam pelbagai bentuk, termasuklah dalam bentuk puisi sastera Islam.

Selain itu, terdapat bahan rujukan yang diperolehi melalui laman web, misalnya kajian bertajuk *Spitualitas dalam Novel Bilangan Fu* oleh Adil Sasterawan (2010) Universiti Islam Negeri Sukan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia. Secara umumnya, dalam kajian ini nilai-nilai spiritual yang terdapat dalam novel merupakan kritikan terhadap cara pandang masyarakat moden yang cenderung akan antroposentris dan anti ekologi. Ahli-ahli mengajak masyarakat untuk kembali menyembah pohon, percaya pada mitos dan makhluk-makhluk halus, nilai dan pesanan yang terkandung di dalamnya, pada dasarnya hanyalah mengajak untuk menghormati “ibu” (alam). Hal ini kerana “ibu” yang mengandung, melahirkan serta menyusui anak-anaknya.



Selain daripada itu, terdapat kajian lain yang berkaitan dengan konsep ketuhanan dan dakwah oleh Arif (2010) yang bertajuk *Pesan Dakwah dalam Syair Melayu.*” Analisis ini dibuat dalam bentuk syair-syair yang terdapat di laman web www.melayuonline.com, Edisi Mei 2009. Kaedah ini merupakan kaedah penelitian analisis kualitatif, iaitu penelitian yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata tertulis yang terdapat dalam syair Melayu di laman web merangkumi langkah-langkah pengumpulan data, klasifikasi data, dan analisis data. Ia mencakupi masalah-masalah yang berkaitan dengan pesanan berhubung akidah berupa seruan untuk meningkatkan keimanan, pesanan berhubung ibadah, termasuk seruan untuk bertaubat, bersyukur, membaca al-Quran, berselawat, menelandani sunnah-sunnah Nabi, bertanggungjawab, serta saranan untuk menuntut ilmu. Pesanan dari sudut akhlak ialah berbakti kepada dua ibubapa, seruan agar jujur dan berakhlik dan berumahtangga. Selain itu,



sebagai kajian tentang nilai-nilai ajaran Islam yang terdapat dalam syair Melayu.

Terdapat lagi satu kajian yang bertajuk “*Pemikiran Ketuhanan dalam Puisi Chairil Anwar*”, oleh Achmad Arfinanto Arsyadani (2009) di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti pemikiran Chairil Anwar tentang Tuhan dalam puisi-puisinya. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan metode analisis, iaitu yang pertama secara deskriptif. Disini penulis mendeskripsikan dan membahaskan pemikiran-pemikiran Chairil Anwar tentang masalah ketuhanan secara lebih sistematik, ditinjau dari sudut falsafah ketuhanan.





Kedua, metode yang digunakan oleh pengkaji ini ialah analisis kandungan. Adapun yang dimaksudkan dengan analisis kandungan adalah bentuk pendekatan teks secara ekstrinsik. Dengan kata lain, analisis kandungan merupakan metod yang digunakan untuk mengungkapkan kandungan nilai tertentu dalam karya sastera. Makna dalam analisis kandungan biasanya bersifat simbolik. Maka, tugas menganalisis kandungan tidak lain tidak bukan adalah untuk mengungkapkan makna simbolik, jadi tugas tersebut semai dalam karya sastera.

Metode ketiga yang digunakan dalam kajian ini ialah metode holistik, yang mengkaji pemikiran Chairil Anwar dengan lebih komprehensif. Dengan kata lain, metode ini akan menggali unsur-unsur yang mempengaruhi pemikiran, baik lingkungan, latar belakang, atau zaman dimana beliau hidup berkarya. Pemahaman ke atas pemikiran seseorang hanya dapat dilakukan dengan memahami seluruh aspek yang menjadi latar belakang pemikiran tersebut, sehingga akan dijalankan penilaian yang berbentuk objektif.

Menurut pengkaji, Chairil Anwar adalah seorang penyair muda yang terkenal pada zaman peralihan, iaitu sejak dari zaman penjajahan sehingga kepada zaman kemerdekaan. Pemikiran tentang ketuhanan juga tergolong dalam corak teologi puisi yang tidak menggunakan eskatologi agama sebagai sumber penjelasannya, melainkan melalui pembebasan diri serta melakukan pengamal iman di luar keutamaan agama. Dengan kata lain, dalam prinsip hidup bertuhanan, Chairil Anwar menjelaskan dalam sajak-sajaknya menolak dengan tegas agama sebagai institusi formalnya.





Justeru, kajian yang telah disoroti menunjukkan beberapa kajian telah dijalankan oleh pengkaji dari dalam dan luar negara seperti mana yang telah dibincangkan, dan juga kajian-kajian yang lain yang tidak di bincangkan, mamun dalam kewacanaan *Kamālullāh* terdapat lompong dan bahagian yang belum dibincangkan oleh mana-mana pengkaji khususnya yang menggabungkan prinsip tuhan yang bersifat *Kamāl* dengan 20 sifat yang wajib bagi Allah. Dengan demikian kajian ini memilih untuk menganalisis wacana berkaitan sifat *Kamālullāh* dalam kumpulan puisi Suhaimi Hj. Muhammad untuk memperluaskan lagi penyelidikan ilmiah berkaitan konsep kesempurnaan Allah.

## 2.6 Kajian Lalu Berkaitan Puisi Suhaimi Haji Muhammad



Terdapat beberapa kajian lain yang dijalankan berkaitan karya Suhaimi Hj. Muhammad. Kajian tersebut ialah *Kesepaduan Stail dengan Perutusan Agama dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa*, oleh A. Halim Ali (2015). Analisis dalam kajian ini dilakukan kepada beberapa buah sajak terpilih dalam kumpulan puisi *Taman Takwa* (2009). Berdasarkan kerangka idea estetika bersepodu, dapat dibuktikan bahawa wujudnya kesepaduan estetika stail dengan perutusan agama dalam tiga persoalan yang dibincangkan, iaitu hakikat cinta, kebesaran tuhan dan persoalan kematian.

Penyair tidak sekadar menggunakan keindahan kiasbanding metafora untuk mencantikkan bahasa sajaknya, tetapi bersama dengan metafora itu ialah idea utama yang disampaikan tentang hakikat cinta, kebesaran Tuhan dan kematian dengan gaya





bahasa yang indah dan meninggalkan kesan kepada naluri, psikologi dan emosi pembaca. Kesepaduan ini memperlihatkan sajak-sajak dalam kumpulan puisi *Taman Takwa* (2009), tidak ditegaskan atas dasar estetik gaya bahasa semata-mata. Sebaliknya, penyair dengan penuh keimanannya memuatkan perutusan kepada dirinya dan kepada pembaca tentang hakikat cinta, kebesaran tuhan dan persoalan kematian. Berdasarkan kesepaduan ini, puisi dalam apa jua keadaan dan suasana dilihat sentiasa berfungsi bagi menyedarkan umat Islam terhadap agamanya (A. Halim Ali, 2015).

Terdapat satu lagi kajian oleh Samsina Abd Rahman (2013) *Kembali ke Fitrah dalam Puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad*. Dalam kajian ini dijelaskan bahawa setiap manusia perlu diberi peringatan, nasihat dan pesanan agar tidak lupa akan tanggungjawab dan amanah sebagai hamba Allah dan Khalifah-Nya. Manusia juga



dituntut agar sentiasa bertaubat daripada segala dosa dan maksiat. Mereka juga diingatkan tentang janji Allah berhubung balasan syurga dan neraka di akhirat. Semua itu bergantung kepada amalan yang dilakukan semasa hidup di dunia ini. Justeru kata pengkaji, penyair terkenal dan prolifik Suhaimi Haji Muhammad telah dengan gigihnya menggunakan genre puisi sebagai wadah dakwah buat seluruh umat manusia khususnya umat Islam.

Melalui lima kumpulan puisinya yang berjudul *at-Tariq* (2002), *an-Nur* (2003), *Asyik* (2006), *As-Salam* (2006), dan *Taman Takwa* (2009), penyair mempersempahkan segala kata nasihat, ingatan dan pesanan demi membina peribadi terpuji dan melaksanakan segala amanah yang termaktub sejak azali lagi. Analisis ini mengaplikasikan teori Sistem Pemikiran Bersepada 4L (SPB4L) janaan Mohd Yusuf





Hasan. Sebagai rumusannya, telah ditemui keempat-empat pemikiran tersebut, iaitu Luhur, Lahir, Logik, dan Lateral secara bersepada dalam puisi-puisi yang dikaji.

Satu lagi kajian oleh Mohamad Shaidah (2001) Universiti Putra Malaysia (UPM), yang bertajuk *Penjabaran semiotik dalam puisi Suhaimi Haji Muhammad*. Kajian ini merupakan penelitian terhadap 21 buah kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad melalui pendekatan semiotik yang dikemukakan oleh Charles Sanders Peirce. Semiotik atau ilmu tanda melihat sesuatu, termasuk bahasa sebagai sistem tanda dan manusia dalam kehidupannya dikelilingi oleh tanda dan berfikir dalam tanda. Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa puisi-puisi yang sukar difahami maknanya, dapat dikaji dan diuraikan maknanya melalui pendekatan semiotik. Dengan ini menunjukkan bahawa semiotik merupakan pendekatan yang sesuai dan



Hasil kajian ini pula menunjukkan bahawa puisi Suhaimi Hj. Muhammad lebih banyak menggunakan tanda simbol daripada tanda indeks atau ikon. Banyaknya tanda simbol dalam puisi-puisi Suhaimi Hj. Muhammad menjadi salah satu faktor puisi-puisinya sukar difahami. Hal ini demikian kerana tanda simbol lebih menuntut para pembaca berfikir bagi memahami makna puisi-puisinya. Dengan memahami makna simbol terlebih dahulu, maka barulah dapat difahami makna dalam puisi tersebut.

Ketiga-tiga kajian yang telah dikupas dalam aspek yang berlainan. Misalnya kajian oleh A. Halim Ali dan Samsina Abdul Rahman. Kajian mereka mendorong kepada ciri-ciri islami atau dengan kata lain bercirikan sastera Islam, adapun kajian





Mohamad Shaidah, menfokuskan kepada aspek gaya bahasa. Dengan ini terbukti bahawa Suhaimi Haji Muhammad adalah seorang pengarang yang menarik dan mempunyai gaya yang tertentu yang perlu dikaji oleh pengkaji pada peringkat sarjana dan doktor falsafah. Justeru kajian ini memilih untuk mengkaji wacana *Kamālullāh* dalam puisi Taman Takwa karya Suhaimi Hj. Muhammad, supaya dapat membuktikan keistimewaan dan kreativiti Suhaimi Hj. Muhammad dalam berkarya.

## 2.7 Kajian Lalu Berkaitan Teori *Takmilah*

Kajian-kajian yang menggunakan teori *Takmilah*, kajian yang dilakukan oleh Ani Haji Omar (dalam Abdul Halim Ali, 2014), Kamariah Kamarudin (2006), Faridah



Zakaria (2002), Maisarah Yaacob (2001), dan tidak ketinggalan kajian oleh Maniyamin Ibrahim yang kemudiannya diterbitkan dalam bentuk buku pada tahun 2005.

Kamariah Kamaruddin telah menjalankan kajian yang bertajuk “*Novel-novel Berunsur Islam; Satu Analisis Berdasarkan Teori Takmilah*”. Beliau memilih sekitar 16 buah novel berunsurkan Islam yang telah memenangi hadiah sama ada menerusi peraduan atau anugerah sepanjang era 1980-an hingga 1990-an. Kamariah menerusi kajiannya telah membuat penelitian tentang sejauhmana para pengarang yang dipilih mengemukakan konsep-konsep akidah, ibadah, khalifah, dakwah dan jihad dalam karya-karya mereka untuk disesuaikan melalui gagasan teori *Takmilah*. Penelitian analisis ditumpukan terhadap novel-novel yang mengemukakan konsep akidah dari





sudut kepercayaan kepada Allah SWT, kepercayaan kepada para malaikat, kepercayaan kepada Rasul-rasul Allah sebagai pemimpin, kepercayaan kepada kitab-kitab Allah, kepercayaan kepada hari kiamat dan kepercayaan kepada *qadā'* dan *qadar* Allah, konsep ibadah dari sudut hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia, konsep khalifah dari sudut insan *Kāmil*, insan *rabbāni* dan insan khalifah, konsep dakwah dari sudut berdakwah kepada orang-orang Islam dan bukan Islam, dan jihad dari sudut besar dan kecil (Kamariah Kamarudin, 2006).

Pada masa yang sama, Kamariah juga melihat akan kesejajaran pandangan tokoh-tokoh agama dan sarjana sastera sama ada di peringkat dunia seperti al-Ghazali, Sayyid Qutb dan al-Faruqi, manakala penulisan berkaitan sastera Islam diutarakan oleh Ismail Hamid, Ismail Ibrahim, Muhammad Bukhari Lubis, Mohd Kamal Hassan,



Menurut pandangan Kamariah, tokoh-tokoh ini telah menjadikan tauhid sebagai ukuran penilaian terhadap tahap keberkesanan konsep kebaikan, kebenaran, dan keindahan yang terdapat dalam novel-novel berunsur Islam.

Kamariah membahagikan kajiannya kepada dua bahagian, iaitu pertama, analisis berdasarkan pemikiran dalam karya, dan kedua, analisis berdasarkan teknik dan keindahan dalam karya. Dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa analisis bahagian pertama memperlihatkan keseluruhan pengarang berjaya mengemukakan konsep-konsep Islam dalam karya mereka untuk menggambarkan karya yang berunsurkan Islam. Terhadap sebahagian novel yang mampu menggambarkan konsep-konsep Islam dalam karya dengan baik, khususnya dalam memberikan keinsafan, iaitu perutusan yang tinggi kepada khalayak. Seterusnya, analisis bahagian





kedua pula mendapat karya-karya pilihan kajian telah mengemukakan kepelbagaiannya teknik bagi memperlihatkan keindahan yang seterusnya dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan dari khalayak kepada Allah.

Manakala Shamsudin Abu Bakar (2006) pula membuat kajian bertajuk *"Analisis Takmilah Cerpen Pemenang Hadiah Sastera Islam"*. Menerusi kajian ini, Shamsudin mengkaji sama ada cerpen-cerpen yang pernah memenangi hadiah sastera Islam benar-benar menepati kriteria kehendak sastera Islam yang sebenar atau tidak. Berdasarkan cerpen-cerpen yang dipilih olehnya, Shamsudin merumuskan bahawa terdapat juga cerpen-cerpen yang memenangi hadiah bagi peraduan pengarang cerpen berunsur Islam, namun tidak menepati kehendak yang digariskan oleh sastera Islam. Manakala bagi cerpen-cerpen yang menepati kesemua tujuh prinsip gagasan teori *Takmilah* pula, beliau menyatakan bahawa cerpen-cerpen tersebut boleh dianggap sebagai karya sastera berunsur Islam yang mendukung ajaran tauhid.

Pada tahun yang sama, Faridah Mohammad Saad (2006) turut menjalankan kajian menggunakan aplikasi teori *Takmilah*, dengan tajuk *"Aplikasi Takmilah dalam Kumpulan Puisi Al-Amin"* karya A. Samad Said. Beliau mengambil pendekatan untuk meneliti kesemua puisi tersebut sama ada memenuhi tajuk prinsip yang digariskan oleh teori *Takmilah* atau pun sebaliknya. Hasil analisis mendapati bahawa kesemua tujuh prinsip teori ditemui di dalam kumpulan puisi *al-Amin*. Terdapat kajian lain yang dilakukan oleh Maniyamin Hj. Ibrahim (2005), yang bertajuk *"Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam"*. Maniyamin telah memilih tiga kumpulan puisi karya Abham TR, iaitu *Tafakur* (1985), *Tali Iman* (1987) dan *Dua Samudera* (1999). Rumusan dari kajiannya telah menemui citra manusia beriman, citra manusia





ingkar, citra manusia memuji kebesaran Allah, dan citra lain lagi yang telah digariskan oleh Model Citra *Takmilah*.

Maniyamin menegaskan bahawa pengarang puisi ini berusaha mengajak manusia untuk memahami segala fenomena yang berlaku dan mengambil iktibar daripada fenomena tersebut yang secara tidak langsung bersesuaian dengan saranan gagasan teori *Takmilah*.

Seterusnya ialah kajian yang dijalankan oleh Maisarah Yaacob bertajuk “*Ustaz dan Nurul Hidayah: Analisis Takmilah*”. Kajian ini melibatkan aplikasi teori *Takmilah* ke atas dua buah novel berunsur Islam, iaitu novel *Ustaz* karya S. Othman Kelantan dan novel *Nurul Hidayah* karangan Hassan Ali. Analisis terhadap kedua-dua



bahru novel ini meliputi aspek tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, latar, gaya bahasa dan estetik. Beliau menggunakan gagasan teori *Takmilah* untuk melihat lima unsur insaniah yang bercirikan teori tersebut, iaitu unsur alamiah, unsur inderawi, unsur hati nurani, unsur akidah dan unsur rohani (Shafie Abu Bakar, 1999, dalam Maisarah Yaacob 2005). Secara ringkasnya, kajian Maisarah ini bertujuan untuk menilai keupayaan kedua-dua novel yang dipilih untuk memenuhi ciri-ciri yang digariskan oleh gagasan teori *Takmilah* berdasarkan tujuh penemuannya. Penemuan tersebut ialah teks berada dalam falsafah tauhid, teks berasaskan keislaman, pengarang yang mempunyai pertalian dengan nilai keislaman, teks tidak membawa pemikiran yang bertentangan dengan nilai keislaman, wujud unsur-unsur yang membawa kebaikan.





Ros Zakaria (2002) yang mengemukakan tesis ijazah Kedoktoran (PhD) bertajuk "*Martabat Nafsu Dalam Novel-novel Shahnon Ahmad*" turut menggunakan teori *Takmilah*. Menerusi kajian ini, Ros memberikan fokus kepada martabat nafsu dalam novel-novel Shahnon Ahmad dengan tumpuan kepada empat martabat yang diperkenalkan oleh Imam al-Ghazali, iaitu martabat nafsu '*ammārah, Iawwāmah, mulhammah* dan *maṭma'innah*. Berdasarkan kepada novel-novel yang dipilih, Ros telah merumuskan bahawa karya-karya Shahnon Ahmad tidak mengabaikan nilai-nilai Islam yang menjadi dasar gagasan teori *Takmilah*, sebab karya-karya Shahnon lebih bersifat mengajak manusia ke arah melakukan kebaikan. Seterusnya kajian yang bertajuk "*Unsur-unsur Insaniah di dalam Novel-novel Pilihan Azizi Haji Abdullah*" oleh Mohammad Bahari (2003). Mohammad melakukan analisis terhadap tiga buah novel Azizi. Kajian ini terdapat hampir sama dengan kajian yang telah dilakukan oleh Maisarah Yaacob, iaitu dari sudut analisis terhadap unsur insaniah alamiah. Dengan ini juga ternyata novel-novel tersebut memenuhi kesemua tujuh prinsip yang ada dalam gagasan teori *Takmilah*.

Seterusnya terdapat beberapa kajian menggunakan teori *Takmilah*, misalnya, "*Beberapa Tangkapan Terhadap Teori Takmilah*", oleh A. Halim Ali (2015). Kajian ini membincangkan sejauh mana teori ini bertaut kepada Allah. Mengikut A. Halim Ali (2015) sejarah membuktikan bahawa kemunculan teori *Takmilah* telah berjaya mengisi ruang yang tidak diisi oleh teori sastera Barat. Bukan sekadar itu, teori ini juga secara amalannya dapat digunakan dalam kajian akademik di pelbagai peringkat penyelidikan dan telah menghasilkan ramai sarjana kedoktoran. Selain itu, proses memurnikan teori terus dilakukan oleh Shafie Abu Bakar dengan memperluaskan gagasan analitikalnya ke daerah bidang ilmu yang lebih holistik.





Terdapat kajian yang dibahaskan oleh pengasas teori itu sendiri yang bertajuk “*Gagasan Pesurat Pelengkap Takmilah: Bangi Makmal Menyerlah*” oleh Shafie Abu Bakar (2011). Beliau memulakan huraian tentang kata yang menjadi induk dan tempat bertolak bagi *Takmilah* dan pesuratan. Dalam *Matan al-fiyah* bagi nahu Bahasa Arab diungkapkan oleh pengubahnya, dari Sharh Ibnu ‘Aqil (1961) yang bermaksud:

Kalam lafaz berfaedah seperti ‘beristiqamahkah’  
Ianya terdiri dari nama; perbuatan dan kata harf

Bermaksud: kalam itu adalah lafaz yang memberi faedah dan bertujuan. Cakap: bercakap ialah bicara, kata (Kamus Dewan, 2010, ms.237). Kata ialah sesuatu yang dicakap (dituturkan), cakap, ujar (Kamus Dewan, 2010, ms.237). Di dalam ilmu Mantik, manusia dinamakan haiwan *natiq'* binatang (manusia bercakap). Percakapan manusia adalah pengeluaran kata atau pendapat secara rasional dari minda, namun dalam keadaan tertentu dipengaruhi emosi (hati). Syafie Abu Bakar menegas lagi, penggunaan bahasa (kata) bertujuan sebagai komunikasi sehari-hari. Bahasa ini meningkat kepada bahasa ilmu yang pengaruhinya minda yang rasional dan bahasa adab yang dipengaruhi ‘hati’ (emosi) yang bersifat kreatif imaginatif. Jadi, dari kata menghasilkan bahasa yang terletak di bawahnya bahasa rasional yang menuju ilmu dan bahasa intuitif yang tertakluk di bawah bidang sastera. Diterangkan juga dalam kajiannya ini tentang persepsi pengkarya, *Takmilah* dan Pesurat, termasuk pesuratan adab dan tamadun, seterusnya fungsi *Takmilah* dan pesurat.

Shafie merumuskan dalam penutup kajian beliau, ilmu tidak dapat dipisahkan bagi kemajuan, begitu juga dengan bidang sastera, seni dan rohani, adalah sebagai penyempurnaan. Pendekatan *Takmilah* seharusnya tidak tersendiri, ianya tumbuh dan





berkembang bersama ruang lingkup ilmu. Jika ilmu sebagai *shajarah tayyibah*, maka adab sastera seni dan rohani yang didukung *Takmilah* ialah bunga yang menghias dan buah yang ranum berbuah. Ilmu membina manusia, masyarakat, bangsa dan negara, manakala adab sastera, seni dan rohani melengkapkan, menyempurnakan dan memberi makna kehidupan, serta membahagiakan manusia, gagasan pesurat adalah pelengkap *Takmilah*.

Antara kajian lain yang ditulis oleh Shafie Abu Bakar (dalam Abdul Halim Ali, 2014), ialah “*Perluasan Teori Takmilah*”. Dalam kajian ini pengkaji mengaplikasi teori *Takmilah* di dalam seni-seni yang lain yang tidak berdasarkan karya atau penulisan dengan menggunakan bahasa, seperti seni khat yang melukiskan nama-nama Allah dan ayat-ayat al-Quran dan sebagainya. Seni khat juga dianggap



sebagai seni tertinggi dalam Islam kerana sifatnya yang khusus dan dapat menerima berbagai bentuk dan gaya yang mendukung nilai astetik yang tinggi. Lebih jelas lagi apabila jenis-jenis khat berkenaan merakam ayat-ayat suci al-Quran dan Hadis Nabi, kata-kata hukamak dan nasihat. Tiap jenis khat mempunyai cirinya yang tersendiri.

Selain itu teori *Takmilah* juga dapat diaplikasikan kepada seni bina antaranya yang lebih rapat dengan Islam ialah masjid, termasuk juga seni suara dan lagu dapat diaplikasi dengan teori *Takmilah*. Dalam rumusan kajian Shafie menyimpulkan bahawa manusia yang lemah lagi jahil merindukan kesempurnaan yang merupakan kesempurnaan tertinggi manusia mencari, mempelajari dengan meningkatkan kualiti kepada peringkat kesempurnaan sebagaimana dalam skema *Takmilah*, bahan sastera, khat, masjid, seni muzik, seni lagu, dan muzium juga adalah sebagai wadah ilmu yang merupakan antara wadah yang mengunjurkan kepada peringkat *Takmilah*.





Kajian selanjutnya bertajuk “*Manusia Sebagai Hamba dalam Anggar Kehidupan Karya Anismas AR Analisis daripada Perspektif Teori Takmilah*” yang dijalankan oleh Ani Haji Omar (dalam Abdul Halim Ali, 2014) turut menggunakan teori *Takmilah*. Kajian ini menyimpulkan bahawa manusia sebagai hamba yang kuat keimanan dan ketakwaan, beriman kepada Allah dengan sungguh hati sebagaimana ia menjadi tunjang akidah muslim, ia juga merupakan sebahagian daripada rukun Iman. Iman juga merupakan nikmat terbesar yang diberi oleh Allah kepada umat Islam sebagai sumber kekuatan untuk menjalani kehidupan di dunia dan di akhirat nanti. Iman adalah perkara pokok yang tidak boleh ditukar ganti dan dijual beli walaupun terpaksa mengorbankan jiwa dan raga.

Melalui prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *Takmilah*, prinsip pada pengkarya seharusnya mengistikmalkan diri. Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka kearah insan *Kāmil*, maka manusia mampu menggunakan akal fikiran untuk berfikir tentang kebenaran dan keesaan Allah menerusi hidayah dan petunjuk dari-Nya. Kehidupan mewah dan moden hari ini tidak bermakna jika manusia lupa hakikat sebagai hamba kepada Allah kerana hidup tanpa keimanan dan ketakwaan hanya mengundang keluh kesah kerana tiada sinar dan petunjuk dari-Nya.

Manusia sebagai hamba hendaklah sentiasa berdoa agar menjadi insan terpilih dengan dilimpahi rahmat dan sentiasa mendapat hidayah daripada-Nya. Hal ini sesuai dengan prinsip pertama, kedua dan ketiga teori *Takmilah*, iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamāl*, prinsip kerasulan sebagai insan *Kāmil* dan prinsip keislaman yang bersifat *Akmal*. Sehubungan dengan itu, tujuan manusia diciptakan adalah untuk beribadah kepada pencipta-Nya. Oleh itu, manusia yang dianugerahkan akal fikiran





yang waras hendaklah melakukan suruhan-Nya dengan penuh keimanan dan keikhlasan serta meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan itu, manusia perlulah sentiasa meningkatkan keimanan, beramal soleh dengan penuh ketakwaan, serta keikhlasan kepada Allah, bagi memastikan matlamat utama kehidupan manusia sebagai hamba kepada pencipta-Nya dapat dicapai.

Selain itu terdapat kajian berjudul “*Novel The Missing Piece: Analisis dari Perspektif Teori Takmilah*” oleh Zailani bin Zawawi (2011). Kajian ini untuk melihat unsur-unsur atau imej Islam dan kesedaran Islam yang terdapat dalam novel *The Missing Piece* dan bentuk yang diterapkan oleh Fatimah Busu selain itu membincangkan bagaimana pengarang Fatimah Busu menerap dan mengolah unsur-unsur Islam dan kesedaran Islam dalam novel *The Missing Piece*. Kajian ini

selanjutnya bermotif mengupas kepentingan novel *The Missing Piece* ini dari sudut prinsip pertama Teori *Takmilah* dan hubungannya dengan sifat *Kamāl* Allah. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa imej dan kesedaran Islam yang boleh dikaitkan dan bersesuaian dengan kehendak dan maksud prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamāl*. Imej tersebut dikesan menerusi falsafah pemikiran pengarang yang disalurkan menerusi perwatakan dalam novel ini. Analisis seterusnya yang menggunakan teori *Takmilah* dapat dirumuskan seperti mana dihimpunkan dalam “*Kajian Takmilah dalam Perkembangan Novel Melayu*” oleh Kamariah Kamaruddin (2011). Antara kajian awal peringkat Ijazah Sarjana Sastera ialah Maisarah Yaacob (2001) dengan tajuk “*Ustaz dan Nurul Hidayah, Analisis Takmilah*”, disusuli pula oleh Mohamad Bahari (2003) dengan judul “*Unsur-unsur Insaniah di dalam Novel Pilihan Azizi Haji Abdullah*”. Adapun pada peringkat ijazah Doktor Falsafah pula, kajian tentang novel Melayu dan pengaplikasian teori *Takmilah* didapati jumlahnya tidak banyak, seperti





kajian Ros Zakaria (2002) dengan tajuk “*Martabat Nafsu dalam Novel-novel Shahnon Ahmad*” dan Kamariah Kamaruddin (2006) dengan judul “*Novel-novel Berunsur Islam: Satu Analisis Berdasarkan Teori Takmilah*”. Daripada kajian ini, maka terbintilah buku bertajuk “*Takmilah dalam Novel Melayu*” (DBP, 2011).

Hasil penelitian menunjukkan terdapat sejumlah kajian yang menggunakan sama ada satu, dua atau tiga prinsip dalam teori *Takmilah*, namun masih belum terdapat kajian secara khusus yang menggunakan prinsip pertama dalam teori *Takmilah* iaitu prinsip tuhan yang bersifat *Kamāl* dan hubungannya dengan mana-mana sifat Allah secara khusus. Justeru, kajian ini memilih untuk melihat aspek *Kamālullāh* dengan mengfokuskan makna yang tersembunyi dalam karya-karya sastera Islam sekaligus menegak kebesaran Allah melalui karya sastera Islam.



## 2.8 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan kajian yang berkaitan konsep ketuhanan dan sastera Islam, dan kajian lalu berkaitan puisi Suhaimi Hj. Muhammad, selain itu, dibincang tentang kajian lalu berkaitan teori *Takmilah*, dalam bab ini juga telah menghuraikan teori *Takmilah* dan prinsip-prinsipnya, dari hasil penelitian yang telah dibincangkan terdapat kajian-kajian yang berkaitan, justeru masih terdapat bahagian yang perlu diteliti secara khusus dan mendalam terutama dalam aspek *Kamālullāh*. Dengna ini pengkaji memilih tajuk ini bagi melihat dan menjawab soalan kajian seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



i

## BAB 3

### METODOLOGI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab ini menerangkan metodologi yang digunakan bagi menganalisis data kajian, serta menjawab semua persoalan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Teori yang dibincangkan ialah teori *Takmilah* dengan prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamāl*, dan pengkaji juga akan mengemukakan beberapa perkara penting seperti reka bentuk kajian, kerangka konsep atau teori, seterusnya sumber yang digunakan dalam kajian ini, dan juga kaedah pengumpulan data.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi




### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji telah memilih beberapa metode yang sesuai untuk mengumpul data. Kaedah yang dilaksanakan ialah kaedah kajian kepustakaan. Kaedah tersebut dipilih kerana data-data adalah berbentuk teks puisi dan dokumen seperti buku-buku, jurnal-jurnal, kertas-kertas seminar, majalah-majalah dan akhbar berkaitan. Kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat berkenaan kefahaman tentang nama-nama Allah dan sifat-sifat-Nya, serta dengan pengertian yang dibincangkan oleh para ulama, sekaligus dapat mengenal pasti masalah dan dapat mencari kaedah yang sesuai bagi menangani permasalahan tersebut.

Dalam kajian ini juga, setelah pengkaji membuat analisis penggunaan atau pendekatan dalam penggunaan sifat Allah yang bersifat *Kamāl* (kesempurnaan), pengkaji memperincikan sifat-sifat yang didapati itu.

Keseluruhan proses dalam kajian ini yang bermula daripada permasalahan kajian sehingga ke kepada jangkaan dapatan, dipersembahkan dalam satu reka bentuk kajian yang bersalingkait seperti Rajah 3.1.





Rajah 3.1 Carta Reka Bentuk Kajian

### 3.3 Kaedah Kajian

Kajian ini akan memanfaatkan kaedah kualitatif, terdapat dua kaedah yang digunakan di bawah kaedah kualitatif. Pertama adalah kaedah kepustakaan, dan yang kedua ialah kaedah analisis kandungan teks.





### 3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kajian ini secara keseluruhannya menggunakan kaedah kualitatif bagi menyelongkari dan memahami penggunaan sifat Allah dalam puisi-puisi yang berunsur Islam. Kaedah kajian kepustakaan dijalankan bagi mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan untuk memenuhi objektif kajian ini. Kaedah ini penting untuk mencari bahan-bahan rujukan seperti buku-buku berbentuk akademik yang ditulis oleh pakar-pakar dalam bidang bahasa dan bidang ilmu tauhid yang berkaitan dengan sifat Allah.

Di samping itu, kajian ini juga berpandukan kepada hasil-hasil penyelidikan, kertas-kertas seminar, jurnal, majalah, akhbar dan melayari laman web untuk mendapat bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk atau bidang kajian. Kaedah ini

05-4506832 dilakukan pbagi memantapkan lagi tesis penyelidikan. Kajian kepustakaan yang digunakan ialah buku ilmiah, jurnal dan tesis yang berkaitan dengan bahasa, dan ilmu akidah, seterusnya teori *Takmilah*, khususnya kepada prinsip Tuhan yang bersifat *Kamāl*.

### 3.3.2 Kerangka Konsep

Kajian ini secara keseluruhannya akan menganalisis puisi *Taman Takwa* oleh Suhaimi Hj. Muhammad (2009) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Pemilihan kajian wacana *Kamālullāh* merupakan gabungan dengan salah satu prinsip daripada tujuh prinsip teori *Takmilah*. Ia dilihat sangat penting kerana bakal



menyumbang kepada perolehan dapatan kajian tetang wacana *Kamālullāh* dalam puisi Suhaimi Hj. Muhammad.

Sumber data daripada buku ini dianalisis berpandukan kepada wacana *Kamālullāh*, gabungan dari prinsip pertama dari teori *Takmilah*: prinsip tuhan yang bersifat *Kamāl* dengan 20 sifat yang wajib bagi Allah. Disamping itu, elemen yang turut diambil kira daripada buku ini merangkumi seni-seni wacana dan *Kamālullāh*

### 3.4 Sumber Data

Sumber data dalam kajian ini berdasarkan beberapa sumber data yang utama, dan



Manakala sumber kedua terdiri dalam kajian ini daripada buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan kajian. Antara buku-buku penting yang dirujuk ialah:

- i. *Usul al-Tahqiq* oleh Haji Wan Ahmad Khalil Haji Muhammad al-Limbadi al-Kelantani, Ramly Pree Sdn.Bhd. (2013).
  - ii. *Aqidah bagi Sanusiah: Matan Ummul Burhan*, Cetakan Bin Halabi, Fathoni, Thailand.





- iii. Shafie Abu Bakar (1996). *Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip*. Dalam Mana Sikana (1997). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

### 3.5 Analisis Data

Bagi mencapai hasil kajian yang terbaik, data kajian ini dianalisis menggunakan kaedah analisis teks, iaitu dokumen atau data dianalisis bagi mengetahui isi dan makna yang terkandung di dalamnya. Data dianalisis secara induktif.

Analisis data secara induktif yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan

05-4506832 beberapa palasan. Antaranya Pertama, proses induktif dapat mengemukakan kenyataan-kenyataan jamak sebagaimana yang terdapat dalam data. Kedua, analisis induktif dapat mengemukakan pengaruh bersama yang mempertajamkan hubungan-hubungan. Ketiga, analisis sedemikian dapat menghitung nilai-nilai secara eksplisit sebahagian daripada struktur. Kaedah menganalisis data dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti berikut:

#### 3.5.1 Membaca Kumpulan Puisi

Membaca kumpulan puisi sebanyak beberapa kali, kemudian menandakan bahagian sifat atau nama Allah yang menunjukkan kepada sifat-sifat-Nya, sebagaimana yang terdapat di dalam kumpulan puisi Taman Takwa.





### 3.5.2 Membuat Senarai Semak

Setelah memperolehi senarai sifat-sifat Allah dalam kumpulan Puisi Taman Takwa, pengkaji kemudiannya menyenaraikannya dalam senarai semak yang telah disediakan, seperti Jadual 3.1 di bawah:

Jadual 3.1

*Analisis Sifat Allah dalam Puisi Taman Takwa*

Bil	Kod	Judul	Brs	M/s	Puisi – puisi	Sifat Allah	Bhgn Sifat
1.	P1-1	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	10	1	Allah adalah awalnya,	Qidam	Salbiyah
2.	P1-2	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	10	1	Dan juga Akhiran	Baqā'	Salbiyah
3.	P1-3	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	36	2	Di bawahnya aku berlindung di sisi-Nya	Qudrah	Ma'ani
4.	P1-4	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	58	2	Hanya pada-Nya aku berlindung seluruh kehidupan	Qudrah	Ma'ani
5.	P1-5	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	59	2	Dan pada-Nya hidup dan matiku bergantung;	Irādah	Ma'ani
6.	P1-6	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	60	2	Hanya Dia yang mengurniakan kemerdekaan,	Kawnuhu muridan	Ma'navi
7.	P1-7	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	61	2	Dan hanya Dia pelindung agung.	Qudrah	Ma'ani
	P1-10	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	77	3	Tuhan yang Maha Ihsan	Mukhalafa tuhu lilhawadith	Salbiyah
8.	P1-11	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	84	3	Ya Allah, inilah kalimah Syahadaku, inilah aku, Inilah panah asmaradana rindu dendamku	Kaunuhu samian	Ma'navi
9.	P1-12	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	88	3	Yang bersimpuh dalam tangan-Mu	Qudrah	Ma'ani





Berikut ialah maksud perkataan yang diringkaskan dalam jadual atau rajah bagi memudahkan analisis.

- i. Bil: Bilangan mengikut susunan jumlah sifat Allah yang didapati di dalam kumpulan puisi tersebut.
- ii. Kod: Kod yang telah ditentukan oleh pengkaji untuk memudahkan analisis yang akan diterangkan dalam bahagian pengekodan.
- iii. Judul: Merujuk kepada judul puisi Taman Takwa.
- iv. Brs: Baris puisi yang menunjukkan kepada sifat Allah.
- v. M/s: Muka surat yang terletaknya keratan puisi yang berkaitan.
- vi. Puisi – puisi: Keratan ayat yang terdapat dalam kumpulan puisi.
- vii. Sifat Allah: Sifat 20 yang wajib bagi Allah, yang digunakan oleh pengarya di dalam kumpulan puisi.
- viii. Bahagian Sifat: Sifat bagi Allah yang 20 dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu: *nafsiyah*, *salbiyah*, *ma'āni*, dan *ma'nawī*.

Senarai semak yang dibuat selepas didapati jumlah sifat mengikut

bahagiannya, kemudian dibahagikan dan di terangkan serta diperkuuhkan dengan ayat-ayat al-Quran dan pandangan-pandangan ulama.





### 3.5.3 Pengekodan

Pengekodan ini digunakan bagi memudahkan rujukan selepas analisis data dijalankan.

Kod ini digunakan seperti P1 merujuk kepada puisi yang pertama, P2 puisi yang kedua dan seterusnya.

Jadual 3.2

Contoh Pengekodan

Bil	Kod	Judul	Brs	M/s	Puisi – puisi	Sifat Allah	Bhgn Sifat
10.	P1-1	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	10	1	Allah adalah awal-nya,	Qidam	Salbiyah
11.	P1-2	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	10	1	Dan juga Akhiran	Baq'a'	Salbiyah



Kod P1 ialah puisi yang pertama kemudian Nombor 1 ialah ayat pertama yang menggunakan sifat Allah ialah “Allah adalah awal-nya” terdapat dalam puisi pertama pada baris yang ke-10 muka surat 1. Kalimah “awalnya” disini menunjukkan sifat Allah iaitu *Qidam* yang bermaksud Sedia kala, sebab tidak ada perkara sebelum Allah dengan itu ayat ini dapat merujukkan kepada sifat *Qidam* Allah. Kemudian, sifat *Qidam* ini dikategorikan dalam bahagian sifat *salbiyah*. Dalam ayat ini, pengkarya menggunakan ayat bagi nilai-nilai berunsurkan akidah iaitu dengan menguatkan keimanan kepada Allah SWT. (Pengekodan secara terperinci dapat dilihat dalam lampiran 3)





### 3.6 Data Kajian

Data dikumpulkan dari sumber primer, iaitu sebuah buku yang mengumpulkan puisi yang berjudul *Taman Takwa* oleh Suhaimi Haji Muhammad. Dalam kumpulan puisi ini mempunyai 79 buah puisi. Puisi-puisi ini membawa makna keimanan, keilmuan, kasih sayang, kemanusiaan dan muhasabah diri yang benar-benar meninggalkan kesan terhadap jiwa dan fikiran pengkaji.

Pengkarya secara sedar membawa emosi rasa pengkaji untuk menyelami konsep ketuhanan yang bersifat *Kamāl* yang telah di istilahkan dengan *Kamālullāh* terhadap perutusan yang ingin disampaikan. Unsur kerohanian dan ketuhanan sangat diutamakan dalam kehidupan manusia. Ianya berkait rapat dengan jiwa dan keimanan manusia. Teori ini bersifat holistik kerana prinsip-prinsipnya melibatkan pelbagai aspek, iaitu ketuhanan yang bersifat *Kamāl*, kerasulan sebagai insan *Kāmil*, keislaman yang bersifat *Akmal*, ilmu dengan sastera yang bersifat *Takāmul*, sastera yang bersifat estetik dan bersifat *Takmilah*, pengkarya yang mengistikmalkan diri dan khalayak ke arah insan *Kāmil*.

Skop kajian adalah konsep ketuhanan yang bersifat *Kamāl*. Kajian ini hanya menggunakan satu prinsip sahaja dalam teori *Takmilah*, iaitu prinsip pertama ketuhanan yang bersifat *Kamāl*, gabungan sifat wajib bagi Allah yang 20, dan dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu sifat *nafsiyah*, *salbiyah*, *ma'āni*, dan *ma'nawi*.





Kajian ini telah meneliti beberapa buku sebagai rujukan dalam konsep ketuhanan seperti *Uṣūl al-Tahqīq* oleh Haji Wan Ahmad Khalil Haji Muhammad al-Limbadi al-Kelantani (2013, ms.29-58), selain beberapa pandangan dan ulasan oleh Yuliantoid (2013). Dalam *Uṣūl al-Tahqīq* penulis telah menerangkan beberapa unsur akidah atau usul kepada ilmu tauhid, seperti makrifat kepada Allah, hukum hakam, sifat-sifat Allah yang wajib diketahui, sifat Rasul, rukun Iman dan sebagainya. Buku ini juga menghuraikan tentang pembahagian sifat Allah kepada empat bahagian, iaitu: bahagian pertama ialah sifat *nafsiyah* (نفسية), adapun bahagian kedua ialah sifat *salbiyah* (سلبية), seterusnya bahagian ketiga ialah sifat *ma‘ānī* (معانی), dan bahagian keempat ialah sifat *ma‘nawī* (معنوي)



Semua kaedah yang penting dalam kajian ini telah dijelaskan dalam bab ini, Secara keseluruhan, dapatlah disimpulkan nanti hasil kajian dalam wacana *Kamālullāh* dalam aspek sifat Allah yang empat, dan dianalisis pula wacana yang berkaitan dengan sifat *Kamālullāh*. Sastera Islam sangat penting dan perlu difokuskan, penulis sastera Islam juga mempunyai tugas yang berat dalam menghasilkan karyanya supaya nilai ketuhanan dan dakwah dapat disampaikan dengan lebih jelas kepada masyarakat.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



i

## BAB 4

### ANALISIS DAN PERBINCANGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab ini merupakan bab analisis data dan perbincangan. Data daripada sumber utama kajian iaitu sajak-sajak Suhaimi Hj Muhammad yang termuat dalam kumpulan puisi *Taman Takwa* (2009). Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Aspek kandungan yang dianalisis ialah unsur-unsur berkaitan sifat *Kamālullāh* berdasarkan prinsip teori *Takmilah*, iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamāl*. Unsur sifat *Kamāl* Tuhan ini disandarkan pada 20 sifat Tuhan seperti yang dibincangkan oleh Wan Ahmad Khalil Haji Muhammad al-Limbani al-Kelantani dalam bukunya berjudul *Uṣūl al-Taḥqīq* (2013). Dua puluh sifat Tuhan yang dibincangkan oleh Wan Ahmad Khalil Haji Muhammad al-Limbani al-Kelantani dikelompokkan kepada empat kategori, iaitu *nafsiyah*, *salbiyah*, *ma‘āni* dan *ma‘nawi*.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Analisis dan perbincangan dibahagikan kepada dua bahagian supaya sejajar dengan dua objektif kajian ini. Bahagian pertama tertumpu pada analisis dan perbincangan tentang unsur-unsur *Kamālullāh* berdasarkan empat kategori iaitu *nafsiyah*, *salbiyah*, *ma‘āni* dan *ma‘nawī*. Manakala bahagian kedua pula adalah analisis dan perbincangan wacana yang berkaitan sifat *Kamālullāh*.

#### 4.2 Analisis Konsep *Kamālullāh*

Berdasarkan analisis yang dilakukan ke atas 79 buah sajak yang termuat dalam kumpulan puisi Taman Takwa, kajian ini menemukan 20 unsur sifat Tuhan iaitu *Wujūd*, *Qidam*, *Baqā'*, *Mukhlāfatuhu lilhawādīth*, *Qiāmuhu binafsīh*, *Wahdaniyah*, *Qudrat*, *Irādah*, *Illu'm*, *Hayat*, *Sama'*, *Baṣar*, *Kalam*, *Kawnuḥū Qādiran*, *Kawnuḥū Murīdan*, *Kawnuḥū Hayyan*, *Kawnuḥū 'Āliman*, *Kawnuḥū Samī'an*, *Kawnuḥū Baṣīran*, *Kawnuḥū Mutakalliman*. Daripada 20 sifat itu, terdapat lima sifat Allah SWT yang paling kerap digunakan oleh penyair iaitu:

- i. *Qudrat* (قدر)
- ii. *Irādah* (إرادة)
- iii. *Kawnuḥū Samī'an* (كونه سمياع)
- iv. *Sama'* (سمع)
- v. *Mukhlāfatuhu lilhawādīth* (مخالفة للحوادث)





Manakala sifat-sifat lain agak seimbang penggunaannya dan sifat-sifat yang paling sedikit ditemui dalam sajak-sajak Suhaimi ialah sifat *Kawnuhu Mutakalliman*. Dari segi kategori pula, sifat dalam kategori *ma‘ānī* yang paling banyak terdapat iaitu sifat *Qudrah*, *Irādah*, dan *Sama‘*, kemudian sifat-sifat Tuhan dalam kategori *ma‘nawī*, sifat-sifat dalam kategori ini yang banyak digunakan ialah sifat *Kawnuhu Samī‘an*, seterusnya dalam kategori *salbiyah*, dalam kategori ini yang banyak digunakan ialah sifat *Mukhālafatuhu lilhawādith*.

#### Jadual 4.1

##### *Sifat dan Jumlah yang Terdapat dalam Puisi Taman Takwa*

Nama Sifat	Bahagian	Jumlah
05-450 (قرة) <i>Qudrah</i>	<i>Ma‘ānī</i>	124
(إرادة) <i>Irādah</i>	<i>Ma‘ānī</i>	94
(سمع) <i>Sama‘</i>	<i>Ma‘ānī</i>	30
(علم) <i>Ilmu</i>	<i>Ma‘ānī</i>	18
(بصر) <i>Baṣar</i>	<i>Ma‘ānī</i>	10
(كلام) <i>Kalām</i>	<i>Ma‘ānī</i>	5
(حبا) <i>Hayan</i>	<i>Ma‘ānī</i>	4
(كونه سمیعا) <i>Kawnuhu Samī‘an</i>	<i>Ma‘nawī</i>	35
(كونه عالما) <i>Kawnuhu ‘Aliman</i>	<i>Ma‘nawī</i>	24
(كونه قادر) <i>Kawnuhu Qādiran</i>	<i>Ma‘nawī</i>	23
(كونه مرید) <i>Kawnuhu Murīdan</i>	<i>Ma‘nawī</i>	23
(كونه بصیرا) <i>Kawnuhu Baṣīran</i>	<i>Ma‘nawī</i>	14

(bersambung)






### Jadual 4.1 (*sambungan*)

Nama Sifat	Bahagian	Jumlah
<i>Kawnuhu Hayan</i> (كونه حي)	<i>Ma'navī</i>	3
<i>Kawnuhu Mutakalliman</i> (كونه متكلماً)	<i>Ma'navī</i>	2
<i>Wujūd</i> (وجود)	<i>Nafsiyah</i>	23
<i>Mukhālafatuhu lil hawādith</i> (مخالفته للحوادث)	<i>Salbiyah</i>	25
<i>Wahdaniyah</i> (وحدانية)	<i>Salbiyah</i>	21
<i>Baqā'</i> (بقاء)	<i>Salbiyah</i>	15
<i>Qiāmuhu binafsīh</i> (قيامه بنفسه)	<i>Salbiyah</i>	8
<i>Qidam</i> (قدم)	<i>Salbiyah</i>	3



Berdasarkan Jadual 4.1 dapat dicartakan seperti Carta 4.1



Carta 4.1 Sifat Allah dan Jumlahnya dalam Puisi Taman Takwa





Berdasarkan Carta 4.1 dapat dirumuskan bahawa sifat yang paling panyak yang terdapat dalam puisi Taman Takwa ialah sifat *Qudrah* seterusnya *Irādah* seterusnya *Kawnuhu Samī‘an* dan yang keempat ialah sifat *Sama‘* dan yang kelima ialah sifat *Mukhālafatuhu līlḥawādīth*.

Adapun sifat yang paling sikit yang terdapat dalam puisi Taman Takwa ialah sifat *Kawnuhu Mutakalliman*.

#### 4.3 Analisis Sifat *Ma‘ānī* (معانی) dalam Puisi SHM

Sifat *ma‘ānī* yang bermaksud tujuan zat (Wan Ahmad Khalil, 2013, ms.39) ia

menunjuk kepada pekerjaan zat, ulama tauhid menamakan sifat ini dengan nama sifat *Wujūdiah* yang membawa maksud sifat yang wajib ada pada zat Allah SWT. Atau dengan maksud yang lain adalah sifat-sifat Allah yang penggambaran (*Tajalli*) makna lahir sifat-sifat tersebut pada manusia. Sifat *ma‘ānī* tersebut ada tujuh sifat iaitu; *Qudrah*, *Irādah*, *‘Ilmu*, *Hayat*, *Sama‘*, *Baṣar* dan yang ketujuh *Kalām*.

Dari tujuh sifat di atas, dibahagi pula kepada tiga bahagian utama. Pertama, sifat *Qudrah* dan *Irādah* Allah dinamakan bahagian ini sebagai *Taksir* ertinya yang memberi kesan (bekas). Kedua, sifat *‘Ilmu*, *Sama‘* dan *Baṣar* dinamakan bahagian *Ingkishaf* ertinya dengan jelas dan nyata Allah SWT itu mengetahui, mendengar dan melihat. Adapun bahagian ketiga sifat *Kalām* dinamakan bahagian *Dilalah* yang bermaksud menunjuk. Adapun satu lagi sifat dalam bahagian ini ialah sifat *Hayat*, sifat ini hanya syarat semata-mata kerana mustahil bagi Allah yang bersifat dengan





semua itu tidak bersifat dengan *Hayat* atau hidup, dan mustahil juga bagi zat yang Mati mampu untuk melakukan segala-galanya.


Analisis yang dijalankan, didapati 285 kali sifat-sifat dalam bahagian *ma‘ānī* ini yang digunakan oleh penyair dalam kumpulan puisi Taman Takwa dan telah dibahagikan kepada bahagian sifat-sifat seperti Jadual di bawah:

#### Jadual 4.2

##### *Sifat Ma‘ānī dalam puisi Taman Takwa*

Nama Sifat	Jumlah/kali
<i>Qudrah</i> (قدرة)	124
<i>Iradah</i> (إرادة)	94
<i>Sama‘</i> (سمع)	30
<i>Ilmu</i> (علم)	18
<i>Basar</i> (بصر)	10
<i>Kalām</i> (كلام)	5
<i>Hayan</i> (حیان)	4
<i>Semua</i>	285





Carta 4.2 Sifat Ma‘ānī dalam Puisi Taman Takwa

Merujuk Jadual dan Carta 4.2 dapat dirumuskan bahawa sifat-sifat dalam

kategori *ma‘ānī* yang paling banyak terdapat ialah sifat *Qudrah* dan *Irādah* adapun yang paling sedikit ialah *Hayat* dan *Kalām*, analisis secara terperinci yang akan menambahkan lagi kefahaman terhadap *Kamālullāh* di dalam sifat *ma‘ānī*-Nya, sepetimana perbahasan berikut.

#### 4.3.1 *Qudrah* (قدرة)

Sifat *Qudrah* yang bermaksud Berkuasa atau Kekuasaan Allah SWT, kekuasaan Allah di atas segala sesuatu itu yang bersifat Mutlak, tidak ada batasannya dan tidak ada yang membatasinya, baik terhadap zat-Nya sendiri maupun terhadap makhluk-Nya. Sangat-sangat berbeza dengan kekuasaan manusia dan dengan makhluk-makhluk yang lain, yang mana makhluk-Nya itu ada batasannya dan ada yang membatasi.



Sesungguhnya berkuasanya Allah SWT itu dengan sifat Kuasa-Nya bukan dengan zat-Nya, bukan dengan alat atau senjata, bukan dengan pertolongan sesuatu, bukan dengan usaha, dan bukan dengan apa-apa suatu pun melainkan dengan sifat Kuasa-Nya itu. Sungguh tidak patut manusia bersifat sompong dengan kekuasaan yang kita miliki kerana sebesar apapun Allah SWT pasti lebih kuasa.

Sifat *Qudrat* tuhan digunakan bagi menunjukkan bahawa Tuhan yang Maha Berkuasa memberi dan melakukan apa sahaja mengikut kehendak-Nya kepada hamba-hamba-Nya. Secucuk dengan konsep Tuhan yang sememangnya bersifat dengan *Kamāl* atau yang Maha sempurna. Dalam sajak-sajak ini terdapat banyak bentuk dan cara yang digunakan oleh penyair untuk menunjukkan kepada *Qudrat* Allah, dengan cara hakiki atau zahir (jelas), dan majazi (kiasan). Sepertimana yang



#### Jadual 4.3

*Sifat Qudrah dalam puisi Taman Takwa*

Bil	Kod	Brs	M/s	Judul	Puisi – puisi
1.	P1-3	36	2	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	Di bawahnya aku berlindung di sisi-Nya
2.	P1-4	58	2	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	Hanya pada-Nya aku berlindung seluruh kehidupan
3.	P1-7	61	2	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	Dan hanya Dia pelindung agung.

(bersambung)





### Jadual 4.3 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
4.	P1-12	88	3	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	Yang bersimpuh dalam tangan-Mu
5.	P2-9	26	4	Alam semesta ini	Di sini juga berdiri para syuhada memeluk ganjaran anugerah-Mu sebesar Gunung Uhud
6.	P3-1	3	6	Tetes-tetes hujan	Hanya Engkau yang dapat menghitung butir-butirnya,
7.	P3-3	12	6	Tetes-tetes hujan	Hanya Engkau yang dapat menghitung butir-butirnya,
8.	P3-4	17	6	Tetes-tetes hujan	Kau sajalah yang memegang tangkai wujud,
9.	P3-5	18	6	Tetes-tetes hujan	Engkau sajalah yang memegang tangkai kuasa
10.	P4-4	9	8	Tentang kebesaran dan kekuasaan	Segala kebesaran dan segala kekuasaan seluruhnya milik-Mu
11.	P4-5	11	8	Tentang kebesaran dan kekuasaan	Semua kerajaan manusia di bawah kerajaan-Mu semua kekuasaan manusia di bawah kekuasaan-Mu
12.	P7-2	12	14	Awan kelabu awan mendung	Hak menjadikan dan hak menentukan adalah dalam ilmu mutlak-Mu dan dalam kuasa mutlak-Mu
13.	P7-3	13	14	Awan kelabu awan mendung	Dan hanya dalam kuasa mutlak-Mu
14.	P7-5	20	14	Awan kelabu awan mendung	Engkau yang memegang kunci hujan dan pintu langit
15.	P7-6	21	14	Awan kelabu awan mendung	Engkau yang mengenal bila rahmat mutlak-Mu akan turun, bila rahmat kuasa-Mu akan berlaku
16.	P7-8	44	15	Awan kelabu awan mendung	Engkaulah yang menyediakan bunga, sarang dan madu saringan
17.	P10-6	69	22	Di tanah perkuburan ini	Engkau membilang semuanya
18.	P13-4	18	26	Rayuan memilih	Maka cahaya langit yang terang-benderang, berubah menjadi kelabu, pucat dang hilang

(*bersambung*)





### Jadual 4.3 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
19.	P14-1	7	27	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Menyapa manusia untuk berusia lebih panjang daripada usianya – semuanya telah Engkau hancur musnahkan dalam daring banjir
20.	P14-2	14	27	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Mereka terlantar dalam rahim – rahim tanah yang retak dan tertimbus di dalam lubuk-lubuk dan kawah-kawah air
21.	P14-3	17	27	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Panah rebut dan lambing taufan, menyusup ke dalam istana-istana gua yang mereka banggakan
22.	P14-4	30	27	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Panah rebut dan lembing taufan yang Engkau kirimkan menjadi bukti kepadaku, bahawa Engkau maha kuasa
23.	P14-5	37	28	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Maka tidak ada budaya teknologi manusia yang dapat menentang kuasa-Mu
24.	P14-7	44	28	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Tuhan, aku pun tahu, bahawa rebut, taufan, hujan dan banjir adalah antara tentera-tentera keadilan dan tentera-tentera setia-Mu
25.	P14-11	71	29	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Betapa maju sekalipun budaya teknologi manusia,takkan upaya mengatasi batas-batas teknologi kudrat dan iradat-Mu
26.	P14-12	78	29	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Sesungguhnya Engkau maha tegas dengan bisikan-bisikan peringatan-Mu, dan maha benar dangan bisikan kasih sayang-Mu
27.	P16-3	38	33	Ada pun kehidupan ini	Mempertikai kekuasaan-Mu. Mempertikaikan janji-jaji-Mu
28.	P16-7	68	34	Ada pun kehidupan ini	Berjuang dengan segala perisai kekuasaan-Mu dan dengan segala perisai perlindungan-Mu
29.	P19-8	49	42	Pesan di detik sakaratulmaut	Beserta dengan keimanan yang gagah perkasa bagi gunung nur-Mu
30.	P20-1	1	43	Terlalu banyak kurnia-Mu	Tuhan, terlalu banyak kurnian-Mu
31.	P20-2	34	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Ku saksikan cahaya Qudrat-Mu

(*bersambung*)





### Jadual 4.3 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
32.	P20-5	48	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Engkaulah yang menanamnya dan menyiramnya
33.	P20-7	56	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Ini semua adalah perkebunan Kudrat-Mu
34.	P20-9	64	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Kerana aku tidak berupaya membala walau sebesar zahrah daripada rahmat kurnia-Mu
35.	P20-10	67	45	Terlalu banyak kurnia-Mu	Aku takkan mampu mengitari seluruh angkasa langit-Mu
36.	P20-11	70	45	Terlalu banyak kurnia-Mu	Aku takkan mampu bersiul menyatakan keharuan dan tangisanku kepada-Mu
37.	P20-13	76	45	Terlalu banyak kurnia-Mu	Tuhan tidak hairanlah mengapa para sufi dan para perindu-Mu
38.	P22-11	42	48	Engkau maha sempurna	Kerana Kau memang Zat Yang Maha Mulus dan Kau Zat Yang Maha berkuasa
39.	P22-10	39	48	Engkau maha sempurna	Namun, semuanya bukan untuk mempertingkatkan kemuliaan-Mu dan kekuasaan-Mu
40.	P25-5	19	52	Tentang hidup dan mati	Kau Zat Yang Maha Menghidupkan (Al-Muhayi)
41.	P25-6	20	52	Tentang hidup dan mati	Kau Zat Yang Maha Mematikan (Al-Mumit)
42.	P25-7	21	52	Tentang hidup dan mati	Kau Zat Yang Maha Pengampun (Al-Ghafur)
43.	P25-13	30	53	Tentang hidup dan mati	Ya Tuhan di samping hidup-Mu yang penuh dengan mertabat keagungan, yang penuh dengan mertabat kasih sayang yang penuh maruah belas kasihan yang penuh sengan maruah limpah kuraniaan yang penuh dengan kuasa pemerintahan
44.	P26-1	1	54	Yang menguasai wujud	Tuhan, Engkaulah yang menguasai segala wujud, segala wujud adalah wujud daripada wujud-Mu
45.	P26-2	4	54	Yang menguasai wujud	Segala takkan wujud- segala tidak ada bentuk, tidak ada wajah, dan tidak ada roh atau nyawa

(*bersambung*)





### Jadual 4.3 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
46.	P26-6	18	54	Yang menguasai wujud	Pada zahirnya mataku adalah mataku, lidahku adalah lidahku, tanganku adalah tanganku,bagitulah dengan indera-indera yang lain, tapi pada hakikat sebenarnya, semua itu adalah milik-Mu
47.	P26-9	35	55	Yang menguasai wujud	Dengan tangan-Mu kau dapat menghalang apa yang ingin ku lakukan
48.	P27-1	1	56	Di bawah lambaian medan juang	Di bawah lambaian medan juang, ku tahu segala-galanya dalam perancangan yang rapi lagi saksama
49.	P27-2	3	56		Kaulah yang maha tahu dan maha merencana
50.	P27-3	16	56	Di bawah lambaian medan juang	Aku di tepi serokan ini, sedang mengecap air bening daripada seribu rahmat-Mu
51.	P27-7	57	57	Di bawah lambaian medan juang	Maha melimpah rahmat kemurahan-Mu
52.	P30-1	8	64	Ada belbagai cinta	Kaulah yang memegang pedang kekuasaan
53.	P30-2	13	64	Ada belbagai cinta	Engkaulah pemilik dan penguasa segala kejadian
54.	P39-3	17	79	Percakapan dengan tuhan	Tak ada Cahaya lampu yang paling terang dan suci melainkan cahaya lampu-Mu
55.	P40-1	11	80	Tangan yang memberi	Inilah tangan-tangan yang kau anugerahkan kepadaku
56.	P51-1	1	98	Rayuan sebutir debu	Ini padang pasir, bayangan Kudrat dan Iradat-Mu – yang maha perkasa dan maha perencana
57.	P51-2	6	98	Rayuan sebutir debu	Tuhan lemparkan setetes air rahmat-Mu
58.	P51-4	19	98	Rayuan sebutir debu	Aku berlari-lari di lembah takwa-Mu, berlari-lari menuju gunung tauhid menuju taman abadi
59.	P52-2	14	99	Fikiran untuk memikirkan	Tidak dapat melihat gunung Hikmah-Mu, tidak dapat melihat Gunung Kudrat dan Gunung Iradat-Mu

(bersambung)





### Jadual 4.3 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
60.	P52-7	56	100	Fikiran untuk memikirkan	Aku pun teraba-raba di Lembah gunung Nur-Mu,tidak dapat melihat gunung hakikat-Mu
61.	P53-2	7	101	Khabar gembira buat mereka	Kau memang akan dapat menunaikannya kerana kau maha kuasa
62.	P53-3	9	101	Khabar gembira buat mereka	Kau maha Kudrat
63.	P53-6	18	101	Khabar gembira buat mereka	Kau memang dapat melakukannya- aku percaya dengan janji-jani-Mu ini
64.	P54-1	5	105	Murin kepada guru	Aku hanya membuat rencana, tetapi Engkau juga yang sebenarnya membuat rencana
65.	P54-2	19	105	Murin kepada guru	Supaya Engkau membawaku masuk ke dalam Istana Abadi-Mu
66.	P57-3	52	109	Antara perkampungan ketamadunan	Pertandingan kekuatan – tidak kumelihat mereka berlari-lari menuju Gunung Nur-Mu, tidak kulihat mereka berlari-lari menuju Gunung Syahadah
67.	P58-10	59	113	Di alam ibadah ini	Engkau adalah Allah, tuhan sebenar bagi seluruh alam
68.	P58-8	41	113	Di alam ibadah ini	Engkau Maha Pencipta
69.	P61-2	3	118	Suatu pilihan kehidupan	Aku tidak memilih perbandaharaan kekayaan dunia tetapi aku memilih perbandaharaan kekayaan pencipta Alam Semesta
70.	P62-2	6	119	Nasibku pada suatu ketika	Aku percaya bahawa Allahlah segala sumber- Allahlah segala sumber bagi sekalian sumber
71.	P62-4	10	119	Nasibku pada suatu ketika	Maka justeru, nasibku bergantung di tangan Allah
72.	P63-3	25	122	Ini air mataku	Bahaha Kaulah yang menganugerahkan kain pembalut luka-luka cintaku –Kaulah pula yang Maha Kuasa
73.	P65-1	1	126	Perjanjian istiqamah	Tuhan, bumi ini hamparan luas iman, adalah juga Wali Yakwa- Maha Kuasa
74.	P65-2	3	126	Perjanjian istiqamah	Engaku Maha Menciptakannya tangan-Mu yang perkasa fikiran-Mu yang Maha Jernih dan hati-Mu yang Maha Lembut

(bersambung)





### Jadual 4.3 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
75.	P65-4	46	127	Perjanjian istiqamah	Bahawa segala kekuasaan dan keanggungan itu hanya milik-Mu
76.	P70-2	53	137	Kini zaman nabi Muhammad rasulullah	Bahawa al-Quran adalah Gunung Nur-Mu
77.	P70-4	55	137	Kini zaman nabi Muhammad rasulullah	Bahawa al-Quran adalah Gunung Hidayah-Mu
78.	P71-2	9	139	Nur cahaya tuhan	Tetapi nur cahaya Tuhan menembus segala cahaya di alam siang dan di alam malam
79.	P72-1	1	142	Kukenali khazanah-Mu	Dan tidak ada sesuatu pun melainkan pada sisi kamilah segala khazanahnya
80.	P72-4	10	142	Kukenali khazanah-Mu	Tuhan, aku mengetahui bahawa segala khazanah kekayaan dan perbendaharaan itu datingnya dari sisi-Mu
81.	P72-10	57	143	Kukenali khazanah-Mu	Tuhan Yang Maha Kuasa
82.	P72-12	59	143	Kukenali khazanah-Mu	Tuhan Yang Maha Kaya
83.	P72-13	59	143	Kukenali khazanah-Mu	Tuhan Yang Maha Pencipta Segala
84.	P73-7	15	144	Allah mencintai keindahan	Maha Agung
85.	P73-9	15	144	Allah mencintai keindahan	Maha Berkuasa
86.	P73-15	28	144	Allah mencintai keindahan	Sifat kekuatan-Mu
87.	P73-22	81	146	Allah mencintai keindahan	Segala Zat Rahmat Pemberian – dan segala Zat Kekuasaan
88.	P74-1	18	147	Ziarah mata rohaniku	Sesungguhnya janji-Mu adalah benar
89.	P74-2	21	147	Ziarah mata rohaniku	Dan Allah akan binasakan orang yang tidak beriman kepada Allah dan Rasulnya

(*bersambung*)





### Jadual 4.3 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
90.	P74-3	107	150	Ziarah mata rohaniku	Allah telah memerintahkan banjir airmu memusahkan kehidupan penduduk negeri Saba'
91.	P76-2	39	155	Tipu daya mereka	Semua keputusan dan hukuman berada di tangan Allah
92.	P77-2	27	158	Peristiwaku di masjid nabawi	Apakah ini adalah fenomena Rahmat-Mu
93.	P77-3	44	159	Peristiwaku di masjid nabawi	Tuhan yang maha menyusun Perbendaharaan Sirr-Mu
94.	P78-1	1	160	Nanya fata morgana	Ya Allah ini bumi timur, ini bumi barat, ini bumi selatan
95.	P78-2	29	160	Nanya fata morgana	Semuanya itu harta-Mu
96.	P79-3	28	162	Definisi orang yang mencintai Allah	Tuhan Yang Maha Kuasa
97.	P79-6	30	163	Definisi orang yang mencintai Allah	Tuhan pasti akan menunaikan janji-janji-Nya kepada makhluk-makhluk-Nya
98.	P80-14	51	168	Wujud-Mu	Kau sumber bagi sesuatu, kau sumber bagi segala sumber
99.	P80-16	56	168	Wujud-Mu	Kau wujud sebagai Pemimpin,Pemimpin segala Pemimpin
100.	P80-17	59	168	Wujud-Mu	Kaulah penguasa di atas batas antara hidup dan mati
101.	P80-18	62	168	Wujud-Mu	Kaulah Penguasa Agung
102.	P80-20	67	169	Wujud-Mu	Kau yang memegang kuasa Tajalli
103.	P80-21	68	169	Wujud-Mu	Kaulah Tajalli hidup Kaulah Tajalli mati
104.	P82-2	12	171	Kau memang layak disyukuri	Kau telah menciptakan manusia dan mengangkatnya
105.	P82-3	15	171	Kau memang layak disyukuri	Kau telah menurukan al-Quran

(*bersambung*)





### Jadual 4.3 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
106.	P82-4	22	171	Kau memang layak disyukuri	Hakikat kebenaran terhadap sifat-sifat Kesempurnaan dan kekuasaan-Mu
107.	P82-6	32	172	Kau memang layak disyukuri	Semuanya ini sebagai hujan rahmat-Mu
108.	P82-8	36	172	Kau memang layak disyukuri	Sebagai cahaya Rahmat-Mu
109.	P82-10	54	172	Kau memang layak disyukuri	Sesungguhnya al-Quran adalah wahyu suci-Mu
110.	P82-11	58	172	Kau memang layak disyukuri	Ia pun adalah Perbendaharaan Rahmat-Mu, ia pun adalah seruling-Mu
111.	P84-3	26	178	Kun faya kun	Engkau yang mewujudkan Kun Faya Kun
112.	P84-4	27	178	Kun faya kun	Hanya Engkau yang menciptakan Kun faya Kun
113.	P84-6	37	179	Kun faya kun	Ini juga bayangan kekuasaan-Mu
114.	P85-1	1	180	Gema lailahaillallah	Di mana-mana pun aku berada,kudengar gema Lailahaillallah
115.	P85-2	28	180	Gema lailahaillallah	Semua lubang-lubang telah ditembusi cahaya Keindahan-Mu
116.	P86-2	2	182	Di wadi takwa	Kulihat Gunung Takwa-Mu
117.	P86-3	3	182	Di wadi takwa	Kulihat Gunung Tauhid-Mu
118.	P86-4	3	182	Di wadi takwa	Kulihat Gunung Iman-Mu
119.	P86-5	11	182	Di wadi takwa	Kulihat Nur Keindahan-Mu
120.	P86-6	12	182	Di wadi takwa	Kulihat Nur kebesaran-Mu dan Nur Kecintaan-Mu
121.	P86-7	13	182	Di wadi takwa	Kulihat pula Nur Raudhah-Mu
122.	P88-2	116	187	Dialog dengan seorang musafir	Qadrat
123.	P88-10	193	189	Dialog dengan seorang musafir	Rahmat dan nikmat yang besar dan tinggi di sisi Allah
124.	P88-12	231	190	Dialog dengan seorang musafir	Yang menolong pak cik hanyalah Allah





Dalam Jadual 4.3 diatas, terdapat sejumlah 124 kali yang digunakan oleh penyair akan sifat *Qudrah* dengan cara hakiki dan majazi.

#### **4.3.1.1 Sifat *Qudrah* (قدر) dalam Bentuk Hakiki**

“Hakiki” dalam pengertian bahasa berasal daripada istilah berbahasa Arab yang bermaksud “nyata, kenyataan, atau asli” (Amir Syarifuddin, 2008). Adapun dari sudut istilah bermaksud “kata yang digunakan sebagaimana pertama kali dipergunakan dalam konteks kebahasaan” (Hafiz Abdurrahman, 2004).



Makna hakiki bagi sifat *Qudrah* ialah sifat yang digunakan oleh penyair dengan kata asal atau maksud kepada *Qudrah* iaitu berkuasa atau Maha berkuasa, untuk membuktikan kekuasaan Allah terhadap sekalian makhluk-Nya yang penuh dengan sifat daif atau lemah. Daripada kesemua sifat *Qudrah* yang digunakan oleh penyair di dalam puisinya, terdapat 35 tempat yang disebut secara jelas akan sifat-Nya. Bagi menjelaskan lagi huraihan terhadap sifat-sifat *Qudrah* yang digunakan secara hakiki, perbincangan dan huraihan adalah seperti mana contoh puisi dibawah:

P14-4	30	27	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Panah rebut dan leming taufan yang Engkau kirimkan menjadi bukti kepadaku, bahawa Engkau maha kuasa
P14-5	37	28	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Maka tidak ada budaya teknologi manusia yang dapat menentang kuasa-Mu
P20-2	34	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Ku saksikan cahaya Qudrat-Mu
P30-2	13	64	Ada belbagai cinta	Engkaulah pemilik dan penguasa segala kejadian





P53-2	7	101	Khabar gembira buat mereka	Kau memang akan dapat menunaikannya kerana kau maha kuasa
-------	---	-----	----------------------------	--------------------------------------------------------------

Daripada kelima-lima contoh di atas, dapat dibuktikan dengan jelas bahawa sifat kesempurnaan Allah yang berkonsepkan *Kamālullāh* itu. Dibuktikan daripada sifat *Qudrah* Allah melalui huraian secara terperinci sepertimana berikut:

P14-4	30	27	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Panah rebut dan lembing taufan yang Engkau kirimkan menjadi bukti kepadaku, bahawa Engkau maha kuasa
-------	----	----	------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------

Di dalam puisi ke-14 ini yang berjudul menyingkap tabir peruntuhan budaya di baris ke-30, muka surat 27:



... Panah rebut dan lembing taufan yang Engkau kirimkan menjadi bukti kepadaku, bahawa Engkau Maha Kuasa (b.30-33)

(Suhaimi Hj.Muhammad, 2009, ms.27)

Ungkapan puisi ini penyair membuktikan sifat *Qudrah* Allah dalam fenomena yang berlaku kepada makhluk ciptaan-Nya, seperti bencana alam, yang berbentuk ujian dan juga berbentuk balasan kepada para hamba-Nya, kalimah "... Panah rebut dan lembing taufan..." ialah dua makhluk ciptaan Allah yang sentiasa diutuskan oleh Allah untuk mengingatkan manusia terhadap kekuasaan-Nya. Kebiasaannya dikirimkan segalanya ini setelah para hamba-hamba-Nya telah lalai dan lupa terhadap kekuasaan Allah. Selain itu juga adakalanya untuk menguji para hamba-Nya demi untuk meningkatkan Iman dalam dada hamba-hamba yang soleh.





Adapun kalimah “...Engkau kirimkan...” kalimah ini sangat jelas bahawa setiap perkara yang berlaku di alam ini ianya tidak berlaku dengan sendiri, atau dengan kata lain tiba-tiba berlaku. Ianya mesti berlaku bersebab atau dengan asbab-asbab tertentu, setelah itu penyair menggunakan “...menjadi bukti kepadaku...” Penyair bawakan kita semua selaku pembaca untuk muhasabah diri kita bersama terhadap perkara yang berlaku itu, adalah semata-mata untuk membuktikan sifat kekuasaan Allah seperimana ungkapan Akhir dalam contoh ini “... bahawa Engkau Maha Kuasa...”

Puisi ini dapat dijelaskan dan dibuktikan lagi dari dua ayat Allah satunya dari surah *Āli Imrān* ayat 165 dan surah *al-Mā'idah* ayat 40, surah *Āli Imrān* Allah SWT berfirman:



أَوَلَمَّا أَصَبَتُكُمْ مُّصِيبَةً قَدْ أَصَبْتُمْ مِّثْلَهَا قُلْمَانِيْنَ هَذَا قُلْ هُوَ مِنْ عِنْدِ أَنفُسِكُمْ إِنَّ  
اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: (Patutkah kamu melanggar perintah Rasulullah)? Dan (kemudian) apabila kamu ditimpa kemalangan (dalam peperangan Uhud), yang kamu telahpun memenangi seperti itu sebanyak dua kali ganda dengan menimpakan kemalangan kepada musuh dalam peperangan badar, kamu berkata: “dari mana datangnya (kemalangan) ini? Katakanlah (wahai Muhammad) (kemalangan) itu ialah daripada kesalahan diri kamu sendiri (melanggar perintah Rasulullah)” sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *Āli Imrān*, 3:165)

Selain itu satu lagi ayat dalam surah *al-Mā'idah*

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ  
وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ





Maksudnya: Tidakkah Engkau mengetahui bahwa Allah menguasai pemerintahan langit dan bumi? Ia menyaksikan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan dan hukum syariat-Nya), dan mengampunkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (turut aturan dan hukum syarat-Nya) dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *al-Mā'idah*, 5: 40)

Contoh yang kedua:

P14-5	37	28	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Maka tidak ada budaya teknologi manusia yang dapat menentang kuasa-Mu
-------	----	----	------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------

Contoh yang kedua ini, penyair juga membuktikan tentang satu lagi kekuasaan Allah yang harus kita tahu dan menghayati tentangnya, dalam judul puisi yang sama dari contoh pertama iaitu puisi yang ke-14 baris ke-37, muka surat ke-28 terdapat ungkapan puisi "... Maka tidak ada budaya teknologi manusia yang dapat menentang kuasa-Mu..."(b.37), ungkapan puisi ini menunjukkan kepada kekuasaan Allah yang mutlak bagi-Nya, dan tidak ada sesiapa pun dimuka bumi Allah ini yang dapat menghalang daripada kekuasaan-Nya.

Penyair menggunakan "... Maka tidak ada budaya teknologi manusia ..." iaitu menunjukkan kepada semua jenis kemajuan teknologi yang diciptakan oleh manusia, walaupun teknologi itu canggih mana sekalipun, termasuk dalam aspek pembangunan dan kemajuan zaman sekarang, contoh teknologi pembangunan untuk menjaga dari gempa bumi, begitu juga untuk menjaga dari banjir atau bencana alam, atau teknologi untuk pemadam api apabila berlaku kebakaran secara automatik, dan lain-lain lagi teknologi yang diciptakan oleh manusia, juga tidak dapat menghalang kekuasaan Allah dan kehendak-Nya yang mana pada keratan akhir dalam contoh ini ...yang dapat menentang kuasa-Mu... iaitu teknologi yang dapat menentang atau menghalang dari kuasa-Mu (Allah), sepertimana dalam firman-Nya surah *al-An'ām*,





وَإِن يَمْسِسْكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِن يَمْسِسْكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: Dan jika Allah mengenakan (menimpakan) engkau dengan bahaaya bencana, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat mengahapuskannya melainkan Dia sendiri; dan jika Ia mengenakan (melimpahkan) engkau dengan kebaikan, maka Ia adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *al-An'am*, 6:17)

Dan satu lagi ayat dalam surah *al-Nisa'*

إِن يَشَاءُ يُذْهِبُكُمْ أَيُّهَا النَّاسُ وَيَأْتِ بِآخَرِينَ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ ذَلِكَ قَدِيرًا

Maksudnya: (jika dikehendaki-Nya niscaya dimusnahkan-Nya kamu hai manusia dan didatangkan-Nya umat yang lain (sebagai pengantimu) dan Allah Maha Kuasa berbuat demikian.

(Surah *al-Nisa'*, 4: 133)



P20-2	34	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Ku saksikan cahaya Qudrat-Mu
-------	----	----	--------------------------	------------------------------

Adapun bagi contoh ini, penyair membuktikan sifat *Qudrah* Allah SWT melalui pancaindera, iaitu melalui penglihatan, dengan menggunakan ... Ku saksikan cahaya ... dalam ungkapan puisi ini penyair guna kalimah ku saksikan, dengan jelasnya penyair membuktikan *Qudrah* Allah, dengan itu juga penyair membawa kita semua juga harus meneliti kekuasaan Allah melalui ciptaan-Nya yang lain. Sifat *Qudrah* dalam ungkapan puisi ini juga dapat dibuktikan melalui beberapa ayat Allah SWT seperti dalam surah *Al-Imrān*, surah *al-An'am*, dan surah *al-'Ankabūt*

وَلِلَّهِ مُلْكُ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ





Maksudnya: Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi, dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *Āli Imrān*, 3:189)

Dan Ayat dalam surah *al-An ‘ām*

فَالِّقُ الْإِصْبَاحَ وَجَعَلَ الْلَّيْلَ سَكَنًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ حُسْبَانًا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ

الْعَلِيمِ ﴿٦﴾

Maksudnya: Allah jualah yang membela Cahaya Subuh (yang menyingsingkan fajar), dan yang menjadikan malam untuk tinggal berehat, dan menjadikan matahari dan bulan untuk mengira waktu (menurut peredarnya). Yang demikian itu adalah kuasa penentuan Allah yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui.

(Surah *al-An ‘ām*, 6: 96)

Satu lagi bukti dalam ayat Allah SWT yang dapat dikaitkan dengan ungkapan

puisi yang terdapat dalam kumpulan puisi ini, ayat dalam Surah *al-‘Ankabūt*



قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ بَدَأَ الْخَلْقُ ثُمَّ اللَّهُ يُنِيشُ النَّشَأَةَ الْآخِرَةَ

إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: katakanlah: “Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah telah memulakan ciptaan makhluk-makhluk dari asal jadinya, kemudian Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *al-‘Ankabūt*, 29: 20)

Seteruanya bagi contoh yang keempat ialah

P30-2	13	64	Ada belbagai cinta	Engkaulah pemilik dan penguasa segala kejadian
-------	----	----	--------------------	------------------------------------------------





Bagi ungkapan puisi yang terdapat dalam judul puisi yang ke-30 ini, baris ke-13, muka surat ke-64. Menjelaskan bahawa semua ciptaan adalah milik Allah pada ungkapan... Engkaulah pemilik... sangat-sangat jelas disini penyair membuktikan kepada kita bahawa semua ciptaan yang kita dapat rasa ataupun tidak di muka bumi ini adalah milik Allah secara mutlak, bukan hanya Dia sebagai pemilik bahkan Dia juga Penguasa keatas segalanya. Sepertimana dijelaskan oleh Allah dalam firmanya:

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِّنْ مَاءٍ فَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَىٰ بَطْنِهِ وَمِنْهُمْ مَنْ  
يَمْشِي عَلَىٰ رِجْلَيْنِ وَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَىٰ أَرْبَعٍ تَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ



Maksudnya: Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air, maka sebahagian di antara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagian antara mereka berjalan dengan dua kaki, dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja yang dia kehendaki (selain yang tersebut), kerana sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *al-Nūr*, 24: 45)

Begitu juga ayat dalam surah *Ālī Imrān* Ayat 189

وَلَلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi, dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *Ālī ‘imrān*, 3:189)

Contoh yang terakhir dari sifat *Qudrah* Allah yang digunakan secara jelas oleh penyair dalam puisinya, ialah

P53-2	7	101	Khabar gembira buat mereka	Kau memang akan dapat menunaikannya kerana kau maha Kuasa
-------	---	-----	----------------------------	-----------------------------------------------------------





Contoh ini terdapat pada puisi ke-53 yang berjudul khabar gembira buat mereka, pada baris ke-7, muka surat ke-101, penyair menggunakan ayat "...Kau memang akan dapat menunaikannya..." penyair meyakinkan para pembaca pada kekuasaan Allah, walaupun perkara yang susah dan mustahil pada pandangan manusia tapi dia tidak mustahil pada Allah SWT kerana dengan sifat *Qudrah*-Nya ini dapat melakukan semua yang dikehendaki-Nya, sepertimana dikatakan oleh penyair "...kerana kau maha Kuasa ...".

Ungkapan puisi yang kelima ini sangat jelas dan dapat meyakinkan orang Islam serta orang yang beriman kepada Allah dan Rasul dan juga kepada hari Kiamat, bahawa kekuasaan Allah itu dapat melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya, termasuk perkara di dunia ini dan di akhirat yang tetap akan berlaku kepada kita semua nanti, dengan ini terdapat beberapa ayat Allah yang membuktikan bahawa Allahlah yang Maha berkuasa atas segala sesuatu. Sepertimana yang telah diterangkan di dalam firman-Nya surah *al-Nahl*

وَلَلَّهِ غَيْبُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا أَمْرُ السَّاعَةِ إِلَّا كَلْمَحُ الْبَصَرِ أَوْ هُوَ أَقْرَبُ إِنَّ  
اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: Dan ingatlah Allah jualah yang mengetahui segala rahsia langit dan bumi, dan tiadalah hal kedatangan hari kiamat itu melainkan seperti sekelip mata, atau ia lebih tepat lagi, sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *al-Nahl*, 17:77)

Satu lagi ayat yang menerangkan balasan Allah kepada hamba-hamba-Nya pada hari Qiamat dengan segala kekuasaan-Nya, dalam firman-Nya surah *al-Taḥrīm*





يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَصُوحاً عَسَى رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ  
 سَيِّئَاتِكُمْ وَيُؤْدِي لَكُمْ جَنَّتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ يَوْمًا لَا يُخْزِي اللَّهُ النَّبِيَّ  
 وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ نُورُهُمْ يَسْعَى بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَبِأَيْمَانِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَتْمِمْ لَنَا  
 نُورَنَا وَأَغْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٨﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan “Taubat Nasuha” mudah-mudahan, Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, pada hari Allah tidak akan menghinakan Nabi dan orang-orang yang beriman bersama-sama dengannya (cahaya iman dan amal soleh) mereka, bergerak cepat di hadapan mereka dan sebelah kanan mereka (semasa mereka berjalan), mereka berkata kepada orang-orang munafik merab-raba dalam gelap gelita): Wahai tuhan kami sempurnakanlah bagi kami cahaya kami, dan limpahkanlah keampunan kepada kami; sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *al-Tahrim*, 66: 8)

Allah juga mengingatkan hamba-hamba-Nya untuk sentiasa berfikir tentang



أَوْلَمْ يَتَفَكَّرُوا فِي أَنفُسِهِمْ

Maksudnya: “Dan mengapa mereka tidak memikirkan tentang diri mereka sendiri, supaya mereka sedar dari kelalaianya...”

(Surah *al-Rūm*, 30: 8)

Dengan lima contoh di atas, cukuplah untuk membuktikan sifat *Kamālullāh*, yang sejajar dengan Tuhan yang bersifat *Kamāl* yang mana ditegaskan dalam prinsip yang pertama teori *Takmilah* iaitu Tuhan yang bersifat *Kamāl* oleh Shafie Abu Bakar dan juga berkonsepkan dengan sifat *Qudrah* (Maha Kuasa) Allah yang mengatasi semua kelemahan yang ada di langit dan di bumi, semua itu sangat-sangat berhajat dan memerlukan pertolongan dari Allah. Penyair juga menggunakan secara jelas dengan kata nama sifat Allah yang bersifat dengan *Qudrah*.



#### 4.3.1.2 Sifat *Qudrah* (قدرة) dalam Bentuk Majazi

Majaz bermaksud makna yang lawan kepada hakikat (Haris Zubaidillah, 2015).

Bentuk majaz dalam al-Quran, merujuk bentuk hakikat ke bentuk metafora. Sebuah kata yang menunjuk kepada makna asal atau makna dasar, tanpa membawa maksud kemungkinan yang bermaksud dengan makna lain disebut sebagai hakikat. Sedangkan majaz adalah sebaliknya, iaitu perpindahan makna dasar atau makna asal ke makna lainnya, atau pelebaran medan makna dari makna dasar kerana ada alasan tertentu.

Majaz dari sudut bahasa berasal dari kata bahasa Arab المجاز, bentuk masdar dari kata حجاز (Abdullah al-Sudays dalam Haris Zubaidillah, 2015) Sedangkan dari segi istilah para ulama telah banyak mendefinisikannya dengan beberapa perkataan, antaranya Ibn Qutaybah mendefinisikannya sebagai bentuk gaya percakapan atau seni percakapan.

Analisis bagi kategori sifat *Qudrah* bentuk majazi, terdapat jumlah baki dari sifat *Qudrah* yang didapati di dalam puisi Taman Takwa seperti contoh-contoh di bawah:

P76-2	39	155	Tipu daya mereka	Semua keputusan dan hukuman berada di tangan Allah
P62-4	10	119	Nasibku pada suatu ketika	Maka jesteru, nasibku bergantung di tangan Allah
P26-9	35	55	Yang menguasai wujud	Dengan tangan-Mu kau dapat menghalang apa yang ingin ku laku kan
P74-2	21	147	Ziarah mata rohaniku	Dan Allah akan binasakan orang yang tidak beriman kepada Allah dan Rasulnya
P3-1	3	6	Tetes-tetes hujan	Hanya Engkau yang dapat menghitung butir-butirnya,



Contoh pertama yang akan dibincangkan ini terdapat daripada puisi yang ke-76, baris ke-39 muka surat 155. Penyair menggunakan kalimah kuasa atau *Qudrah* dengan lafaz yang lain dari lafaz asalnya seperti ungkapan “... Semua keputusan dan hukuman berada di tangan Allah...” penyair tidak mengguna sifat *Qudrah* Allah dengan cara jelas tapi menggunakan kalimah “...tangan Allah ...” dan dapat menjelaskan lagi apabila dikaitkan dengan ungkapan ayat yang diguna sebelum kalimah ini begitu sangat jelaslah bahawa kalimah tangan Allah di sini boleh dikaitkan dengan sifat *Qudrah*-Nya SWT. Terdapat juga beberapa ayat Allah yang digunakan kalimah tangan yang bermaksud *Qudrah* atau kekuasaan. Dalam puisi ini kuasa dalam menghukum hamba-Nya adalah keputusan mutlak Allah SWT. Hal ini jelas seperti maksud surat *al-Hadid*:



لَعَلَّ يَعْلَمُ أَهْلُ الْكِتَابِ لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّنْ فَضْلِ اللَّهِ وَأَنَّ الْفَضْلَ بِيَدِ

اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ

Maksudnya: (Ditetapkan pemberian yang demikian kepada kamu) supaya golongan ahli kitab (Yahudi dan Nasrani – yang menentang Islam) mengetahui, bahawa sesungguhnya mereka tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mendapat atau menyekat) sesuatu dari limpah kurnia Allah, dan sesungguhnya limpah kurnia itu terletak dalam tangan (kekuasaan) Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan ingatlah, Allah jualah yang mempunyai limpah kurnia yang besar.

(Surah *al-Hadid*, 57:29)

Dalam ayat di atas “dan sesungguhnya limpah kurnia itu terletak dalam tangan (kekuasaan) Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan ingatlah, Allah jualah yang mempunyai limpah kurnia yang besar” ayat ini Allah menyebut perkataan tangan yang membawa maksud kekuasaan, dan Dia (Allah) akan





memberikan nikmat, rahmat, dan penjagaan kepada sesiapa yang Dia kehendaki, walaupun ada penghalang daripada orang lain tetapi halangan itu tidak dapat menghalang pemberian Allah, Allah juga sentiasa mengingatkan hamba-Nya bahawa Dialah yang Maha pemberi kepada hamba-hamba-Nya.

Ayat ini ada hubungan sangat rapat dengan kata-kata yang digunakan oleh penyair dalam puisinya “..Semua keputusan dan hukuman berada di tangan Allah...” keputusan itu bergantung kepada kehendak dan Kuasa Allah SWT semata-mata.

Selain ayat di atas terdapat sepotong lagi ayat yang berkaitan dengan ungkapan puisi dalam contoh yang pertama, iaitu ayat dalam surah *Āli ‘imrān*:



وَلَا تُؤْمِنُوا إِلَّا لِمَنْ تَبَعَ دِينُكُمْ قُلْ إِنَّ الْهُدَىٰ هُدَىٰ اللَّهِ أَنْ يُؤْتِيَ أَحَدٌ مِّثْلَ مَا  
أُوتِيتُمْ أَوْ يُحَاجِجُوكُمْ عِنْدَ رِبِّكُمْ قُلْ إِنَّ الْفَضْلَ بِيَدِ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ

عَلَيْهِمْ

Maksudnya: Dan (mereka berkata lagi): “Janganlah kamu percaya melainkan kepada orang-orang yang mengikut agama kamu.” Katakanlah (Wahai Muhammad) “Sesungguhnya petunjuk yang sebenar-benarnya ialah petunjuk Allah” (mereka berkata pula): “janganlah kamu percaya) bahawa akan diberi kepada sesiapa seperti apa yang telah diberikan kepada kamu, atau mereka akan dapat menghalangkan hujah kamu di sisi Tuhan kamu.” Katakanlah (Wahai Muhammad): Sesungguhnya limpah kurnia itu adalah di tangan Allah. Diberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya, lagi meliputi pengetahuan-Nya.

(Surah *Āli ‘imrān*, 3:73)

Selain itu dalam contoh yang kedua ini juga kalimah yang sama diguna oleh penyair dalam ungkapan yang pertama iaitu perkataan “Tangan Allah” tetapi ada hubungan dengan nasib atau takdir seseorang hamba, sepertimana dalam puisinya:





P62-4	10	119	Nasibku pada suatu ketika	Maka jesteru, nasibku bergantung di tangan Allah
-------	----	-----	---------------------------	--------------------------------------------------

Ungkapan puisi ini ialah dalam puisi yang ke-62, baris ke-10, pada muka surat 119. Penyair menggunakan kalimah "...Maka justeru, nasibku bergantung...". Sifat seorang hamba yang harus ada ialah sifat kebergantungan atau *Tawakkal* kepada Allah SWT. Sifat ini sangat penting kepada umat Islam yang beriman kepada Allah SWT, yang sentiasa meletakkan kebergantungan kepada Allah SWT.

Allah SWT juga melarang setiap muslim untuk bergantung sepenuhnya kepada-Nya tanpa sebarang usaha dan ikhtiar. Nabi Muhammad SAW mengajar umat Islam agar melalui proses hidup berdasarkan ajaran yang benar dan diredhai oleh Allah SWT sebagaimana dijelaskan menerusi ayat dalam surah *al-Qaṣāṣ*:



وَابْتَغِ فِيمَا آتَيْنَاكَ اللَّهُ الْدَّارُ الْأَخِرَةُ وَلَا تَنْسِ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ  
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ  
vv

Maksudnya: "Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagian mu (keperluan dan bekalan mu) dari dunia, dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah), dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.

(Surah *al-Qaṣāṣ*, 28:77)

Apabila usaha dan ikhtiar dilakukan sebaik mungkin, maka barulah kebergantungan diserahkan kepada-Nya. Dengan itu baru mengikut pergantungan yang betul, dengan sebab semua yang baik dan kebaikan itu datang dari kehendak dan kekuasaan-Nya sahaja seperti dalam firman-Nya





لَنَّا يَعْلَمُ أَهْلُ الْكِتَابِ أَلَا يَقْدِرُونَ عَلَىٰ شَيْءٍ مِّنْ فَضْلِ اللَّهِ وَإِنَّ الْفَضْلَ بِيَدِ  
 اللَّهِ يُؤْتَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ

Maksudnya: (ditetapkan pemberian yang demikian kepada kamu) supaya golongan ahli kitab (Yahudi dan Nasrani - yang menentang Islam) Mengetahui, bahawa sesungguhnya mereka tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mendapat (atau menyekat) sesuatu dari limpah kurnia Allah, dan bahawa sesungguhnya limpah kurnia itu terletak dalam kekuasaan Allah, diberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mempunyai limpah kurnia Yang besar.

(Surah *al-Hadīd*, 57:29)

Adapun contoh yang ketiga ini

P26-9	35	55	Yang menguasai wujud	Dengan tangan-Mu Kau dapat menghalang apa yang ingin ku laku kan
-------	----	----	----------------------	---------------------------------------------------------------------



Dalam contoh ini penyair membawakan para pembaca untuk berfikir akan kekuasaan Allah terhadap halangan yang berlaku dalam hidup seharian. Perancangan demi perancangan yang dilakukan oleh manusia, tetapi tidak boleh menghalang perancangan yang lebih baik daripada Allah yang Maha pencipta, walaupun pada pandangan manusia perkara itu baik atau terbaik. Hal ini dijelaskan sepertimana dalam ayat-Nya surah *Āli ‘imrān*:

وَمَكَرُوا وَمَكَرَ اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْمَكَرِينَ

Maksudnya: Dan orang-orang (Yahudi yang kafir) itupun merancangkan tipu daya (hendak membunuh Nabi Isa), dan Allah pula membalas tipu daya (mereka) dan (ingatlah) Allah sebijak-bijak yang membalas (dan meng gagalkan segala jenis) tipu daya.

(Surah *Āli ‘imrān*, 3: 54)





Penyair menggunakan ungkapan “...Dengan tangan-Mu Kau dapat menghalang apa yang ingin ku lakukan ...”. Dengan tangan-Mu yang digunakan oleh penyair di sini membawa maksud dengan kekuasaan-Mu (dengan *Qudrah*-Mu), adapun “...kau dapat menghalang...” iaitu Kau (Allah) dapat menghalang apa sahaja yang dikehendaki-Nya, mengikut kekuasaan-Nya dan tidak perlu kepada pertolongan dan bantuan daripada sesiapa. Adapun keratan akhir dalam contoh ini “... apa yang ingin ku lakukan...” apa-apa sahaja yang ingin dilakukan orang hamba-Nya termasuk perkara-perkara yang baik mahupun yang jahat, semua itu Allah dapat menghalang hamba-Nya dalam melakukan apa yang dikehendaki oleh-Nya, dengan pelbagai bentuk dan cara yang sesuai dan layak bagi-Nya, sepetimana firman-Nya dalam surah *Āli ‘imrān* dan surah *al-Taghābun*, telah dijelaskan kepada hamba-Nya tentang musibah dan halangan yang berlaku itu adalah kehendak-Nya, sebagaimana dalam al-



أَوَلَمَّا أَصَبْتُكُمْ مُّصِيبَةً قَدْ أَصَبْتُمْ مِّثْلَهَا قُلْ هُوَ مِنْ عِنْدِ أَنفُسِكُمْ إِنَّ  
۱۶  
 اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: (Patutkah kamu melanggar perintah Rasulullah)? Dan (kemudian) apabila kamu ditimpa kemalangan (dalam peperangan Uhud), yang kamu telahpun memenangi seperti itu sebanyak dua kali ganda dengan menimpakan kemalangan kepada musuh dalam peperangan badar, kamu berkata: “dari mana datangnya (kemalangan) ini? Katakanlah (wahai Muhammad) (kemalangan) itu ialah daripada kesalahan diri kamu sendiri (melanggar perintah Rasulullah)” sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *Āli ‘imrān*: 3:165)

Selain daripada itu, terdapat juga penerangan dalam surat *al-Taghābun*:





مَا أَصَابَ مِنْ مُّصِبَّةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ وَاللَّهُ يُكْلِ شَيْءٌ عَلَيْهِ ﴿١١﴾

Maksudnya: Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang melainkan dengan izin Allah, dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar), dan (ingatlah), Allah Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(Surah *al-Taghabun*, 64:11)

Seterusnya pada contoh yang keempat ini:

P74-2	21	147	Ziarah mata rohaniku	Dan Allah akan binasakan orang yang tidak beriman kepada Allah dan Rasulnya
-------	----	-----	----------------------	-----------------------------------------------------------------------------

Contoh ini ditemui pada judul puisi yang ke-74, iaitu pada baris yang ke-21, halaman 147. Penyair menyatakan “... Dan Allah akan binasakan orang yang tidak beriman kepada Allah dan Rasulnya ...” dengan menggunakan kata-kata “Dan Allah akan binasakan” walaupun penyair tidak menggunakan kalimah *Qudrah* dalam ayat ini, tetapi dengan maksud kebinasaan yang berlaku itu, ia tidak berlaku dengan begitu sahaja, semestinya datang daripada Allah, yang bersifat dengan *Qudrah* yang layak bagi-Nya.

Dan kalaualah Allah itu tidak mempunyai sifat *Qudrah* atau tidak mampu untuk melakukannya, maka Allah akan mempunyai sifat lemah, sifat lemah dan kurang tidak layak bagi Allah. Dengan itu, semua kebinasaan yang berlaku adalah dari sifat kekuasaan Allah semata-mata. Selepas itu penyair menyebutkan kebinasaan itu Allah akan turunkan terhadap “...orang yang tidak beriman kepada Allah dan Rasulnya ...” kebinasaan yang diturunkan ini berbentuk azab atau seksaan kepada orang yang tidak beriman kepada Allah, bukan bentuk ujian atau musibah kepada orang yang beriman.





Bentuk seksaan yang diturunkan ini dalam pelbagai cara dengan tujuan menyeksa hamba-hamba-Nya yang kufur, ingkar dan tidak beriman kepada-Nya sepetimana yang telah diterangkan oleh-Nya dalam beberapa ayat seperti dalam firman-Nya surah *al-Fath*:

وَيُعِذِّبَ الْمُنَفِّقِينَ وَالْمُنَفَّقَتِ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ بِاللَّهِ ظَرَبَ السَّوْءَ  
 عَلَيْهِمْ دَأْبِرَةً السَّوْءَ وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَلَعَنَهُمْ وَأَعَدَ لَهُمْ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا

Maksudnya: Dan supaya Ia menyeka orang-orang munafik lelaki dan perempuan, dan orang-orang musyrik lelaki dan perempuan, yang menyangka terhadap Allah dengan sangkaan yang buruk (bahawa Ia akan mengecewakan Rasul-Nya). Atas mereka tertimpanya bala bencana yang dibawa oleh peredaran zaman, dan (selain itu) Allah murkai mereka dan melaknatkan mereka serta menyediakan untuk mereka neraka Jahanam, sedang neraka Jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali.

(Surah *al-Fath*, 48: 6)



Banyak lagi ayat-ayat yang Allah terangkan kepada hamba-Nya tentang kesudahan atau balasan kepada orang yang tidak beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.

Seterusnya contoh yang kelima dalam kategori ini ialah:

P3-1	3	6	Tetes-tetes hujan	Hanya Engkau yang dapat menghitung butir-butirnya,
------	---	---	-------------------	----------------------------------------------------

Pada contoh yang dibawakan ini adalah untuk membuktikan bahawa ialah satu daripada sifat Kuasa Allah atau *Qudrah* Allah yang digunakan oleh penyair dalam puisinya dalam bentuk majaz atau bukan dalam makna yang asal atau kalimah yang asal.





Ungkapan puisi ini dari judul ke-3, baris ke-3 dan dalam halaman ke-6, “... Hanya Engkau yang dapat menghitung butir-butirnya ...”. Kalimah “hanya” menafikan kekuasaan yang lain selain-Nya (Allah) dalam hal ini “Hanya Engkau” iaitu Allah, “yang dapat menghitung” tidak ada sifat yang layak bagi Allah kecuali dengan sifat *Qudrah* (Maha kuasa) sahaja yang boleh dikaitkan dengan kuasa menghitung dapat dikembangkan ayat ini “...Hanya dengan Kuasa Engkau sahajalah yang dapat menghitung butir-butirnya...” Dalam hal ini dapat dikaitkan dengan beberapa ayat seperti dalam surah *al-Zukhruf*:

وَالَّذِي نَزَّلَ مِنْ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدْرٍ فَأَنْشَرْنَا بِهِ بَلْدَةً مَيْتَانًا كَذِيلَةً تُخْرِجُونَ  


Maksudnya: Dan (Dia lah) Yang menurunkan hujan dari menurut sukatan yang tertentu, lalu Kami hidupkan Dengan hujan itu negeri Yang kering tandus tanahnya. sedemikian itulah pula kamu akan dikeluarkan (hidup semula dari kubur).



Ayat di atas menunjukkan bahawa kekuasaan Allah dalam mengatur dan mengira kesesuaian dalam menurunkan air hujan mengikut keperluan bumi, dan untuk tanaman-tanaman yang berada di bumi tanpa memudaratkan apapun. Dengan lafaz “بِقَدْرٍ” di sini maksud dengan kadar/sukatan tertentu, maka mustahillah bagi Allah yang menurunkan hujan mengikut kadar yang tertentu tetapi Dia tidak mengetahui tentang bilangannya. Dengan ini jelaslah bahawa Allah yang berkuasa menurunkan air mengikut sukatan yang tertentu dan Dia juga sangat berkuasa dalam menghitung kadar atau bilangan air hujan yang diturunkan-Nya.





#### 4.3.1.3 Sifat *Qudrah* (قدر) dalam konsep *Kamālullāh*

Analisis dua bahagian di atas, sifat *Qudrah* Allah secara hakiki ataupun majazi dapat membuktikan bahawa, sifat ini dapat menguatkan sifat *Kamālullāh*, yang sememangnya layak bagi-Nya. Kekuasaan dalam semua aspek, seperti penciptaan, pengawalan dan lain-lain lagi. Sifat *Qudrah* ini juga sejajar dengan tujuan yang telah digariskan oleh Shafie Abu Bakar dalam teori *Takmilah* khususnya untuk prinsip pertama, iaitu Tuhan yang bersifat *Kamāl*. Dengan sifat *Qudrah* Allah ini dapat membuktikan bahawa Allah layak bagi-Nya untuk memiliki sifat *Kamālullāh*.

Menyentuh konsep *Kamālullāh* dalam sifat *Qudrah*, maka yang di maksudkan dengan kesempurnaan Allah ialah mengatasi di atas semua yang lain, dan Allah berkuasa kepada siapa sahaja termasuk orang yang beriman dan orang kafir, yang membezakan kekuasaan kepada orang Islam ialah jika diberi kuasa, maka ia adalah dalam keredhaan Allah SWT. Tetapi jika orang jahat yang diberi kuasa, ia bukan di dalam keredhaan Allah SWT. Allah juga berkuasa untuk memuliakan dan menghina sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. (Salehuddin,2004, ms.329)

Salehuddin (2004) menegaskan lagi hakikat sebenar sifat *Qudrah* Allah SWT ini ialah merupakan suatu sifat yang *Qadim* lagi azali yang berdiri pada zat Allah dengan Dia mengadakan tiap-tiap yang ada dan mentiadakan tiap-tiap yang tiada. Malangnya, manusia di dunia hari ini telah terlupa dengan kuasa Allah, apabila mereka mendapat sesuatu sama ada kekayaan atau darjat dan lain-lain, mereka mula menindas dan menzalimi orang lain. mereka megah dengan apa yang mereka ada tanpa ingat bahawa semua kekuasaan yang dimiliki olehnya adalah dari Allah yang





Maha Esa, Allah berkuasa untuk menarik balik semua kuasa yang ada padanya.

Dalam kontes akidah sifat *Qudrat* ini juga berperanan besar kepada manusia, seperti mana ungkapan yang terdapat dalam puisi Taman Takwa.

(P14-27-30)

Panah rebut dan leming taufan yang Engkau  
Kirimkan menjadi bukit kepadaku, bahawa Engkau  
*Maha Kuasa* mengirimkan kerajaan hujan dan kerajaan  
Banjir di muka bumi ini, dan apabila ini berlaku,  
Maka tidak ada budaya teknologi manusia yang dapat  
menentang *kuasa-Mu*, tidak ada budaya senjata  
manusia yang upaya menghalang kemahuan-Mu  
semua manusia, dan segala-galanya,  
akan terguling kaku di bawah cakar ajal azali yang Engkau  
rencanakan (b.30-43)

(Suhaimi Hj. Muhammad, 2009, ms.27-28)

Ungkapan ini dapat membuktikan bahawa setiap muslim harus yakin dari sudut kepercayaan atau sudut akidah, selaku orang yang beriman kepada Allah, bahawa hujan atau ribut taufan yang berlaku di dunia ini, adalah semata-mata untuk



membuktikan tentang kekuasaan-Nya. Demi untuk menguatkan lagi kepercayaan manusia yang beriman kepada-Nya.



Seperti ungkapan "...Panah rebut dan leming taufan yang Engkau Kirimkan menjadi bukit kepadaku, bahawa Engkau Maha Kuasa mengirimkan kerajaan hujan dan kerajaan Banjir di muka bumi ini..." Penyair telah membuktikan dan menyakinkan bahawa semua yang Allah kirimkan itu adalah untuk membuktikan sifat Maha Kuasa-Nya. Selain itu, penyair juga mengingatkan dalam syairnya bahawa "...dan apabila ini berlaku, maka tidak ada budaya teknologi manusia yang dapat menentang kuasa-Mu, tidak ada budaya senjata manusia yang upaya menghalang kemahuan-Mu..." Semua perkara yang ada berlaku atas kehendaknya tidak ada sesiapa di dunia ini yang dapat menghalang-Nya, walau dengan kecanggihan teknologi sekalipun.





Hal ini sejajar dengan konsep *Kamālullāh* berkaitan sifat *Qudrah Allah*, serta sejajar dengan prinsip yang pertama dalam teori *Takmilah* yang menggariskan Tuhan yang bersifat dengan *Kamāl*. Melalui proses analisis gabungan sifat Allah dengan prinsip pertama dalam teori *Takmilah* ini berupaya menjelaskan lagi tentang sifat *Kamālullāh* sememangnya layak bagi-Nya.

#### 4.3.2 Sifat *Irādah* (إرادة)

*Irādah* ertinya berkehendak. Allah SWT menciptakan alam berserta isinya atas kehendak-Nya sendiri, tanpa ada paksaan daripada pihak lain atau campur tangan daripada siapa pun. Apapun yang Allah SWT kehendakkan pasti terjadi, begitu juga



dalam surah *Yāsīn*:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

Maksudnya: Sesungguhnya perintah-Nya apabila dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya: “Jadilah” maka terjadilah.

(Surah *Yāsīn*, 36: 82)

Analisis yang dijalankan terdapat sifat *Irādah* Allah ialah sifat dalam kategori *ma‘āni*, susunan yang kedua banyak digunakan selepas sifat *Qudrah Allah*, sifat *Irādah* yang digunakan oleh penyair dalam kumpulan puisi Taman Takwa ini terdapat 94 tempat, dalam 94 ini terdapat enam yang disebut secara jelas, iaitu menggunakan kata-kata yang asal *Irādah* atau kehendak Allah dan baki 88 tempat lagi digunakan dengan cara majaz (bukan dengan kata-kata yang asal). Senarai sifat *Irādah* yang terdapat dalam kumpulan puisi Taman Takwa seperti senarai Jadual 4.4:



**Jadual 4.4***Sifat Irādah dalam puisi Taman Takwa*

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
1.	P1-5	59	2	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	Dan pada-Nya hidup dan matiku bergantung;
2.	P1-9	73	3	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	Allah adalah pengampun Agung, dan pengurnia Agung
3.	P2-2	3	4	Alam semesta ini	Aku adalah debu yang bersimpuh di dalam tangan-Mu,
4.	P2-3	4	4	Alam semesta ini	Mencari permata reda-Mu
5.	P2-6	12	4	Alam semesta ini	Aku bersujud mencari taman reda-Mu
6.	P2-7	14	4	Alam semesta ini	Kuinginkan panah cinta-Mu jua,
7.	P2-8	24	4	Alam semesta ini	Ini juga kampung halaman zikir, di mana aku selalu binasa sirna memburu cinta kudus-Mu
8.	P2-10	42	5	Alam semesta ini	Inilah kampung halaman dan medan jihadku, yang Kau anugerahkan padaku
9.	P3-2	10	6	Tetes-tetes hujan	Tuhan, jadikan aku hujan, yang mencurahkan rahmat maknawi dan ukhrawi-Mu
10.	P3-7	22	6	Tetes-tetes hujan	Kalau ini hujan rahmat kemurahan dari-Mu
11.	P3-8	25	6	Tetes-tetes hujan	Kalau hujan ini rahmat kuasa dari-Mu
12.	P3-10	41	7	Tetes-tetes hujan	Hujan yang mencurah-curah ini, rahmat cinta dari-Mu
13.	P3-12	59	7	Tetes-tetes hujan	Tuhan, jadikan aku hujan, yang mencurahkan Rahmat maknawi dan ukhrawi-Mu.
14.	P3-9	36	7	Tetes-tetes hujan	Pada-Mu, aku merasa malu, wahai Tuhan Rahmat yang Kau berikan padaku tidak terhingga,
15.	P5-1	4	10	Perjanjian dengan tuhan	Aku ingin sentiasa di sisi-Mu, Tuhan yang melimpah-limpah rahmat-Nya

(bersambung)





### Jadual 4.4 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
16.	P6-1	1	12	Sewaktu mengenangnya	Mengenangnya adalah mengangkat maqam takwaku,
17.	P6-3	27	12	Sewaktu mengenangnya	Kurnikanlah nur Mu kepada mereka,
18.	P8-1	8	16	Di negeri ibadah	Berputaran mencari reda-Mu, berputaran mencari cinta-Mu
19.	P8-3	22	16	Di negeri ibadah	Sayap-sayap malaikat memayungi negeri ini dari tepi langit ke tepi langit-Mu
20.	P8-5	42	17	Di negeri ibadah	Melambai-lambai dengan cinta kudus-Mu
21.	P9-1	2	18	Seruling abadi-Mu	Kutahu Engkau yang meniup seruling itu,
22.	P9-3	9	18	Seruling abadi-Mu	Biarlah Engkau tiupkan lebih kuat seruling-Mu itu
23.	P9-4	28	18	Seruling abadi-Mu	Para syuhadah yang Engkau kurnikan jantung Rabbani,
24.	P9-5	30	18	Seruling abadi-Mu	Engkau titipkan cinta hakiki ke dalam jiwanya,
25.	P9-6	43	19	Seruling abadi-Mu	Ia terjadi daripada madu cinta abadi-Mu,
26.	P9-7	57	19	Seruling abadi-Mu	Menggambarkan keindahan dan kemurnian muzik abadi-Mu
27.	P9-8	61	19	Seruling abadi-Mu	Rangkaian getaran-getaran permata abadi-Mu....tiupkanlah kepadaku,
28.	P10-1	4	20	Di tanah perkuburan ini	Bagi para perindu dan para sufi, mereka telah mati berkali-kali,dan akan mati berkali-kali lagi,dan akan pula bangkit dan hidup
29.	P10-2	55	21	Di tanah perkuburan ini	Di sinilah para malaikat mengembangkan sayapnya,memayungi taman zikir
30.	P10-8	77	22	Di tanah perkuburan ini	Beribu malaikat turun dari langit, sambil memayungi tanah perkuburan ini
31.	P11-1	1	23	Sewaktu melalui lorong ini	Tuhan ampunkan aku kerena melalui lorong suram ini

(bersambung)





### Jadual 4.4 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
32.	P11-4	24	23	Sewaktu melalui lorong ini	Kerana ada antara mereka yang pernah melafazkan cinta dan rindu pada-Mu
33.	P11-5	25	23	Sewaktu melalui lorong ini	Ada antaran mereka bersujud dan memohon ampun kehadiran-Mu
34.	P11-10	43	24	Sewaktu melalui lorong ini	Lindungilah mereka yang juga mahu mengecap syurgawi reda-Mu
35.	P11-11	45	24	Sewaktu melalui lorong ini	Nasib mereka terbentuk di celah-celah jari tangan-Mu
36.	P11-7	37	24	Sewaktu melalui lorong ini	Engkau Pemimpin sejati yang dapat memimpin mereka ke jalan kembali
37.	P11-8	39	24	Sewaktu melalui lorong ini	Engkaulah saja yang dapat memimpin mereka ke jalan reda-Mu
38.	P11-9	41	24	Sewaktu melalui lorong ini	Lindungilah mereka daripada sihir godaan dunia
39.	P12-1	1	25	Aku dilahirkan	Aku dilahirkan, untuk mencintai-Mu
40.	P12-2	3	25	Aku dilahirkan	Masa yang panjang, Engkau dengan panah cinta-Mu panahlah jantung hatiku, untuk mengenal hidup cinta yang panjang
41.	P12-3	7	25	Aku dilahirkan	Aku ini dilahirkan, untuk menterjemah cinta-Mu
42.	P12-4	10	25	Aku dilahirkan	Kubawa dalam berjuang, untuk menitip cinta-Mu
43.	P12-6	16	25	Aku dilahirkan	Aku mahu menyerah pada-Mu tanpa hujah persoalan, dengan darah cinta-Mu
44.	P12-7	18	25	Aku dilahirkan	Aku mahu rebah di sisi-Mu, untuk datang mencicip rahmat nikmat janji-Mu
45.	P12-8	20	25	Aku dilahirkan	Sayang! Yang benar mutlak tanpa impian
46.	P13-1	1	26	Rayuan memilih	Tuhan, jadikan seluruh hidupku dan seluruh matiku, untuk membina tiang imanku
47.	P13-3	13	26	Rayuan memilih	Jangan Engkau jadikan aku merak yang memperagakan ekor dan bulu

(*bersambung*)





### Jadual 4.4 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
48.	P14-12	78	29	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Sesungguhnya Engkau maha tegas dengan bisikan-bisikan peringatan-Mu, dan maha benar dangan bisikan kasih sayang-Mu
49.	P19-2	33	42	Pesan di detik sakaratulmaut	Detik yang amat mendebaran maka Allah Kurniakan kami – aku dan anak-anakku, fikiran (kesedaran) yang penuh dengan kewarasan iman
50.	P20-3	35	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Ku saksikan juga cahaya Iradat-Mu
51.	P20-6	49	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Ada antara yang Engkau matikan dan mengantikan dengan yang baharu
52.	P20-8	57	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Dan perkebunan Iradat-Mu
53.	P20-12	72	45	Terlalu banyak kurnia-Mu	Ku kini sedang mengelap buah-buahan daripada ladang berkebunan-Mu
54.	P22-12	44	48	Engkau maha sempurna	Tuhan, segala perbuatan manusia, akibatnya untuk dirinya sendiri- buruk atau baik akan menimpa dirinya sendiri
55.	P22-13	54	48	Engkau maha sempurna	Tuhan, Kaulah sumber segala kebaikan, dan sumber segala kejahatan
56.	P23-3	23	50	Engkau maha menghitung	Anak kunci-Mu keikhlasan itu anak kunci kasih sayang-Mu
57.	P25-10	24	52	Tentang hidup dan mati	Kau Zat Yang Maha Memberi Sesuatu (Ar-Razzaq)
58.	P25-11	25	52	Tentang hidup dan mati	Kaulah yang menghidup dan mematikan aku
59.	P25-2	8	52	Tentang hidup dan mati	Aku zat yang fana – hidup yang hanya sementara; hidup yang dijadikan oleh-Mu
60.	P26-3	7	54	Yang menguasai wujud	Hanya kerena kemurahan-Mu, maka aku wujud
61.	P26-4	9	54	Yang menguasai wujud	Hanya kerana rahmat-Mu dan ihsan-Mu, maka aku wujud
62.	P26-5	11	54	Yang menguasai wujud	Tiadalah aku punya daya dan kuasa melainkan dengan izin-Mu

(*bersambung*)





### Jadual 4.4 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
63.	P27-8	58	57	Di bawah lambaian medan juang	Aku puas menjadi perindu dan pencipta- Mu yang sempat menyahut seruan seruling-Mu, sempat pula meyahut bisikan kasih sayang-Mu
64.	P28-1	37	59	Secebis kisah syekh abd. Kadir jailani	Dia menerima segala rahmat atau musibah daripada tuhannya dengan reda, tanpa merungut
65.	P40-2	16	80	Tangan yang memberi	Semua tangan itu adalah datang daripada- Mu – Kau akan mengambilnya semua daripadaku- kerana kaulah sebenar pemikirannya
66.	P51-1	1	98	Rayuan sebutir debu	Ini padang pasir, bayangan Kudrat dan Iradat-Mu – yang maha perkasa dan maha perencana
67.	P51-3	9	98	Rayuan sebutir debu	Ya tuhanku- aku hanya sebutir debu- melayang dipukul angin pijar- hidup mencari kekasih di balik nur-Nya
68.	P52-4	37	100	Fikiran untuk memikirkan	Di langit sana Muhammad melihat taman penuh dengan limpahan nikmat-Mu
69.	P52-5	40	100	Fikiran untuk memikirkan	Di sana juga beliau menyaksikan Jurang An- Nar, penuh dengan seksaan-Mu
70.	P52-6	42	100	Fikiran untuk memikirkan	Hanya dengan fikiran yang memikirkan dan dengan keinzinan-Mu
71.	P53-4	9	101	Khabar gembira buat mereka	Kau maha Iradat
72.	P53-5	10	101	Khabar gembira buat mereka	Kau dapat melakukan apa saja mengikut kehendak-Mu, mengikut perancangan- Mu
73.	P55-1	1	106	Apabila cahaya cinta-Mu menyinari	Tuhan, apabila cahaya Cinta-Mu menyinari jantung rohaniku
74.	P57-1	30	108	Antara perkampungan ketamadunan	Tidak juga kulihat Taman Zikir, tidak pula kulihat taman al-Haq, tidak pula kulihat taman an-Nur
75.	P57-2	36	109	Antara perkampungan ketamadunan	Mereka akan mencari Taman al-Haq dan taman an-Nur

(*bersambung*)





### Jadual 4.4 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
76.	P61-1	1	118	Suatu pilihan kehidupan	Aku tidak memilih institusi manusia tetapi memilih institusi Pencipta manusia
77.	P62-1	1	119	Nasibku pada suatu ketika	Dan tiada sesuatu pun daripada makhluk yang bergerak di bumi, melainkan Allahlah yang menurniakan rezekinya
78.	P62-3	8	119	Nasibku pada suatu ketika	Maka Allahlah penyelamat dan juga penolong bagiku
79.	P65-3	26	126	Perjanjian istiqamah	Mencari-cari Taman reda-Mu, namun semuanya hanya akan bererti apabila Engkau bersamaku
80.	P67-1	1	129	Menyusuri sekelumit kehidupan rasulullah	Aku sungguh mengagumi kehidupan harian Rasullah – memang benar baginda seorang Rasul yang diutuskan Allah untuk menjadi rahmat kepada seluruh alam
81.	P69-1	22	134	Kenalilah solat	Kerana ia suci, ia berkehendakkan segala yang suci murni
82.	P76-3	77	156	Tipu daya mereka	Jika sebesar mana dosa kamu, jika kamu minta ampun dan taubat kepada Allah, nescaya Allah akan mengampunkan dosa kamu
83.	P76-5	108	157	Tipu daya mereka	Sesungguhnya Allah tidak menganiaya seseorang hambanya
84.	P76-6	111	157	Tipu daya mereka	Allah akan melipatgandakan balasan-Nya dan Allah akan memberikan ganjaran pahala yang besar dari sisi-Nya
85.	P79-1	24	162	Definisi orang yang mencintai Allah	Allah pula mencintai mereka
86.	P79-7	42	163	Definisi orang yang mencintai Allah	Allah pula akan mencintai saya
87.	P80-2	2	167	Wujud-Mu	Kau bersama semuanya, tetapi semuanya tidak bersama-Mu
88.	P80-15	54	168	Wujud-Mu	Kaulah yang membuka pintu dan Kaulah yang menutup pintu
89.	P83-6	21	175	Tempat sebenar aku singgah	Alam dunia ini adalah Pendayung Rahmat-Mu

(bersambung)





#### Jadual 4.4 (*sambungan*)

Bil	Kod	Brs	M/s	Judul	Puisi – puisi
90.	P83-7	34	176	Tempat sebenar aku singgah	Semuanya adalah Rahmat Kemurahan-Mu
91.	P84-2	12	178	Kun faya kun	Hanya Kau yang memutuskan limpah kurnia Cahaya Permata dalam perut tiram
92.	P84-8	39	179	Kun faya kun	Ini pula Limpahan kurniaan-Mu
93.	P88-3	117	187	Dialog dengan seorang musafir	Iradat
94.	P88-9	151	188	Dialog dengan seorang musafir	Dia Maha Pemurah lagi Maha mengasihani

Huraian dan perbincangan tentang kegunaan sifat *Irādah* secara lebih jelas (hakiki) atau yang berbentuk majazi adalah seperti kupasan di bawah:



#### 4.3.2.1 Sifat *Irādah* (إرادة) dalam Bentuk Hakiki

Maksud makna hakiki sudah dijelaskan dalam perbincangan sifat *Qudrat* Allah. Di sini pengkaji akan menghuraikan lima contoh sifat yang mana sifat *Irādah* Allah digunakan oleh penyair dalam puisinya.

P20-3	35	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Ku saksikan juga cahaya Iradat-Mu
P20-8	57	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Dan perkebunan Iradat-Mu
P51-1	1	98	Rayuan sebutir debu	Ini padang pasir, bayangan Kudrat dan Iradat-Mu – yang maha perkasa dan maha perencana
P53-4	9	101	Khabar gembira buat mereka	Kau maha Iradat
P53-5	10	101	Khabar gembira buat mereka	Kau dapat melakukan apa sahaja mengikut kehendak-Mu, mengikut perancangan-Mu





Contoh pertama dan yang kedua terdapat dalam judul puisi yang sama, iaitu puisi ke-20, dan juga pada muka surat yang sama, pengkaji akan menghuraikan kedua-dua sekali dalam sudut manusia menyaksikan *Irādah* Allah,

P20-3	35	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Ku saksikan juga cahaya Iradat-Mu
P20-8	57	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Dan perkebunan Iradat-Mu

Pada ungkapan "...Ku saksikan juga..." penyair menggunakan penglihatan, penelitian dan perasaan yang dapat dirasakan tentang kehendak Allah dalam beberapa aspek di dalam penentuan kehendak-Nya.

Selain sifat *Qudrah* yang telah dibincangkan sebelum ini. sifat *Irādah* (Kehendak) ini juga ada kaitan yang sangat rapat dengan kekuasaan, kerana sebelum berlaku apa sahaja yang dikehendaki-Nya maka semestinya ada kaitan dengan kekuasaan Allah. Hal ini disebabkan kalau Allah itu mempunyai kehendak sahaja tetapi tidak mempunyai *Qudrah*, maka perkara itu tidak akan berlaku, begitu juga sebaliknya. Seperti dalam firman-Nya:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَن يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: Sesungguhnya keadaan kekuasaannya apabila ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah ia berfirman kepada (hakikat) benda itu: " Jadilah engku! ". maka ia terus menjadi.

(Surah *Yasīn*, 36: 82)

Ayat ini sangat jelas bahawa sifat *Qudrah* yang berhubung rapat dengan *Irādah* (apa yang dikehendaki oleh-Nya), maka cukup dengan Dia berkata "Kun" yang bermaksud "Jadilah", dengan itu perkara tersebut akan terjadi mengikut kehendak-Nya.





Dengan ini dapat buktikan bahawa semua perkara yang berlaku di dunia ini, seperti kesuburan, kemewahan, kemajuan, kecantikan dan lain-lain lagi, semua itu berlaku mengikut kehendaknya. Dalam aspek ini, setiap umat Islam wajib meyakini *Qada' Qadar* Allah yang berlaku. Kita juga harus yakin bahawa setiap yang berlaku kepada orang yang beriman juga mengikut kehendak-Nya. Perkara itu baik ataupun tidak pada pandangan kita, semestinya ada hikmah dan kebaikan kepada kita semua. Dengan itu, cara melihat dan meneliti kejadian Allah ini juga merupakan satu cara untuk menyakinkan kita dan meningkatkan keimanan kita, selaku orang yang beriman kepada-Nya.

Seterusnya contoh yang ketiga:

P51-1

| 1

| 98

Rayuan sebutir debu

Ini padang pasir, bayangan Kudrat dan  
Iradat-Mu – yang maha perkasa dan  
maha perencana



Contoh ini terdapat dalam judul ke-51 pada baris yang pertama, muka surat 98, penyair mengatakan "... Ini padang pasir, bayangan Kudrat dan Iradat-Mu – yang maha perkasa dan maha perencana...". Dalam hal ini juga penyair membawa kita dalam aspek melihat dan meneliti tentang makhluk Allah yang diciptakan oleh-Nya, dengan kuasa dan kehendaknya.

Padang pasir yang terbentang luas, dengan keadaan yang panas, namun dalam keadaan begitu masih ada kehidupan yang Allah tebarkan di situ untuk memenuhi keperluan manusia dalam memenuhi kehidupan harian mereka. Terdapat beberapa kisah yang difirmankan oleh Allah dalam al-Quran tentang kisah-kisah Bani Israil yang disesatkan oleh-Nya di padang pasir, dan kisah Nabi Ibrahim bersama dengan





isterinya dan anak kesayangannya Ismail, yang mana mereka berdua ditinggalkan di tengah-tengah padang pasir yang kering. Tidak ada rumah dan tempat berteduh. Dalam keadaan ini pun dengan *Irādah* Allah dan dengan *Qudrah*-Nya, Allah mengurniakan kehidupan yang sangat luar biasa kepada mereka dalam memenuhi kehidupan mereka.

Dua kisah di atas yang berkaitan dengan padang pasir untuk menunjukkan *Irādah* dan *Qudrah*-Nya itu, maka dapat diambil iktibar oleh pembaca supaya dapat muhasabah diri. Keinginan untuk mendapatkan sesuatu, dengan segala usaha yang kita ada, namun jika bukan dengan kehendak-Nya, maka perkara itu tidak akan dapat dicapai. Ini bermakna Allah sentiasa memberikan kebaikan kepada para hamba-Nya sepetimana dalam firman-Nya Surah *Ghāfir*



مِثْلَ ذَلِّيْلِ قَوْمٍ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودٍ وَالذِّينَ مِنْ بَعْدِهِمْ ۝ وَمَا أَنَّ اللَّهَ يُرِيدُ ظُلْمًا لِّلْعَبَادِ ﴿٣١﴾

Maksudnya: "(Iaitu) seperti keadaan kaum Nabi Nuh, dan Aad (kaum Nabi Hud), dan Thamud (kaum Nabi Soleh), serta orang-orang yang datang kemudian daripada mereka (seperti kaum Nabi Lut). dan (ingatlah) Allah tidak menghendaki berbuat kezaliman kepada hamba-hamba-Nya.

(Surah *Ghāfir*, 40: 31)

Hal ini menunjukkan bahawa Allah tidak akan berbuat kezaliman dengan menimpa bala kepada orang beriman, melainkan perkara itu berpunca daripada diri mereka sendiri. Selain ayat di atas terdapat sepotong lagi ayat Allah dalam surah *al-Zumar*





وَلِئِن سَأَلْتُهُم مَّنْ خَلَقَ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُوا إِنَّ اللَّهَ قُلْ أَفَرَءَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ  
 مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ أَرَادَنِي اللَّهُ بِضُرٍّ هَلْ هُنَّ كَشِفَتْ ضُرَّهُ أَوْ أَرَادَنِي بِرَحْمَةٍ هَلْ  
 هُنَّ مُمْسِكَتُ رَحْمَتِهِ قُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ عَلَيْهِ يَتَوَكَّلُ الْمُتَوَكِّلُونَ

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya! jika Engkau (Wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: "Siapakah yang mencipta langit dan bumi?" sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah". Katakanlah (kepada mereka): "Kalau demikian, bagaimana fikiran kamu tentang yang kamu sembah yang lain dari Allah itu? jika Allah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, dapatkah mereka mengelakkan atau menghapuskan bahayanya itu; atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, dapatkah mereka menahan rahmat-Nya itu?" Katakanlah "Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memeliharaku); kepada-Nyalah berserah orang-orang yang mahu berserah diri".

(Surah *al-Zumar*, 39: 38)

Seterusnya bagi contoh yang keempat dan kelima, pengkaji akan menggabungkan perbincangan dalam huraian yang sama, kerana kata-kata yang



P53-4	9	101	Khabar gembira buat mereka	Kau maha Iradat
P53-5	10	101	Khabar gembira buat mereka	Kau dapat melakukan apa sahaja mengikut kehendak-Mu, mengikut perancangan-Mu

Contoh ini, dapat dirangkumkan dengan keimanan bahawa kita percaya kepada kehendak-Nya dan *Qudrah*-Nya Allah SWT, yang mana berulang kali disebut oleh penyair “Kau Maha Iradah” iaitu Kau Maha Kehendak, yang layak saja bagi-Nya.

Dengan ini jelas bahawa *Irādah* Allah adalah mutlak bagi-Nya, dan Dia melakukan apa sahaja mengikut kehendak-Nya. Selain itu Dia juga akan menghalang semua kejadian mengikut kehendak-Nya. Seterusnya akan dibincangkan tentang





kegunaan sifat *Irādah* dalam bentuk majaz, iaitu tidak menggunakan kata asal daripada sifat Allah tetapi menggunakan maksud kiasan seperti perbincangan di bawah.

#### 4.3.2.2 Sifat *Irādah* (إرادة) dalam Bentuk Majazi

Sebagaimana yang telah dibincangkan makna majazi pada perbahasan sifat *Qudrah Allah*, maka begitu juga dalam sifat *Irādah* Allah ini akan dikupas berdasarkan teori *Takmilah* untuk membuktikan sifat *Irādah* Allah, tetapi tidak menggunakan maksud asalnya. Seperti contoh-contoh pada ungkapan puisi di bawah ini:

P1-9	73	3	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	Allah adalah pengampun Agung, dan pengurnia Agung
P9-5	30 stal	a18psi.edu.my	Seruling abadi-Mu	Engkau titipkan cinta hakiki kedalam jiwanya,
P14-12	78	29	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Sesungguhnya Engkau maha tegas dengan bisikan-bisikan peringatan-Mu, dan maha benar dangan bisikan kasih sayang-Mu
P22-12	44	48	Engkau maha sempurna	Tuhan, segala perbuatan manusia, akibatnya untuk dirinya sendiri- buruk atau baik akan menimpa dirinya sendiri
P52-6	42	100	Fikiran untuk memikirkan	Hanya dengan fikiran yang memikirkan dan dengan keizinan-Mu

Berdasarkan kelima-lima contoh yang dikemukakan dalam perbincangan ini, terdapat maksud dan perbahasan seperti di bawah:





Contoh pertama:

P1-9	73	3	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	Allah adalah pengampun Agung, dan pengurnia Agung
------	----	---	---------------------------------------	------------------------------------------------------

Dalam ungkapan puisi didapati dari judul puisi pertama, baris ke-73, muka surat ketiga, penyair menggunakan "...Allah adalah pengampun Agung, dan pengurnia Agung ..." di sini terdapat dua kehendak Allah, pertama: pengampun, dan yang kedua: pengurnia.

Pengampun dan pengurnia tidak akan berhasil kalau tidak disertai dengan maksud yang tersirat iaitu kehendak. Dengan kehendak-Nya lah dapat mengampunkan segala dosa hamba-hamba-Nya walaupun sebanyak mana dosa hamba-Nya. Hal ini jelas Sepertimana dalam surah *al-Baqarah* ayat 284:



فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: kemudian Dia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyiksa sesiapa yang di kehendaki-Nya, (ingatlah) Allah Maha kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *al-Baqarah*, 2:284)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa Dia akan mengampunkan sesiapa yang dikehendaki-Nya sahaja, iaitu dengan sifat *Iradah*-Nya. Adapun yang kedua dalam ungkapan puisi itu, Allah akan memberi nikmat kebijaksanaan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, juga terdapat di dalam beberapa ayat Allah seperti dalam surah *al-Baqarah*:





يُؤْتَى الْحِكْمَةَ مَن يَشَاءُ وَمَن يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتَ حَيْرًا كَثِيرًا ۚ وَمَا يَذَكُرُ إِلَّا أُنُوْا الْأَلْبِبِ

Maksudnya: Allah memberi hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya), maka sesiapa yang diberikan Hikmat itu, maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak, dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.

(Surah *al-Baqarah*, 2: 269)

Ungkapan puisi yang kedua:

P9-5	30	18	Seruling abadi-Mu	Engkau titipkan cinta hakiki kedalam jiwan...
------	----	----	-------------------	-----------------------------------------------

Bait puisi ini yang terdapat dalam judul puisi ke-9, di mana penyair menggunakan kata-kata “... Engkau titipkan cinta hakiki kedalam jiwan...” dapat dikaitkan dengan pemberian Allah dalam aspek hidayah atau petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya sahaja. Tidak ada sesiapa yang dapat memberi hidayah kepada manusia hingga Nabi Muhammad sendiri pun tidak dapat untuk memberi hidayah kepada orang yang dikasihinya. Oleh kerana semua hidayah itu milik Allah dan dengan Sifat *Irādah*-Nya, Dia akan memberikan kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya, sepetimana dalam firman-Nya surah *al-An'ām*

ذَلِكَ هُدًى اللَّهُ يَهْدِي بِهِ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَلَوْ أَشْرَكُوا لَحِيطَ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: Yang demikian itu ialah petunjuk Allah, yang dengannya ia memimpin sesiapa yang dikehendaki-Nya daripada hamba-hamba-Nya; dan kalau mereka sekutukan (Allah dengan sesuatu yang lain) nescaya gugurlah daripada mereka, apa yang mereka telah lakukan (dari amal-amal yang baik).

(Surah *al-An'ām*, 6: 88)





Ayat ini menjelaskan bahawa Allah jualah yang memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dia juga akan menarik balik hidayah itu apabila didapati dalam kalangan hamba-Nya itu tidak mengikut kehendak-Nya, atau menyengutkan Allah, meminta pertolongan selain daripada Allah, dan sebagainya.

### Ungkapan puisi ketiga:

P14-12	78	29	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Sesungguhnya Engkau maha tegas dengan bisikan-bisikan peringatan-Mu, dan maha benar dengan bisikan kasih sayang-Mu
--------	----	----	------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Bagi puisi ini penyair gunakan kata-kata "... Sesungguhnya Engkau maha tegas dengan bisikan-bisikan peringatan-Mu...". Ini jelas bawa sifat *Irādah* yang dimiliki-Nya adalah mutlak ialah Dia sentiasa mengingatkan hamba-Nya agar sentiasa mengingati-Nya dalam setiap aspek kehidupan.



Dalam bait puisi yang sama Allah mengingatkan hamba-Nya bahawa Dia akan menurunkan rahmat dan nikmat kepada sesiapa yang disayangi-Nya seperti ungkapan penyair "...dan Maha benar dengan bisikan kasih sayang-Mu..." bahkan Dia juga akan menurunkan balasan kepada sesiapa sahaja mengikut kehendak-Nya. Apabila diberikan peringatan demi peringatan kepada hamba-Nya, tetapi tidak diambil peduli atau tidak ambil berat oleh hamba-Nya yang lalai dan melekakan diri dengan dunia, maka golongan ini pasti akan dapat pembalasan yang keras daripada Allah.

### Seterusnya ungkapan yang keempat

P22-12	44	48	Engkau maha sempurna	Tuhan, segala perbuatan manusia, akibatnya untuk dirinya sendiri- buruk atau baik akan menimpa dirinya sendiri
--------	----	----	----------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------





Bait puisi ini menunjukkan bahawa walaupun Allah itu bersifat mutlak dengan *Irādah*-Nya, tetapi Allah juga bersifat Rahim dan Maha Rahman dan Maha Adil. Dengan itu Allah tidak akan menurunkan bala atau sebarang bentuk ujian kepada hamba-Nya, melainkan perkara itu berpunca daripada diri mereka sendiri.

Dalam hubungan ini penyair telah menggunakan kata-kata "... Tuhan, segala perbuatan manusia, akibatnya untuk dirinya sendiri- buruk atau baik akan menimpa dirinya sendiri...". Ungkapan ini sangat jelas akan kehendak Allah yang diberikan kepada hamba-hamba-Nya. Semua itu berpunca daripada diri mereka sendiri seperti dijelaskan dalam firman-Nya

أَوْلَمَّا أَصَبَتُكُم مُّصِيبَةً قَدْ أَصَبْتُمْ مَنِّيَّهَا قُلْمَنْ آنِي هَذَا قُلْ هُوَ مِنْ عِنْدِ أَنْفُسِكُمْ إِنَّ



Maksudnya: (Patutkah kamu melanggar perintah Rasulullah)? dan (kemudiannya) apabila kamu ditimpa kemalangan (dalam peperangan Uhud), yang kamu telahpun memenangi seperti itu sebanyak dua kali ganda (dengan menimpa kemalangan kepada musuh dalam peperangan Badar), kamu berkata: "Dari mana datangnya (kemalangan) ini? "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kemalangan) itu ialah dari kesalahan diri kamu sendiri (melanggar perintah Rasulullah)". Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah Ali 'imrān, 3:165)

Ayat ini mengurai bahawa walaupun setiap perkara yang berlaku ke atas manusia itu datangnya daripada *Irādah* Allah, akan tetapi setiap muslim perlu bermuhasabah diri kerana kemungkinan musibah yang berlaku berpunca daripada kesilapan diri sendiri. Kerap kali manusia menyalahkan takdir dan bersangka buruk kepada Allah atau terlalu zuhud, dengan berkata: "...nak buat macam mana itu semua takdir Allah...", atau mengatakan "...itu dah kehendak-Nya..." dan seumpamanya. Sepatutnya selepas berlaku sesuatu musibah setiap orang seharusnya memperbaiki





kelemahan dan kekurangan diri, sebelum bertawakal kepada Allah. Seterusnya bagi ungkapan puisi yang kelima yang mana penyair menggunakan bait-bait seperti yang terdapat dalam puisi berikut:

P52-6	42	100	Fikiran untuk memikirkan	Hanya dengan fikiran yang memikirkan dan dengan keizinan-Mu
-------	----	-----	--------------------------	-------------------------------------------------------------

Bait puisi yang ke-52 ini penyair mengungkapkan kata “... dengan keizinan-Mu...” yang berkait rapat dengan kuasa dan fikiran manusia. Apa juga yang difikirkan dan yang dirancang adalah mengikut kemampuan yang telah diberikan kepada manusia. Manusia tidak dapat berfikir di luar kehendak yang Allah kurniakan, dan kehendak yang Allah kurniakan kepada manusia itu pun mengikut kehendak-Nya.



Dengan beberapa huraihan di atas, jelas bahawa dalam aspek mazaji motif penyair untuk mengaitkan dengan sifat *Irādah* Allah, serta memberi peringatan kepada pembacanya. Manusia harus membekal persiapan untuk menerima segala yang akan berlaku kepadanya mengikut kehendak-Nya dan sentiasa bermuhasabah diri bersama dalam menempuh semua ujian dari Allah.

#### 4.3.2.3 Sifat *Irādah* (إرادة) dalam Konsep *Kamālullāh*

Sifat *Irādah* Allah, hanya layak bagi-Nya sahaja, bermaksud kehendak dalam menciptakan semua makhluk-Nya. Semua ini untuk membuktikan bahawa Dia lah Allah yang bersifat dengan *Kamāl* dan tidak ada mana-mana makhluk-Nya yang dapat menahan daripada kehendak-Nya (Salehuddin, 2004, ms.359-360).





Sifat *Irādah* dan *Qudrah* merupakan dua sifat yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Semua yang Allah ciptakan mengikut kehendak-Nya dan semestinya melalui *Qudrah*-Nya. Sifat *Irādah* ialah sifat ketuhanan *Iftiqār* iaitu sifat yang dihajati oleh seluruh alam. Alam ini ada kerana Allah SWT berkehendak. Allah berkuasa dan berkehendak akan sesuatu itu terjadi atau tidak terjadi. Seluruh alam berhajat kepada sifat *Qudrah* dan *Irādah* Allah untuk kewujudan mereka. Jika Allah berkehendak akan alam itu musnah ianya pasti akan terjadi. Maka alam sememangnya sentiasa berhajat kepada *Irādah* Allah.

Selain itu sifat *Irādah* Allah sentiasa berada di atas makhluk-Nya. Apa yang dikehendaki pasti akan terjadi dan apa yang terjadi di alam ini adalah di atas kehendak Allah semata-mata. Allah tidak mengambil apa-apa faedah daripada apa yang dikehendaki-Nya kerana Dia maha kaya lagi menguasai seluruh alam. Ini adalah sifat ketuhanan Allah. Manusia diberi akal untuk berfikir dan berusaha, namun keputusan akhir adalah atas kehendak Allah juga. Kehendak makhluk tidak boleh mengatasi kehendak Penciptanya. Makhluk hanya boleh berusaha, berdoa, bertawakal dan reda akan segala ketentuan Allah iaitu *Qudrah* dan *Irādah*-Nya.

Dengan demikian jelaslah bahawa sifat *Irādah* sangat berkait dengan sifat *Kamālullāh* yakni Allah bersifat dengan kesempurnaan seperti mana di tegaskan dalam teori *Takmilah*, khususnya prinsip tuhan yang bersifat *Kamāl*.





### 4.3.3 Sifat *Sama'* (سَمْعٌ)

*Sama'* ertinya Mendengar. Allah SWT mendengar setiap suara yang ada di alam semesta ini. Tidak ada suara yang terlepas daripada pendengaran Allah SWT walaupun suara itu perlahan seperti suara bisikan hati dan jiwa manusia. Pendengaran Allah SWT berbeza dengan pendengaran makhluk-Nya kerana tidak terhalang oleh suatu apapun, sedangkan pendengaran makhluk-Nya dibatasi ruang dan waktu.

Sebagai seorang muslim seharusnya kita sentiasa bertingkah laku, bersikap, dan berbicara dengan bahasa yang santun dan mengeluarkan ucapan-ucapan yang baik lagi bermanfaat. Hal ini kerana Allah SWT pasti mendengar segala perkataan manusia, baik terucap maupun di dalam hati.



Analisis yang dijalankan didapati bahawa penyair juga menggunakan sifat *Sama'* iaitu Allah Maha Mendengar untuk membuktikan juga sifat kesempurnaan (*Kamālullāh*) sepertimana dalam Jadual 4.5:

Jadual 4.5

#### *Sifat Sama' dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa*

Bil	Kod	Brs	M/s	Judul	Puisi – puisi
1.	P5-5	15	10	Perjanjian dengan tuhan	Aku ingin bersujud ke hadirat-Mu
2.	P8-6	52	17	Di negeri ibadah	Lailahaillallah,Muhammadur Rasulullah, semuanya,ya,semuanya dalam sujud, demi sifat dan zat-Mu
3.	P10-5	68	22	Di tanah perkuburan ini	Engkau mendengarkan semuanya
4.	P11-2	11	23	Sewaktu melalui lorong ini	Tuhan, ampunkan aku, dan ampunkan mereka yang sedang terlaku

(bersambung)





### Jadual 4.5 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
5.	P11-3	22	23	Sewaktu melalui lorong ini	Tuhan,ampunkan aku, dan ampunkan mereka
6.	P11-6	34	24	Sewaktu melalui lorong ini	Ampunkan daku, wahai Tuhan
7.	P15-6	54	31	Apa pun boleh menjadi	Tuhan, biarlah Engkau tutup pandangan mataku dengan panah iman dan panah takwa
8.	P16-1	12	32	Ada pun kehidupan ini	Tuhan, tutupkan mata rohaniku dan mata jasmaniku
9.	P16-4	40	33	Ada pun kehidupan ini	Tuhan jauhkan dari api yang menjulang itu
10.	P19-4	40	42	Pesan di detik sakaratulmaut	Sewaktu kamu mngucapkan Syahadah tauhid ke sisi-Mu
11.	P19-5	42	42	Pesan di detik sakaratulmaut	Ya Tuhan,kurniakanlah kepada kami fikiran-fikiran yang penuh sifat dan zat kewarasan
12.	P19-6	43	42	Pesan di detik sakaratulmaut	Malah sewaktu kami berada di atas sejadah ibadah di bumi dan di langit-Mu
13.	P19-7	47	42	Pesan di detik sakaratulmaut	Fikiran-fikiran kesedaran yang penuh dengan rahim rahmat-Mu
14.	P20-4	41	44	Terlalu banyak kurnia-Mu	Tidak ada bahasa raja yang dapat kuungkapkan bagi menyatakan rasa denyut nadi syukurku terhadap-Mu
15.	P20-14	79	45	Terlalu banyak kurnia-Mu	Memohon keampunan dan keredaan-Mu
16.	P22-3	14	47	Engkau maha sempurna	Tuhan, kaulah sumber sesuatu – kaulah sumber segala kebaikan
17.	P25-15	40	53	Tentang hidup dan mati	Ya tuhan ampunkanlah segala dosaku daripada segala impianku
18.	P25-16	45	53	Tentang hidup dan mati	Ya tuhan, ampuン segala dosaku – daripada segala perbuatan yang aku lakukan
19.	P27-5	45	57	Di bawah lambaian medan juang	Tuhan, jadikanlah aku seorang daripada mujahid dan syuhada-Mu, yang terguling gugur, menyahut seruan seruling-Mu, menyahut bisikan kasih sayang-Mu

(*bersambung*)





### Jadual 4.5 (*sambungan*)

Bil	Kod	Brs	M/s	Judul	Puisi – puisi
20.	P29-1	103	63	Secebis kisah nabi ayub	Engkau maha pengampun dan maha mendengar segala rayuan hamba-Mu
21.	P29-2	105	63	Secebis kisah nabi ayub	Engkau maha pengampun dan maha mendengar rayuan pencinta
22.	P35-1	4	71	Permohonan kembali ke negeri asal	Tuhan, ampunkan diriku jika aku tersasul dan aku berdosa
23.	P53-1	6	101	Khabar gembira buat mereka	Demikianlah firman-Mu, sesungguhnya aku percaya dengan janji-janji-Mu ini
24.	P57-4	92	110	Antara perkampungan ketamadunan	Tuhan, kurniakanlah taufik dan hidayah-Mu kepada mereka di Perkampungan Ketamadunan ini
25.	P57-5	103	111	Antara perkampungan ketamadunan	Kegelapan, moga-moga nanti mereka akan berlari-lari Taman Abadi-Mu, berlari-lari mencari-Mu
26.	P59-1	24	115	Sewaktu mengenang-Mu	Aku terkenangkan Tana'im dan terkenangkan barisan pohon kurman aku pun menghimbaukan zikir ke hadirat-Mu
27.	P62-5	61	120	Nasibku pada suatu ketika	Tuhan, ampunkan mereka ampunkanlah mereka kerana mereka tidak mengerti
28.	P73-4	11	144	Allah mencintai keindahan	Ya Allah, aku mengetahui bahawa Engkau Maha Indah
29.	P73-25	85	146	Allah mencintai keindahan	Ya Allah, hanyalah zat Allah sejaja yang berhak disembah, Dipuja dan dicintai
30.	P88-6	117	187	Dialog dengan seorang musafir	Sama'

berdasarkan analisis yang dijalankan didapati penggunaan sifat *Sama'* dalam kumpulan puisi Taman Takwa, adalah sebanyak 30 tempat, yang dapat dikaitkan dengan sifat *Sama'* Allah (Maha Mendengar). Daripada 30 tempat ini terdapat 4





tempat digunakan oleh penyair dengan cara jelas atau dengan kalimah asal (hakiki) dan 26 tempat lagi dengan sifat Allah secara majazi atau kiasan.

Mengikut susunan dari jumlah keseluruhan, sifat *Sama'* adalah sifat yang keempat dari susunan jumlah digunakan selepas *Qudrah*, *Irādah*, *Kawnuhu Samī'an*, dan *Sama'*. Oleh kerana *Sama'* adalah salah satu dari kategori *ma'ānī*, maka pengkaji akan menghuraikannya terlebih dahulu, sebelum membincangkan sifat dalam kategori *ma'nawī*. Perbincangan berkaitan sifat ini akan dibincangkan dalam aspek hakiki dan majazi, seperti di bawah:

#### 4.3.3.1 Sifat *Sama'* (سمع) dalam Bentuk Hakiki



dalam kumpulan puisi Taman Takwa terdapat pada 4 tempat iaitu

P10-5	68	22	Di tanah perkuburan ini	Engkau mendengarkan semuanya
P29-1	103	63	Secebis kisah nabi ayub	Engkau maha pengampun dan maha mendengar segala rayuan hamba-Mu
P29-2	105	63	Secebis kisah nabi ayub	Engkau maha pengampun dan maha mendengar rayuan pencinta
P88-6	117	187	Dialog dengan seorang musafir	Sama'

Ungkapan pertama,

P10-5	68	22	Di tanah perkuburan ini	Engkau mendengarkan semuanya
-------	----	----	-------------------------	------------------------------





Ungkapan ini, terdapat pada judul yang ke-10, baris ke-68, muka surat 22, yang mana penyair menggunakan “...Engkau mendengarkan semuanya ...” dalam hal ini penyair menunjukkan kepada kita bahawa sifat *Sama’* Allah ini sentiasa mendengar semua perbualan kita, bisikan, dan nawaitu kita.

Semua perbualan kita tidak dapat disembunyikan daripada Allah SWT. Walaupun orang lain tidak dapat dengar perbualan kita, Allah tetap mendengar, dengan itu setiap apa yang kita hendak bicarakan harus sedar bahawa ada pendengar yang setiasa mendengari perbualan kita, dan sentiasa menilai perbualan kita, dan setiap perbualan itu dicatat oleh petugas-petugas-Nya, yang ditugas khusus untuk mencatat perbualan. Mereka tidak lalai walaupun satu saat yang kita lafazkan, sepetimana firman-Nya dalam surah *Qāf*:



مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Maksudnya: Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisi-Nya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).

(Surah *Qāf*, 50: 18)

Allah juga sentiasa mendengar, walaupun perkara di dalam fikiran manusia dan akan diambil kira atas setiap perkara yang diniat dan dirancang orang hamba-Nya sepetimana firman-Nya surah *al-Baqarah*:

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبَدِّلُ مَا فِي أَنفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِّبُكُمْ  
بِهِ اللَّهُ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ





Maksudnya: Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. kemudian ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyeksa sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah *al-Baqarah*, 2: 284)

Dengan ayat ini jelaslah bahawa Allah sentiasa mendengar bisikan dan percakapan para hamba-Nya pada setiap masa dengan kuasa yang Maha Mendengar yang bersifat dengan *Sama'* maka layaklah bagi-Nya mendengar setiap perbualan hamba-Nya.

### Ungkapan ke-2 dan ke-3

P29-1	103	63	Secebis kisah nabi ayub	Engkau maha pengampun dan maha mendengar segala rayuan hamba-Mu
P29-2	105	63	Secebis kisah nabi ayub	Engkau maha pengampun dan maha mendengar rayuan pencinta

Ungkapan ini terdapat dalam judul puisi yang sama iaitu judul ke-29, di baris ke-103, dan 105. Dua ungkapan ini terdapat kata yang sama digunakan oleh penyair bentuk ulangan dalam muka surat yang sama, iaitu "... Engkau Maha Pengampun dan Maha Mendengar segala rayuan hamba-Mu ...". Dua ungkapan yang diulang oleh penyair ini membawa maksud, selain Allah bersifat Maha mendengar, Allah juga mendengar perbualan dan bisikan manusia. Dalam ayat ini penyair membawa pembaca untuk merenung aspek keimanan kita kepada Allah dan Rasul-Nya.

Selanjutnya dengan kata "...Maha Mendengar segala rayuan hamba-Mu...".

Segala rayuan bermaksud "Doa" yang hamba-Nya bermunajat kepada Allah, dan mengadu kepada Allah atas semua perkara. Dengan hakikatnya Allah sentiasa





menunggu dan mengharap para hamba-Nya sentiasa minta kepada-Nya. Hal ini sepetimana dalam firman-Nya:

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَحِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Maksudnya: Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sompong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina.

(Surah *Ghāfir*, 40: 60)

Dan terdapat banyak lagi ayat-Nya untuk menunjukkan bahawa Allah sentiasa mendengar bisikan dan permintaan hamba-Nya dan sentiasa memperkenankan doa yang diminta oleh hamba-Nya, asalkan menepati syarat-syarat berdoa dan adab-adabnya, begitulah juga sifat Allah yang tersurat disebalik ungkapan keempat ini, yang terdapat dalam judul ke-88 seperti di bawah:

P88-6 | 117 | 187 | Dialog dengan seorang musafir | Sama'

#### 4.3.3.2 Sifat *Sama'* dalam betuk Majazi

Dapatan kajian mendapati juga kegunaan kata-kata atau ayat yang cenderung kepada sifat *Sama'* Allah SWT. Pemakaian ungkapan ditulis secara majazi merujuk sifat *Sama'* Allah sepetimana yang akan dibincangkan pada huraiyan yang berikut.





Contoh ungkapan ayat dalam puisi yang dapat dikaitkan dengan kefungsian sifat *Sama' (Maha mendengar Allah)* seperti berikut:

P62-5	61	120	Nasibku pada suatu ketika	Tuhan, ampunkan mereka ampunkanlah mereka kerana mereka tidak mengerti
P27-5	45	57	Di bawah lambaian medan juang	Tuhan, jadikanlah aku seorang daripada mujahid dan syuhada-Mu, yang terguling gugur, menyahut seruan seruling-Mu, menyahut bisikan kasih sayang-Mu
P11-2	11	23	Sewaktu melalui lorong ini	Tuhan, ampunkan aku, dan ampunkan mereka yang sedang terlaku
P19-5	42	42	Pesan di detik sakaratulmaut	Ya Tuhan,kurniakanlah kepada kami fikiran-fikiran yang penuh sifat dan zat kewarasian



Semua ungkapan di atas dapat dikaitkan dengan sifat Allah yang Maha mendengar dalam aspek berdoa dan meminta. Kita semua selaku orang yang beriman kepada Allah dan Rasul, dituntut untuk berdoa kepada Allah sahaja. Dalam aspek akidah juga, orang mukmin haram meminta pertolongan (doa) selain daripada Allah.

Menyentuh aspek berdoa, terdapat beberapa perkara yang perlu diketahui, iaitu adakalanya doa itu untuk diri sendiri, adakalanya doa untuk orang lain, doa untuk diri sendiri dan orang lain bersama, doa untuk mendapatkan sesuatu, dan doa untuk berlindung daripada sesuatu. Semua itu adalah bentuk-bentuk doa yang digalakkan dalam ajaran Islam seperti ungkapan dalam bait puisi berikut:

P62-5	61	120	Nasibku pada suatu ketika	Tuhan, ampunkan mereka ampunkanlah mereka kerana mereka tidak mengerti
-------	----	-----	---------------------------	------------------------------------------------------------------------





Ungkapan ini terdapat pada puisi ke-62, baris ke-61, muka surat ke-120, di mana penyair menggunakan kata-kata “... Tuhan, ampunkan mereka ampunkanlah mereka kerana mereka tidak mengerti ...” yang bermaksud doa yang diminta kepada orang lain supaya Allah mengampunkan doa orang lain, dan meminta kepada Allah supaya menyelamatkan orang lain, doa yang didoakan bukan untuk dirinya sendiri tetapi doa ini kepada orang lain. Doa ini diminta untuk kebaikan orang lain, dengan ini dapat dibuktikan oleh Allah di dalam firman-Nya, ada beberapa ayat yang Allah menggalakkan kepada hamba-Nya sentiasa meminta untuk kebaikan orang lain. Selaku orang yang beriman kepada Allah dan Rasul, seharusnya mempunyai perasaan untuk kebaikan orang lain, dan gembira apabila melihat orang lain selamat dan sejahtera. Sepertimana doa Nabi Ibrahim untuk ayahnya yang di firmankan oleh Allah dalam surah *al-Syu‘arā’*



Maksudnya: "Dan ampunkanlah bagi bapaku, kerana sesungguhnya ia adalah dari orang-orang yang sesat;

(Surah *al-Syu‘arā’*, 26: 86)

Pada contoh yang lain Nabi Nuh berdoa kepada Allah, dan merayu kepada Nyanya supaya Allah menyelamatkan anak-anaknya semasa peristiwa Allah menghantarkan banjir untuk tenggelamkan bumi-Nya. Pada contoh yang lain yang mana Nabi Muhammaad, berdoa kepada Allah demi mengampunkan dosa Abu Tālib pada saat kematiannya, tetapi hal ini diingatkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW berkenaan hidayah Allah, hanya dikuniakan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya sahaja, walaupun para Nabi tidak ada kuasa untuk memberi hidayah kepada sesiapa yang dicintainya untuk menyeru kepada tuhannya. Sepertimana dalam ayat





إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحَبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٥١﴾

Maksudnya: Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasih (supaya ia menerima Islam), tetapi Allah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya); dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang (ada persediaan untuk) mendapat hidayah petunjuk (kepada memeluk Islam).

(Surah *al-Qasas*, 28: 56)

Selain itu, doa yang diminta seperti dalam contoh ungkapan puisi kedua ini, iaitu permintaan bagi diri sendiri untuk mendapat kebaikan seperti dalam bait-bait puisi ini:

P27-5

45

57

Di bawah lambaian medan  
juangTuhan, jadikanlah aku seorang  
daripada mujahid dan syuhada-Mu,  
yang terguling gugur, menyahut  
seruan seruling-Mu, menyahut  
bisikan kasih sayang-Mu

Ungkapan ini dari judul puisi ke-27, baris ke-45, muka surat 57, penyair menggunakan ayat "...Tuhan, jadikanlah aku seorang daripada mujahid dan syuhada-Mu, yang terguling gugur, menyahut seruan seruling-Mu, menyahut bisikan kasih sayang-Mu..." yang bermaksud ada kalanya manusia berdoa untuk diri sendiri untuk mendapatkan kebaikan dari Allah SWT. Sepertimana doa Nabi Zakaria berdoa untuk mendapatkan zuriat yang soleh dalam ayat surah *Āli ‘imrān*:

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَا رَبَّهُرْ قَالَ رَبِّ هَبِّ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرْيَةً طَيِّبَةً إِنَّكَ سَمِيعٌ  
**الْدُّعَاءُ**

Maksudnya: Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhannya, katanya: "Wahai Tuhanku! kurniakanlah kepada ku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik; sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar (menerima) doa permohonan".

(Surah *Āli ‘imrān*, 3:38)





Selain itu terdapat dalam ungkapan puisi ini juga permintaan yang dirangkumkan kepada diri sendiri dan masa yang sama dia meminta demi orang lain, sepertimana dalam ungkapan puisi di bawah:

P11-2	11	23	Sewaktu melalui lorong ini	Tuhan, ampunkan aku, dan ampunkan mereka yang sedang berlaku
-------	----	----	----------------------------	--------------------------------------------------------------

Ungkapan puisi yang terdapat dalam judul puisi ke-11, baris ke-11 dan muka surat ke-23, penyair mengungkapkan "...Tuhan, ampunkan aku, dan ampunkan mereka yang sedang berlaku ..." bentuk doa demikian banyak terdapat dalam bentuk doa yang digunakan oleh kaum muslim ketika berdoa kepada Allah,

Sepertimana yang terdapat di dalam beberapa ayat Allah SWT yang Dia



sendiri berfirman di dalam kitab suci-Nya di dalam beberapa surah, misalnya dalam surah *al-A'raf* tentang doa Nabi Musa, dan saudaranya Nabi Harun:

قالَ رَبِّ أَغْفِرْ لِي وَلَاَخِي وَأَدْخِلْنَا فِي رَحْمَتِكَ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: Nabi Musa berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, ampunkanlah bagiku dan bagi saudaraku, dan masukkanlah kami ke dalam rahmat-Mu, kerana Engkaulah sahaja yang Maha Mengasihani dari Segala yang lain mengasihani".

(Surah *al-A'raf*, 7:151)

Adapun dalam ungkapan yang keempat ini terdapat doa yang dirangkum untuk ramai seperti dalam bait puisi yang berikut:

P19-5	42	42	Pesan di detik sakaratulmaut	Ya Tuhan, kurniakanlah kepada kami fikiran-fikiran yang penuh sifat dan zat kewarasan
-------	----	----	------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------





Ungkapan ini didapati dalam judul puisi ke-19, baris ke-42 dan di muka surat 42. Pada bahagian ini penyair mengungkapkan “... Ya Tuhan, kurniakanlah kepada kami fikiran-fikiran yang penuh sifat dan zat kewarasan ...”. Doa ini berbentuk ramai yang merangkumi orang yang berdoa dan orang beriman di sekelilingnya atau orang-orang yang dimaksudkan oleh pendoa itu.

Cara dan bentuk doa yang semacam ini juga terdapat banyak contoh yang dapat dikaitkan dengan doa harian mukmin seperti doa kepada dua ibu bapa misalnya:

رَبَّنَا اغْفِرْنَا ذُنُوبَنَا

Maksudnya: Wahai tuhan kami ampunkanlah dosa-dosa kami.

Atau doa



Maksudnya: Wahai Tuhan kami kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan jauhkanlah kami dari azab api neraka.

Dengan beberapa contoh daripada ungkapan puisi di atas jelas kepada kita bahawa dalam puisi Taman Takwa tertanam sifat Allah yang berbentuk hakiki dan majazi.

#### **4.3.3.3 Sifat *Sama'* dalam Konsep *Kamālullāh***

*Sama'* bermaksud Allah yang bersifat dengan Maha Mendengar. Sifat ini merupakan salah satu daripada 20 sifat yang wajib bagi Allah. Lebih jelas sifat *Sama'* Allah terangkum dalam konsep *Kamālullāh* sejajar dengan prinsip pertama daripada teori *Takmilah*.





Ini bermakna Allah SWT mendengar dengan sifat ketuhanan. Tiada yang mendengar dengan sifat ketuhanan kecuali Allah. Dengan sifat *Kamālullāh* ini Allah Maha Mendengar tanpa perantaraan (pancaindera). Allah mendengar yang *Qadim* (Diri-Nya) dan yang baharu (alam), Allah mendengar yang bersuara dan yang tidak bersuara. Pendekatan Allah mendengar semua yang bersuara atau yang tidak bersuara serentak dalam satu masa, Allah mendengar sentiasa dan berterusan tanpa henti. Allah mendengar tiada permulaan dan tiada akhir. Tiada yang terlepas daripada pendengaran Allah, bahkan pendengaran Allah tidak berkurangan atau tersalah dengar. Pada inilah iktikad-iktikad yang wajib diisi dalam kepercayaan umat Islam terhadap sifat mendengar Allah (Salehuddin,2004, ms.397).

Sifat mendengar Allah ialah sifat ketuhanan *Istighnā'*. Allah Maha Kaya di



seluruh alam ertinya Allah tidak perlu atau tidak berhajat kepada sesuatu kerana sudah terkaya. Maka Allah tidak perlu kepada pancaindera seperti telinga untuk mendengar. Bagaimanakah cara Allah mendengar jika tidak ada telinga? Inilah yang dinamakan sifat ketuhanan yang layak bagi-Nya bersifat dengan *Kamālullāh*. Akal tidak dapat menerangkan sifat Allah mendengar tanpa perlu kepada sesuatu seperti telinga. Dengan ini sangat jelas hubungan di antara prinsip tuhan yang bersifat *Kamāl* dengan sifat *Sama'* yang membawa keyakinan dan kepercayaan yang tegas terhadap sifat *Kamālullāh*.





#### 4.4 Analisis Sifat *Ma‘nawiyah* (معنویة) dalam Puisi SHM

Sebelum pengkaji membahas dan menghuraikan dapatan kajian yang berkaitan dengan sifat ini, terlebih dahulu perlu dikenalpasti tentang sifat *ma‘nawī* atau *Ma‘nawiyah* ini. Sifat *Ma‘nawiyah* adalah sifat yang melazimi sifat *ma‘āni*. Ertinya apabila ada *ma‘āni*, maka akan ada sifat *Ma‘nawiyah*. Dengan bahasa yang lebih mudah, sifat *Ma‘nawiyah* ialah kesinambungan kepada sifat *ma‘āni*. Maka apabila zat Allah SWT bersifat *Qudrah* iaitu Maha Berkuasa, maka pastilah zat Allah SWT bersifat *Kawnuhu Qādiran*, iaitu berkeadaan zat yang berkuasa. Apabila zat Allah SWT bersifat *Irādah*, iaitu Maha Menentukan, pastinya zat Allah SWT itu *Kawnuhu Murīdan*, iaitu Keadaan Zat yang Menentukan. Apabila zat Allah SWT berilmu iaitu Maha Mengetahui, pastinya *Kawnuhu ‘Āliman* iaitu keadaan Zat yang Mengetahui.



Apabila zat Allah SWT bersifat *Hayan*, iaitu hidup, pastilah *Kawnuhu Hayyan* iaitu keadaan zat yang Hidup.

Apabila zat Allah SWT bersifat *Sama‘* iaitu Mendengar, pastinya *Kawnuhu Samī‘an* iaitu zat yang berkeadaan Mendengar. Apabila zat Allah SWT bersifat *Baṣar* iaitu Maha Melihat, pastilah *Kawnuhu Bāṣiran* iaitu zat yang berkeadaan Melihat, dan apabila zat Allah SWT itu bersifat *Kalām* iaitu Maha Berkata-kata, maka pastilah Ia *Kawnuhu Mutakalliman* iaitu zat yang berkeadaan berkata-kata (Wan Ahmad Khalil, 2013).

Terdapat pandangan para ulama tauhid sendiri ada beberapa *qawl* (pendapat) sepetimana dibincangkan dalam *Farīdatul Farā’id fī ‘Ilmi ‘Aqā‘id*, oleh Shaykh Ahmad bin M. Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fathani, dan diterjemahkan oleh





Abdul Ghani Jabal Maraqqi (2016). Mengikut pendapat al-Qadi dan Imam al-Haramain bahawa segala sifat yang wajib bagi Allah itu ialah 20 sifat dengan tambah tujuh dari sifat dalam kategori *ma'nawiyah* ini, iaitu:

- i. *Kawnuhu Qādiran* ertinya keadaan Allah SWT yang berkuasa mengadakan dan mentiadakan. Hakikatnya, iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Maujud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat *Qudrat*. Sifat Allah ini bererti Allah adalah zat yang Maha Berkuasa. Allah tidak lemah, Ia berkuasa penuh atas seluruh makhluk dan ciptaan-Nya.
- ii. *Kawnuhu Murīdan* ertinya keadaan Allah SWT yang menghendaki dan menentukan tiap-tiap sesuatu. Hakikatnya iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada Dia *Maujud* dan tiada Dia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat *Irādat*. Allah memiliki sifat *Murīdan*, iaitu sebagai zat Yang Maha Berkehendak. Ia berkehendak atas nasib dan takdir manusia.
- iii. *Kawnuhu 'Āliman* ertinya keadaan Allah SWT yang mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. Hakikatnya iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Maujud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat al-'Ilmu. Sifat Allah 'Ālimun, iaitu zat Yang Maha Mengetahui. Allah mengetahui segala hal yang telah terjadi mahupun yang belum terjadi.





- iv. *Kawnuhu Hayyan* ertinya keadaan Allah SWT yang hidup. Hakikatnya iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Maujud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat *Hayat*. Allah adalah zat yang hidup.
- v. *Kawnuhu Samī'an* ertinya keadaan Allah SWT yang mendengar akan tiap-tiap yang *Maujud*. Hakikatnya iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Maujud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat *Sama'*. Allah adalah zat yang Maha Mendengar. Allah selalu mendengar bicara manusia, permintaan atau doa hamba-Nya.
- vi. *Kawnuhu Baṣīran* ertinya keadaan Allah SWT yang melihat tiap-tiap yang *Maujudat*. Hakikatnya iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Maujud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu lain daripada sifat *Baṣar*. Allah adalah zat yang Maha Melihat. Sifat Allah ini tidak terbatas seperti halnya penglihatan manusia. Allah selalu melihat gerak-geri kita. Oleh itu, hendaknya kita selalu berbuat baik.
- vii. *Kawnuhu Mutakalliman* ertinya keadaan Allah SWT yang berkata-kata. Hakikatnya iaitu sifat yang berdiri dengan zat Allah SWT, tiada ia *Maujud* dan tiada ia *Ma'dum*, iaitu selain daripada sifat *Qudrat*. Sifat Allah ini bererti yang berbicara. Allah tidak bisu, Ia berbicara atau berfirman melalui ayat-ayat al-Quran. Apabila al-Quran menjadi panduan hidup, maka kita telah patuh dan tunduk terhadap Allah SWT.

Hasil Analisis seterusnya menunjukkan kedudukan bilangan kategori *Ma'nawiyah* dalam puisi Taman Takwa seperti dalam Jadual 4.6 di bawah:





### Jadual 4.6

#### *Sifat Kategori Ma‘nawiyah dalam Puisi Taman Takwa*

<b>Nama Sifat</b>	<b>Jumlah/kali</b>
<i>Kawnuhu Samī‘an</i> (كونه سمیعا)	35
<i>Kawnuhu ‘Āliman</i> (كونه عالما)	24
<i>Kawnuhu Qādiran</i> (كونه قادرا)	23
<i>Kawnuhu Murīdan</i> (كونه مریدا)	23
<i>Kawnuhu Baṣīran</i> (كونه بصیرا)	14
<i>Kawnuhu Hayyan</i> (كونه حیا)	3
<i>Kawnuhu Mutakalliman</i> (كونه متکلاما)	2
<i>Semua</i>	124



Berdasarkan Jadual 4.6, kajian yang dilakukan mendapati bahawa sifat paling banyak yang dikaitkan dengan sifat Allah dalam kategori *Ma‘nawiyah* ialah sifat *Kawnuhu Samī‘an* (Keadaan Allah yang Maha Mendengar). Seterusnya diikuti dengan sifat *Kawnuhu ‘Āliman* (Keadaan Allah yang Maha mengetahui), dan seterusnya *Kawnuhu Qādiran*, *Kawnuhu Murīdan*, *Kawnuhu Baṣīran*, *Kawnuhu Hayyan* dan *Kawnuhu Mutakalliman*.

Sifat yang paling sedikit dalam kategori ini ialah *Kawnuhu Mutakalliman*, dan *Kawnuhu Hayyan*. Bagi perbahasan dalam kategori ini, pengkaji akan mengambil hanya dua sifat yang paling banyak jumlah kegunaan untuk dibahaskan sebagai satu panduan penilaian dan dapat dibuktikan bahawa setiap sifat dan keadaan Allah mempunyai makna yang tersendiri. Perbahasan dalam kategori ini tidak dapat dibincangkan dalam aspek hakiki dan majazi, disebabkan sifat *Ma‘nawiyah* ini tidak





dapat dirangkumkan dengan lafaz yang jelas, kecuali dengan menggunakan makna yang menunjukkan kepada sifat-sifat yang tertentu dalam kategori tersebut.

#### 4.4.1 Sifat *Kawnuhu Samī'an* (كونه سميعا)

*Kawnuhu Samī'an* ini ialah sifat yang melazimi sifat *Sama'*. Dengan kata lain, boleh disebut kesinambungan sifat *Sama'* itu sendiri. Namun, kedua-dua sifat ini juga mempunyai perbezaan dari segi fungsi. Perbezaannya ialah *Kawnuhu Samī'an* Allah SWT lebih kepada pendengaran Allah SWT setelah diwujudkan-Nya alam oleh *Qudrat* dan *Iradah*. Ertinya sifat *Kawnuhu Samī'an* ini adalah takluk mendengar Allah SWT terhadap maujudat, yakni patut dan tentu pada azali dan juga setelah dijadikan segala sesuatu.



Dengan maksud seterusnya iaitu apabila Allah SWT telah menentukan dan mencipta alam, maka alam ini pada masa sekarang dan akan datang adalah di dalam takluk *Kawnuhu Samī'an* Allah SWT. Ertinya alam ini adalah barang yang didengar-Nya dengan pendengaran-Nya tanpa alat dan wasilah. Maka jika Allah SWT Maha Mendengar pastilah ada yang didengar-Nya, maka bersifatlah Dia dengan sifat keadaan yang Maha Mendengar. Takluk *Kawnuhu Samī'an* adalah sama dengan takluk sifat *Sama'* iaitu patut pada azali, tentu pada azali dan tunai iaitu setelah dijadikan. Kerana apabila takluk *Sama'* itu terbuka bagi Allah SWT segala sesuatu tidak terdinding tidak tersekat.





Sifat ini terdapat pada 35 tempat yang gunakan oleh pengarang dalam kumpulan puisi Taman Takwa seperti Jadual 4.7 berikut:

#### Jadual 4.7

##### *Sifat Kawnuhu Samī‘an dalam puisi Taman Takwa*

Bil	Kod	Brs	M/s	Judul	Puisi – puisi
1.	P1-11	84	3	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	Ya Allah, inilah kalimah Syahadahku, inilah aku, Inilah panah asmaradana rindu dendamku
2.	P1-8	70	3	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	Semuanya salam-salam cintaku pada-Nya
3.	P2-5	8	4	Alam semesta ini	Sekali aku mengenal Allahuakbar-Mu – aku mengenal bahawa Engkau adalah Allahus Samad.
4.	P4-10	53	9	Tentang kebesaran dan kekuasaan	Tuhan, aku mengadu kepada-Mu
5.	P5-4	13	10	Perjanjian dengan tuhan	Aku membuat perjanjian dengan-Mu dengan iman, takwa dan amal soleh
6.	P5-17	52	11	Perjanjian dengan tuhan	Engkau tidak ada tolok bandingnya!
7.	P6-4	30	12	Sewaktu mengenangnya	Tuhan makbulkanlah doaku ini
8.	P8-4	37	17	Di negeri ibadah	Ya semuaya dalam zikir dan munajat, berkumpulan berbondong-bondong, menuju ke hadirat-Mu
9.	P9-2	7	18	Seruling abadi-Mu	Aku tidak puas mendengarnya, dari fajar pagi, sampai malam dinihari,
10.	P15-5	43	31	Apa pun boleh menjadi	Maka sesungguhnya aku memohon lindungan-Mu di dalam setiap renunganku
11.	P16-2	21	32	Ada pun kehidupan ini	Tuhan, ku tahu di negeri fana ini
12.	P16-5	47	33	Ada pun kehidupan ini	Tuhan jauhkanlah aku dari mereka

(bersambung)





### Jadual 4.7 (*sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
13.	P16-6	57	33	Ada pun kehidupan ini	Maka aku bermohon kepada-Mu
14.	P17-1	75	37	Menyingkap tabirr maut	Tuhan, telah kubaca dalam kitab Suci-Mu
15.	P17-2	87	37	Menyingkap tabirr maut	Tuhan,kekalkan aku berjalan rahmat-Mu kekalkan aku berjalan di jalan reda-Mu
16.	P17-3	89	37	Menyingkap tabirr maut	Tuhan,kekalkan aku menjadi orang Muslim yang suci murni di sisi-Mu
17.	P17-4	90	37	Menyingkap tabirr maut	Tuhan kekalkan aku menjadi orang Muslim yang sentiasa syukur terhadap segala kurniaan-Mu
18.	P17-5	92	37	Menyingkap tabirr maut	Tuhan kekalkan aku menjadi orang Muslim yang mengenal diriku, dan mengenal diri-Mu, Zat yang Maha Esa, Zat yang tidak berbanding
19.	P21-1	1	46	Di padang pasir ini	Tuhan Engkau Maha Sendiri ingin bersama-Mu, tapi aku tidak dapat bersama-Mu
20.	P21-2	4	46	Di padang pasir ini	Tuhan Engkau Maha Sendiri, aku tidak dapat bersama-Mu tapi Engkau dapat bersamaku
21.	P21-3	7	46	Di padang pasir ini	Tuhan Engkau Maha Sendiri kalau aku ingin bersama-Mu dan aku dapat bersama-Mu dengan izin-Mu
22.	P21-4	10	46	Di padang pasir ini	Tuhan Engkau Maha Sendiri, dan Engkau dapat bersamaku, meski tanpa izinku
23.	P21-5	18	46	Di padang pasir ini	Tuhan, kurniakan aku tenaga iman dan tenaga takwa yang sempurna
24.	P21-6	20	46	Di padang pasir ini	Aku dapat berdiri gagah perkasa, ditanah ibadah-Mu yang aman sejahtera
25.	P36-1	1	73	Para perindu itu	Ya tuhan, para perindu-Mu mengeluarkan air mata, mengeluarkan air mata kerana memohon ampun daripada-Mu
26.	P37-1	11	74	Cinta agung	Yang selalu menyeru nama kekasihnya, memuji keindahan perwatakan kekasihnya dan memperagung ke solehan kekasihnya
27.	P39-1	1	79	Percakapan dengan tuhan	Tuhan, alam ini sejadah solatku, hamparan ibadahku, adalah pohon imanku, adalah juga pohon takwaku, rinduku takkan kemana-mana melainkan dalam cinta-Mu
28.	P39-2	8	79	Percakapan dengan tuhan	Kalau aku mengadu aku takkan mengadu kepada siapa melainkan hanya kepada-Mu

(*bersambung*)





### Jadual 4.7 (*sambungan*)

Bil	Kod	Brs	M/s	Judul	Puisi – puisi
29.	P59-2	37	116	Sewaktu mengenang-Mu	Ya Allah, Tuhan, kenalkan aku mengenag-Mu dan menghimbaukan zikir ke hadirat-Mu, pada setiap waktu
30.	P64-1	33	124	Fragmen di bumi ibadah	Di anjung Rasullullah di sisi makam Rasullullah kurasa di sisi Rasulullah memohon reda-Mu, memohon ampunan-Mu memohon rahmat-Mu
31.	P70-1	1	136	Kini zaman nabi Muhammad rasulullah	Ya Allah, aku menyedari bahawa kini adalah zaman Nabi Muhammad Rasulullah
32.	P77-1	1	158	Peristiwaku di masjid nabawi	Tuhan, kini aku ingin bertanya kepada-Mu
33.	P81-1	1	170	Kembali ke perkebunan sirr	Tuhan, aku selalu kembali ke perkebunan sirr ini, melalui kebun-kebun Tauhid
34.	P81-2	5	170	Kembali ke perkebunan sirr	Aku selalu kembali ke pulau sir-Mu alam ghaib luas terbentang ini juga menuju ke Taman Abadi dadaku berterbangan mencari-Mu
35.	P87-1	1	183	Pesan kepada orang yang berladang	Aku berbicara- bacalah dengan nama Tuhan-Mu



berdasarkan Jadual 4.7, dengan hakikatnya sifat dalam semua kategori *Ma'nawiyah* ini tidak jauh bezanya dengan mana-mana sifat dalam kategori *ma'anī* seperti sifat *Sama'* dengan *Kawnuhu Samī'an*. Dalam hal ini, pengkaji mengasingkan beberapa sifat yang dapat dikaitkan dengan sifat *Kawnuhu Samī'an* dalam kumpulan puisi Taman Takwa sepetimana dalam ungkapan puisi berikut:

P77-1	1	158	Peristiwaku di masjid nabawi	Tuhan, kini aku ingin bertanya kepada-Mu
-------	---	-----	------------------------------	------------------------------------------

Dalam judul puisi ke-77 baris pertama dan halaman ke-158, yang mana penyair mengungkapkan "... Tuhan, kini aku ingin bertanya kepada-Mu ...". Dalam





hal ini penyair bermaksud seseorang yang ingin bertanya tetapi tidak yakin kepada sesiapa soalan itu hendak ditujukan, nescaya soalan itu tidak akan wujud. Analoginya mustahil bagi sesiapapun untuk bercakap seorang diri dengan tanpa ada sesiapa yang maha mendengarnya.

Dengan kata lain apabila berdoa setiap muslim seharusnya yakin dengan keadaan Allah yang sentiasa mendengar luahan para hamba-Nya. Dengan keyakinan yang ada inilah, maka adanya munajat hamba kepada *Rabb* (Tuhan). Selain Allah yang bersifat dengan Maha Mendengar (*Sama'*) yang telah dibahaskan di atas, Allah juga sentiasa berkeadaan mendengar akan doa hamba-Nya. Terdapat ayat yang menunjukkan bahawa Allah dalam keadaan Maha Mendengar seperti dalam surah *al-Nisā'*:



Maksudnya: Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahanatan orang); kecuali oleh orang yang dianiyakan. dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

(Surah *al-Nisā'*, 4:148)

Konsep yang sama terdapat dalam ungkapan puisi ini:

P39-2	8	79	Percakapan dengan tuhan	Kalau aku mengadu aku takkan mengadu kepada siapa melainkan hanya kepada-Mu
-------	---	----	-------------------------	-----------------------------------------------------------------------------

Setiap mukmin juga mengetahui bahawa yang dapat mendengar bisikan dan permintaan hanyalah Allah seperti mana ungkapan penyair dalam kumpulan puisinya “... Kalau aku mengadu aku takkan mengadu kepada siapa melainkan hanya kepada-





Mu ..." yang mana penyair menyebut bahawa para hamba-Nya sentiasa mengalirkan air mata untuk meminta kepada-Nya seperti dalam ungkapan puisi:

P36-1	1	73	Para perindu itu	Ya tuhan, para perindu-Mu mengeluarkan air mata, mengeluakan air mata kerana memohon ampun daripada-Mu
-------	---	----	------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------

Dalam puisi ke-36, baris pertama, muka surat 73 ini "... Ya tuhan, para perindu-Mu mengeluarkan air mata, mengeluakan air mata kerana memohon ampun daripada-Mu...". Kalimah memohon inilah yang dapat dikaitkan dengan sifat Allah yang sentiasa berkeadaan mendengar para hamba-Nya.

Selain itu konsep meminta dalam bentuk doa terdapat dalam bait puisi berikut:



P21-5	18	46	Di padang pasir ini	Tuhan, kurniakan aku tenaga iman dan tenaga takwa yang sempurna
-------	----	----	---------------------	-----------------------------------------------------------------

Puisi ini juga menunjukkan bentuk permintaan kepada Allah yang Maha Mendengar dan sentiasa berkeadaan mendengar hamba-Nya.

#### 4.4.1.1 Sifat *Kawnuhu Samī'an* (كونه سميعاً) dalam Konsep *Kamālullāh*

*Kawnuhu Samī'an* (keadaan Diri Allah yang mendengar) ertinya Zat Allah mendengar tanpa perlu kepada alat perantaraan seperti pancaindera telinga. Pendengaran Allah meliputi segala yang bersuara dan yang tidak bersuara (dalam hati). Zat Allah sentiasa mendengar tanpa ada yang tercicir daripada pendengaran-Nya. *Kawnuhu Samī'an* ini juga adalah sifat yang melazimi sifat *Sama'* yakni kesinambungan daripada sifat





*Sama*'. Namun dua sifat ini juga mempunyai perbezaan dari segi fungsi. Perbezaannya ialah *Kawnuhu Samī'an* Allah Taala lebih kepada pendengaran Allah Taala setelah diwujudkan-Nya alam dengan *Qudrah* dan *Irādah*. Ertinya sifat *Kawnuhu Samī'an* ini adalah takluk mendengar Allah Taala terhadap maujudat yakni patut dan tentu pada azali dan juga setelah dijadikan segala sesuatu.

Maksud seterusnya iaitu apabila Allah Taala telah menentukan dan mencipta alam, maka alam ini pada masa sekarang dan akan datang adalah di dalam takluk *Kawnuhu Samī'an* Allah. Ertinya alam ini adalah barang yang didengar-Nya dengan pendengaran-Nya tanpa alat dan wasilah. Maka jika Allah Taala Maha mendengar pastilah ada yang didengar-Nya, maka bersifatlah Dia dengan sifat Keadaan yang Maha Mendengar (Amirimpresyah, 2012).



#### 4.4.2 Sifat *Kawnuhu ‘Āliman* (كونه عالما)

Sebelum pengkaji membahaskan tentang sifat ini, lebih utama diketahui bahawa *Kawnuhu ‘Āliman* ini juga adalah sifat yang melazimi sifat ‘ilmu. Dengan kata lain boleh disebut sebagai kesinambungan sifat ‘ilmu itu.

Namun, dua sifat ini juga mempunyai perbezaan dari segi fungsi. Perbezaannya ialah *Kawnuhu ‘Āliman* Allah SWT lebih dilihat kepada pengetahuan Allah SWT setelah diwujudkan-Nya alam oleh *Qudrah* dan *Irādah*. Atau dengan maksud lain sifat *Kawnuhu ‘Āliman* ini adalah takluk ‘ilmu Allah SWT terhadap apa yang telah dicipta-Nya sekarang dan yang akan datang, di samping pengetahuan-Nya terhadap perkara yang telah berlalu. Dengan maksud seterusnya, iaitu apabila Allah





SWT telah menentukan dan mencipta alam, maka alam ini pada masa sekarang dan akan datang adalah di dalam takluk *Kawnuhu ‘Āliman* Allah SWT. Ertinya alam ini adalah barang yang sudah diketahui dalam ‘ilmu Allah SWT. Maka jika Allah SWT Maha Mengetahui, pastilah ada yang diketahui-Nya, iaitu alam ini yang telah wujud, maka bersifatlah Dia dengan sifat keadaan yang Maha mengetahui.

Dan takluk *Kawnuhu ‘Āliman* sama dengan takluk sifat ‘Ilmu, iaitu tentu pada azali. Hal ini kerana apabila takluk *Kawnuhu ‘Āliman* pada masa ini dan akan datang, pastilah alam sekarang dan akan datang diketahui-Nya secara tentu pada azali. Sifat Allah yang berkeadaan dengan ‘Āliman (Mengetahui) juga terdapat dalam kumpulan puisi Taman Takwa, iaitu susunan kedua terbanyak selepas sifat Allah dalam kategori ini iaitu *Kawnuhu ‘Āliman*. Berikut pula senarai dapat dikaitkan dengan sifat



### Jadual 4.8

*Sifat Kawnuhu ‘Āliman dalam Puisi Taman Takwa*

Bil	Kod	Brs	M/s	Judul	Puisi – puisi
1.	P4-9	37	9	Tentang kebesaran dan kekuasaan	Semoga aku dalam lindungan makrifat cinta-Mu, Semoga aku sentiasa dalam lindungan
2.	P5-8	22	10	Perjanjian dengan tuhan	Kaulah yang menurunkan kitab al-Quran, yang tidak ada keraguan segala kandungannya
3.	P5-13	42	11	Perjanjian dengan tuhan	Alangkah ngeri dan dahsyatnya fitnah mereka yang mendakwa mereka mencintai Allah!

(Bersambung)





### Jadual 4.8 (*Sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
4.	P6-2	24	12	Sewaktu mengenangnya	Wahai Tuhan ku, ampunkanlah dosa mereka.
5.	P7-1	6	14	Awan kelabu awan mendung	Hak menentu adalah hak-Mu; hujan akan turun atau ribut akan turun hanya dalam ilmu mutlak-Mu
6.	P10-7	70	22	Di tanah perkuburan ini	Engkaulah saja yang mengetahui semua bilangan Lailahaillallah yang mereka titipkan kepada-Mu
7.	P14-6	40	28	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Manusia yang upaya mengalahkan kemahuan-Mu semua manusia, dan segala-galanya, akan terguling kaku di bawah cakar ajal azali yang Engkau rencanakan
8.	P22-2	7	47	Engkau maha sempurna	Tuhanmu tidak akan berlaku zalim terhadap setiap hamba-Nya
9.	P31-1	7	66	Antara perwatakan sabar dan amarah	Engkau yang maha arif
10.	P63-1	1	122	Ini air mataku	Tuhan ini air mataku semoga dapat membendung darah-darah luka-luka cintaku
11.	P63-2	4	122	Ini air mataku	Kau tahu jaga, sahabat-sahabatku tidak merasakan pedih peri dari luka-luka cintaku
12.	P72-5	24	142	Kukenali khazanah-Mu	Engkaulah pemilik segala lombong kekayaan kemewahan- Engkaulah pemilik segala lombong ilmu pengetahuan
13.	P72-6	27	142	Kukenali khazanah-Mu	Engkaulah pemilik segala Lombong kekayaan Kemewahan Engkaulah Pemilik Segala Lombong Ilmu Pengetahuan
14.	P72-7	30	142	Kukenali khazanah-Mu	Engkaulah Pemilik Segala Lombong Rahsia Keajaiban
15.	P72-8	31	143	Kukenali khazanah-Mu	Engkaulah Pemilik Segala Lombong Rahmat dan Nikmat
16.	P72-9	32	143	Kukenali khazanah-Mu	Engkaulah juga Pemilik Segala Lombong Nur
17.	P80-13	43	168	Wujud-Mu	Sekali gus dapat pula mengenali dan memahami mereka

(*Bersambung*)





### Jadual 4.8 (*Sambungan*)

Bil	Kod	Brs	M/s	Judul	Puisi – puisi
18.	P81-3	13	170	Kembali ke perkebunan sirr	Aku singgah di bawah langit al-Hak-Mu
19.	P83-9	44	176	Tempat sebenar aku singgah	Gunung Nur-Mu, Wujud Gunung Tauhid-Mu Gunung Syahadah-Mu
20.	P84-5	34	179	Kun faya kun	Hanya Engkau yang mengetahui
21.	P85-4	32	181	Gema lailahaillallah	Semua ruang dan lubang telah terisi dengan Cahaya Keindahan-Mu
22.	P86-1	1	182	Di wadi takwa	Di Wadi Takwa, kulihat Gunung Nur-Mu
23.	P86-9	16	182	Di wadi takwa	Aku sujud di Taman Tauhid, menghadap tepat ke hadirat-Mu
24.	P88-1	80	186	Dialog dengan seorang musafir	Yang tahu semua hanyalah Allah

Daripada 24 bait puisi di atas, pengkaji akan memilih lima daripadanya untuk



membahaskan pengertian yang dapat dikaitkan dengan sifat *Kawnuhu ‘Aliman*, *Sifat Allah ‘Alim* (Maha Mengetahui) dan keadaannya yang mengetahui, juga sangat penting kepada orang yang beriman untuk mengetahui lebih lanjut, terutamanya kepada masyarakat Melayu Islam. Dengan sifat Allah yang keadaan ‘*Aliman* ini, yang sentiasa mengetahui apa yang akan dilakukan hamba-Nya, maka setiap apa yang ada di dalam perancangan hamba-Nya pasti dalam pengetahuan-Nya seperti contoh yang pertama ini

P7-1	6	14	Awan kelabu awan mendung	Hak menentu adalah hak-Mu; hujan akan turun atau ribut akan turun hanya dalam ilmu mutlak-Mu
------	---	----	--------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------

Contoh ini terdapat dalam judul puisi ketujuh, baris keenam, dan muka surat ke-14, penyair menyatakan “... Hak menentu adalah hak-Mu; hujan akan turun atau





ribut akan turun hanya dalam ilmu mutlak-Mu...” Dalam bait ini, penyair mengingatkan bahawa hak menentu adalah hak Allah, yang penuh dengan ilmu-Nya dan bersifat dengan keadaan-Nya yang sentiasa mengetahui. Allah juga menurunkan hujan kepada sesiapa sahaja kerana Dia mengetahui akan keperluan manusia kepada air hujan. Adakalanya Allah menurunkan hujan sebagai peringatan kepada hamba-Nya, agar mereka meningkatkan keimanan sepertimana firman-Nya dalam surah *al-A'rāf*

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيِ رَحْمَتِهِ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَتْ سَحَابًا ثِقَالًا  
سُقْنَهُ لِبَلِّ مَيِّتٍ فَأَنْزَلَنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الْثَّمَرَاتِ كَذَلِكَ خُرُجُ  
الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



Maksudnya: Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmat-Nya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakan dia ke negeri yang mati (ke daerah Yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya).

(Surah *al-A'rāf*, 7:57)

Ayat ini menerangkan pendekatan Allah mengingatkan hamba-Nya, selepas Dia mengetahui tentang keadaan hamba-Nya di muka bumi-Nya. Konsep yang sama terdapat contoh yang kedua, iaitu:





Dalam ungkapan ini penyair menungkapkan “... Hanya Engkau yang mengetahui ...”. ayat ini sangat jelas dengan keadaan-Nya yang Maha mengetahui, begitu juga dalam bait puisi berikut:

P88-1	80	186	Dialog dengan seorang musafir	Yang tahu semua hanyalah Allah
-------	----	-----	-------------------------------	--------------------------------

Bait puisi ini seakan sama dengan puisi yang ke-84 baris ke-34 mula susat 179 di atas. Begitu juga dengan ungkapan-ungkapan yang lain, yang membawa maksud hanya Allah yang sentiasa mengawasi dan memperhatikan hamba-hamba-Nya dengan segala ‘ilmu yang ada pada-Nya.



#### 4.4.2.1 Sifat *Kawnuhu ‘Aliman* (كونه عالماً) dalam Konsep *Kamālullah*

*Kawnuhu ‘Aliman* merupakan sifat yang melazimi sifat ‘Ilmu. Dengan kata lain boleh disebut kesinambungan daripada sifat ‘Ilmu. Namun dua sifat ini juga mempunyai perbezaan dari segi fungsi. Perbezaannya ialah *Kawnuhu ‘Aliman* Allah lebih dilihat kepada pengetahuan Allah dalam aspek *Kamālullah*, setelah diwujudkan-alam oleh *Qudrah* dan *Irādah*. Ertinya sifat *Kawnuhu ‘Aliman* ini adalah takluk ‘ilmu Allah SWT terhadap apa yang telah dicipta-Nya sekarang dan yang akan datang, di samping pengetahuan-Nya terhadap perkara yang telah berlalu. Dengan maksud seterusnya iaitu apabila Allah SWT telah menentukan dan mencipta alam maka alam ini pada masa sekarang dan akan datang adalah di dalam takluk *Kawnuhu ‘Aliman* Allah SWT. Yang di maksudkan dengan alam ialah sesuatu yang diketahui dalam ‘ilmu





Allah SWT. Maka jika Allah SWT Maha Mengetahui pastilah ada yang diketahui-Nya iaitu alam ini yang telah wujud maka bersifatlah Dia dengan sifat Keadaan yang Maha Mengetahui (Amir, 2012).

Daripada hasil kajian membuktikan hubungan sifat *Kawnuhu ‘Āliman* yang dapat di kaitkan dalam aspek *Kamāl* Allah sepetimana digariskan oleh Shafie Abu Bakar dalam prinsip yang pertama teori *Takmilah*, bahkan sifat-sifat Allah yang lain juga tidak dapat di pisahkan dengan sifat *Kamālullāh*. Hal ini bermakna sifat *Kawnuhu ‘Āliman* dalam puisi ini menepati konsep *Kamālullāh*.

#### 4.5 Analisis Sifat *Salbiyah* (سلبيّة) dalam Puisi SHM



Sifat *salbiyah* ialah sifat yang menafikan segala sifat yang tiada patut bagi zat Allah SWT. misalnya sifat *Qidam* menafikan ada permulaan bagi zat Allah SWT, *Baqā’* menafikan ada pengakhiran bagi zat Allah SWT, *Mukhālafatuhu līlḥawādīth* menafikan bersamaan Allah SWT dengan sesuatu, *Qiamuhu Binafsīh* menafikan zat Allah SWT memerlukan sesuatu dan seterusnya *Wahdāniyah* menafikan Allah SWT itu berbilang wujud (Wan Ahmad Khalil, 2013, ms.32).

Sifat *salbiyah* Allah mengandungi 5 sifat iaitu *Qidam*, *Baqā’*, *Mukhālafatuhu līlḥawādīth*, *Qiamuhu Binafsīh* dan *Wahdāniyah*. Analisis mendapati bahawa penggunaan sifat *Salbiyah* terdapat di dalam puisi SHM. Sifat yang paling banyak dalam kategori ini ialah sifat *Mukhālafatuhu līlḥawādīth* dan sifat ini juga tertelak





pada susunan ke-5 daripada keseluruhan susunan sifat Allah. Berikut dipaparkan senarai sifat salbiyah seperti dalam Jadual 4.9 di bawah:

Jadual 4.9

*Sifat kategori Salbiyah di dalam puisi Taman Takwa*

Nama Sifat	Jumlah/kali
<i>Mukhālafatuhu lilhawādīth</i> (مخالفته للحوادث)	25
<i>Wahdāniyah</i> (وحدانية)	21
<i>Baqā'</i> (بقاء)	15
<i>Qiamuhu Binafsīh</i> (قيامه بنفسه)	8
<i>Qidam</i> (قدم)	3
<i>Semua</i>	72

Dalam kategori ini, pengkaji akan memilih dua sifat berdasarkan susunan yang



paling banyak digunakan; pertama-*Mukhālafatuhu lilhawādīth*, dan kedua-sifat *Wahdāniyah*.

#### **4.5.1 Sifat *Mukhālafatuhu lilhawādīth* (مخالفته للحوادث)**

*Mukhālafatuhu lilhawādīts* yang membawa maksud berbezanya sifat Allah dengan makhluk ciptaan-Nya. Berbeza dengan semua yang baharu, iaitu makhluk. Sifat ini menunjukkan bahawa Allah SWT berbeza dengan hasil ciptaan-Nya. Secara analoginya, amat mustahil bagi seseorang tukang jahit untuk menghasilkan baju yang sama dengan baju yang dibuat oleh orang lain. Bahkan, robot yang paling canggih dan mirip manusia sekalipun tidak akan sama dengan sifat manusia yang menciptanya. Maksud firman Allah SWT yang berkaitan dengan sifat ini ialah:





“...tiada sesuatu pun yang sebanding dengan (Zat-Nya, sifat-sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya) dan Dia lah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat”

(Surah *al-Syu'arā'*, 42: 11)

Selain ayat tersebut, Allah SWT juga berfirman dalam ayat yang lain yang bermaksud:

“Dan tidak ada sesiapapun yang serupa dengan-Nya”

(Surah *al-Ikhlas*, 112: 4)

Daripada kedua-dua ayat di atas dapat diambil pelajaran bahawa yang dimaksudkan dengan tidak setara itu adalah tentang keagungan, kebesaran, kekuasaan dan ketinggian sifat-Nya. Tiada satupun daripada makhluk-Nya yang menyerupai-Nya. Hasil kajian menunjukkan jumlah dan senarai bait puisi yang dapat dikaitkan dengan sifat ini seperti dipaparkan dalam Jadual 4.10:



#### Jadual 4.10

##### *Sifat Mukhalafatuhu lilhawādith dalam Puisi Taman Takwa*

Bil	Kod	Brs	M/s	Judul	Puisi – puisi
1.	P1-10	77	3	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu	Tuhan yang Maha Ihsan;
2.	P4-1	3	8	Tentang kebesaran dan kekuasaan	Namun, takkan sama kerajaan-Mu dan tak sama engkau sebagai pemimpin;
3.	P4-2	5	8	Tentang kebesaran dan kekuasaan	Kerajaan Engkau ialah kerajaan Paling Tinggi, dan Engkau pemimpin, Pemimpin paling Murni.
4.	P5-11	35	11	Perjanjian dengan tuhan	Tidak ada sesiapa di langit dan di bumi, melainkan akan pulang kepada ar-Rahman dan ar-Rahim
5.	P5-15	49	11	Perjanjian dengan tuhan	Tuhan yang Maha Sempurna

(bersambung)





### Jadual 4.10 (*Sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
6.	P14-8	50	28	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Yang Maha Tinggi, dan yang Maha Adil, dan yang Maha Mutlak
7.	P18-3	18	39	Setiap yang berupa di hadapanmu	Tuhan yang maha Esa, tuhan yang tidak sebanding dengan apa pun
8.	P19-1	23	41	Pesan di detik sakaratulmaut	Tuhan yang Maha Esa tuhan yang tidak sebanding dengan apa pun
9.	P22-14	61	48	Engkau maha sempurna	Zat Yang Maha Sempurna, Zat Yang Maha Berkuasa, Zat Yang Maha Suci, Zat Yang Maha Bijaksana
10.	P22-15	65	49	Engkau maha sempurna	Zat-Mu Yang Maha Dzul Jalali wal Ikram itu
11.	P26-8	32	55	Yang menguasai wujud	Demikianlah perbezaan antara sifat wujudku dengan sifat wujud-Mu
12.	P27-6	55	57	Di bawah lambaian medan juang	Kau maha Dzul Jalali wal Ikram, Maha Pemilik segala Keagungan dan Kemuliaan
13.	P58-6	39	113	Di alam ibadah ini	Engkau Maha Indah
14.	P58-7	39	113	Di alam ibadah ini	Engkau Maha Sempurna
15.	P58-9	56	113	Di alam ibadah ini	Tuhan, kini segala nama-Mu, dan segala sifat-Mu
16.	P66-2	9	128	Tajalli bntang-bintang	Indahku cemburu pada keindahan-Mu
17.	P73-6	14	144	Allah mencintai keindahan	Maha Sempurna
18.	P73-8	15	144	Allah mencintai keindahan	Maha Mulia
19.	P73-16	36	145	Allah mencintai keindahan	Engkau Maha Indah
20.	P79-2	28	162	Definisi orang yang mencintai Allah	Tuhan yang Maha Adil
21.	P80-4	6	167	Wujud-Mu	Kau muncul tidak dapat dilihat oleh mata, tetapi dapat diketahui oleh hati
22.	P82-5	23	171	Kau memang layak disyukuri	Sebahagian daripada sifat-sifat kemuliaan-Mu dan kemurahan-Mu
23.	P82-12	63	172	Kau memang layak disyukuri	Ya Allah, kini bukti-buktii dan kesaksian-kesaksian daripada sifat-sifat ketuhanan-Mu
24.	P82-15	113	174	Kau memang layak disyukuri	Kau tetap Maha Agung, Kau tetap Maha mulia- bahasanya Darjat kesempurnaan Izzati-Mu sedikit pun tidak terjejas
25.	P88-13	238	190	Dialog dengan seorang musafir	Tak ada siapa pun yang pandai,bijaksana dan jauhari, melainkan hanya Allahlah yang pandai





Merujuk Jadual 4.10, terdapat empat bait puisi yang menggunakan sifat *Mukhālafatuhu lilḥawādīth* dengan kata asal atau dengan lafaz hakiki yang jelas. Selebihnya sebanyak 21 bait puisi yang menggunakan makna secara umum, tetapi mendorongkan makna kepada sifat *Mukhālafatuhu lilḥawādīth*. Dengan ini pengkaji membahagikan perbincangan dalam kategori *salbiyah* ini kepada bentuk kalimah yang digunakan dalam puisi perbahasan akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu hakiki dan majazi.

#### **4.5.1.1 Sifat *Mukhālafatuhu lilḥawādīth* (مخالفته للحوادث) dalam Bentuk Hakiki**

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan sifat *Mukhālafatuhu lilḥawādīth* yang terdapat dalam puisi Taman Takwa.



Analisis menunjukkan terdapat empat tempat yang menggunakan ungkapan hakiki seperti susunan dalam jadual berikut:

P4-1	3	8	Tentang kebesaran dan kekuasaan	Namun takkan sama kerajaan-Mu dan tak sama engkau sebagai pemimpin;
P18-3	18	39	Setiap yang berupa di hadapanmu	Tuhan yang maha Esa, tuhan yang tidak sebanding dengan apa pun
P19-1	23	41	Pesan di detik sakaratulmaut	Tuhan yang Maha Esa tuhan yang tidak sebanding dengan apa pun
P26-8	32	55	Yang menguasai wujud	Demikianlah perbezaan antara sifat wujudku dengan sifat wujud-Mu

Dalam ungkapan puisi yang pertama ini

P4-1	3	8	Tentang kebesaran dan kekuasaan	Namun takkan sama kerajaan-Mu dan tak sama engkau sebagai pemimpin;
------	---	---	---------------------------------	---------------------------------------------------------------------





Pada puisi keempat, baris ketiga dan di muka surat kelapan, penyair menggunakan ungkapan “... Namun takkan sama kerajaan-Mu dan tak sama engkau sebagai pemimpin ...” Penyair membezakan kerajaan Allah dengan kerajaan manusia yang ada sekarang, dan perbezaan dari segi ketidaksamaan pemimpin.

Kerajaan adalah satu perkara yang penting dalam masyarakat, runtuh dan bangunnya satu-satu masyarakat tergantung kepada kejayaan kerajaan. Kerajaan pimpinan manusia penuh dengan ketidaksamaan dalam keadilan, kehakiman, kebenaran dan lain-lain lagi. Kerajaan yang paling berjaya ialah pada zaman Nabi Muhammad SAW dan kemuncak kepimpinan kerajaan Islam ialah pada zaman kerajaan Uthmaniah di Turki. Walaupun dengan kejayaan yang diperolehi pada zaman kemajuan Islam itu sendiri pun, ia masih tidak setanding dengan kerajaan



Allah sebagai pemilik agung dapat dibuktikan dalam beberapa ayat al-Quran seperti dalam surah *al-Mulk*:

تَبَرَّكَ اللَّهُ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦٧﴾

Maksudnya: “Maha berkat (serta Maha Tinggilah kelebihan) Tuhan Yang menguasai pemerintahan (dunia dan akhirat); dan memanglah ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”

(Surah *al-Mulk*, 67: 1)

Dan sepotong lagi ayat dalam surah *al-Mu'minūn*,

فَتَعَالَىٰ اللَّهُ الَّذِي أَنْعَمَ الْحَقُّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ ﴿٣١﴾





Maksudnya: Maka (dengan Yang demikian) Maha Tinggilah Allah yang menguasai seluruh alam, lagi yang tetap benar; tiada Tuhan melainkan Dia, Tuhan Yang mempunyai arasy yang mulia.

(Surah *al-Mu'minūn*, 23:116)

Dengan dua dalil firman-Nya ini dapat membuktikan bahawa perbezaan kerajaan Allah dengan kerajaan yang dimiliki oleh manusia, sangat berbeza malahan telah membuktikan akan kebenarannya dan menambah keyakinan akan kesempurnaan kerajaan-Nya. Hakikat ini ditegaskan lagi dalam puisi SHM secara nyata dan lebih jelas seperti berikut:

P18-3	18	39	Setiap yang berupa di hadapanmu	Tuhan yang maha Esa, tuhan yang tidak sebanding dengan apa pun
-------	----	----	---------------------------------	----------------------------------------------------------------



sebanding dengan apa pun ...”. Pada awal penyair menyebut sifat Esa Allah, yang semestinya Allahlah yang Maha Esa, tetapi disini penyair menambah lagi ungkapan “Tidak sebanding”. Menerusi ungkapan ini dapat membuktikan bahawa penyair telah mengangkat sifat Esa Allah di atas semua sifat Esa yang ada. Andai kata sifat ini dimiliki oleh sesiapa sekalipun, masih tetap berbeza dengan sifat yang dimiliki oleh Allah SWT. Dalam hal ini, sifat Esa Allah disebut dengan jelas dalam surah *al-Ikhlas*:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿۱﴾ إِلَهُ الْصَّمَدُ ﴿۲﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّدْ ﴿۳﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ ﴿۴﴾

Maksudnya: “[1] Katakanlah (Wahai Muhammad): “(Tuhandaku) ialah Allah Yang Maha Esa; [2]. “Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; [3]. “Ia tiada beranak, dan ia pula tidak diperanakkan; [4]. “Dan tidak ada sesiapapun Yang serupa denganNya”.

(Surah *al-Ikhlas*, 112: 1-4)





Perbahasan tentang ayat ini membuktikan bahawa perbezaan sifat Allah dengan makhluk-Nya sangat jelas. Tafsir *Ibnu Kathīr* bagi ayat pertama “فُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ” menjelaskan bahawa “Katakanlah (Wahai Muhammad): ”(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa”. Dalam ayat ini Imam Ibnu Kathir rahimahullah (Shahih Tafsir *Ibn Kathīr*; 2011, ms.759) berkata,

“Yakni: Dia yang pertama dan Esa, tidak ada tandingan dan pembantu, tidak ada yang setara dan tidak ada yang menyerupai-Nya, dan tidak ada yang sebanding dengan-Nya. Kata ini tidak digunakan untuk menetapkan pada siapapun selain pada Allāh SWT, kerana Dia Maha Sempurna dalam seluruh sifat-Nya dan perbuatan-perbuatan-Nya”

Selain penjelasan dalam tafsir *Ibnu Kathīr*, terdapat juga pandangan dari para ulama dalam *Tafsir al-Muyassar* tentang maksud ayat dalam sudah *al-Ikhlas* itu, iaitu: “Katakanlah wahai Rasul, ‘Dia-lah Allah Yang Esa dengan *uluhiyah* (hak diibadahi), *rububiyyah* (mengatur seluruh makhluk), *asma’ wa sifat* (nama-nama dan sifat-sifat-Nya), tidak ada satu pun yang menyekutui-Nya dalam perkara-perkara itu” (*Tafsir al-Muyassar*, ms.96).

Untuk pencerahan tentang ayat kedua, iaitu “الله الصمد” yang bermaksud: “Allah adalah *al-Samad*”, kalimah ini merupakan satu nama di antara *Asmaul Husna* yang dimiliki Allah SWT. Penjelasan para ulama Salaf tentang makna *al-Samad* berbeza. Akan tetapi semua perbezaan tersebut boleh diterima, kerana maknanya tidak bertentangan, bahkan saling melengkapi antara satu sama lain. Oleh itu, semua erti itu dapat ditetapkan pada diri Allah SWT. Inilah keterangan para ulama tentang makna *al-Samad*. Selain itu terdapat beberapa kalimat seperti “*Rabb*” di mana segala sesuatu menghadap kepada-Nya dalam memenuhi semua keperluan dan permintaan mereka. “*al-Sayyid*” (Penguasa) yang kekuasaan-Nya sempurna; *al-Syarif* (Maha Mulia) yang





kemuliaan-Nya sempurna; *al-'Azīm* (Maha Agung) yang keagungan-Nya sempurna, *al-Halīm* (Maha Sabar) yang kesabaran-Nya sempurna; *al-'Alīm* (Mengetahui) yang 'ilmu-Nya sempurna; *al-Hakīm* (Yang Bijaksana) yang kebijaksanaan-Nya sempurna. Dia adalah yang Maha Sempurna dalam seluruh sifat kemuliaan dan kekuasaan, dan Dia adalah Allah yang Maha Suci. Sifat ini tidak layak kecuali bagi-Nya. Tidak ada bagi-Nya tandingan dan tidak ada sesuatupun yang menyamai-Nya. Maha Suci Allah yang Maha Esa dan Maha Perkasa. Syaikh *Musa'id al-Tayyār* (Syaikh *Musa'id al-Tayyār* (2009), ms.267)

menyebutkan lima makna *al-Samad*, lalu berkata, “Perselisihan ini termasuk *ikhtilaf tanawwu'* (perselisihan jenis) dalam ungkapan, bukan perselisihan dalam makna. Kerana semua pendapat ini kembali kepada satu makna, iaitu sifat Allāh yang tidak memerlukan perkara yang diperlukan oleh makhluk-Nya, kerana kesempurnaan kekuasaan-Nya. Tidak perlu dirisaukan akan pengingkaran sebahagian khalaf terhadap sebahagian makna-makna yang diriwayatkan dari Salaf ini. Demikian juga anggapan mereka (khalaf) bahawa perkataan-perkataan Salaf ini tidak didukung oleh lughah (bahasa Arab). Kerana itu adalah perkataan orang yang tidak memahami tafsir Salaf, dan dia tidak mengambil faedah ketetapan makna-makna lafaz lughah (bahasa Arab) dari tafsir salaf, *Wallahu a'lam*”.



Adapun pengertian ayat yang ketiga “لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوَلَّ“، maksudnya: *Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan*, Syaikh *Musa'id al-Tayyār* (Syaikh *Musa'id al-Tayyār* (2009), ms.268) berkata,

“Iaitu: (Allah) ini Yang berhak diibadahi. Dia tidak dilahirkan sehingga akan binasa. Dia juga bukan suatu yang baru yang didahului oleh tidak ada lalu menjadi ada. Bahkan Dia adalah *al-Awwal* yang tidak ada sesuatupun sebelum-Nya, dan *al-akhir* yang tidak ada sesuatupun setelah-Nya”.

Dan ayat akhir dari surah ini “وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُراً أَحَدٌ” yang bermaksud: “Dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia”. Syaikh *al-'Uthaymin* rahimahullah berkata, “Tidak ada seorangpun yang menyamai-Nya dalam seluruh sifat-Nya”. Syaikh *Musa'id al-Tayyār hafizahullāh* berkata, “Dan tidak ada tandingan yang menyamai-





Nya dalam nama-nama, sifat-sifat dan perbuatan-perbuatan-Nya” (Syaikh *Musa’id al-Tayyār* (2009), ms.268).

Selain daripada ungkapan yang kedua ini, terdapat ungkapan yang sama dalam puisi yang berlainan. Penyair mengulangi kata-kata yang sama dengan ungkapan kedua di atas. Terdapat dalam puisi seperti di bawah:

P19-1	23	41	Pesan di detik sakaratulmaut	Tuhan yang Maha Esa tuhan yang tidak sebanding dengan apa pun
-------	----	----	---------------------------------	------------------------------------------------------------------

Ungkapan “...Tuhan yang Maha Esa tuhan yang tidak sebanding dengan apa pun...” terdapat dalam judul puisi 19, baris 23, dan muka surat 41. Selain dari tiga ungkapan di atas, terdapat ungkapan lain yang menggunakan sifat *Mukhālafatuhu līl hawādith* ini secara hakiki seperti berikut:

P26-8	32	55	Yang menguasai wujud	Demikianlah perbezaan antara sifat wujudku dengan sifat wujud-Mu
-------	----	----	----------------------	---------------------------------------------------------------------

Ungkapan ini terdapat dari judul puisi ke-26, baris ke-32, dan muka surat ke-55. Dalam ungkapan tersebut, penyair mengungkapkan “...Demikianlah perbezaan antara sifat wujudku dengan sifat wujud-Mu...”. Dalam ungkapan ini, penyair membezakan kewujudan manusia dengan kewujudan Allah SWT. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini tentang adanya Allah tidak sama dengan kejadian manusia yang memerlukan dengan proses tertentu dan tidak perlu untuk diperanakkan oleh ibu. Apa yang berbeza tentang penciptaan manusia ialah, manusia perlu melalui proses tertentu sepertimana penjelasan-Nya di dalam al-Quran:





وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلْنَةٍ مِّنْ طِينٍ ۝ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ۝  
 ثُمَّ خَلَقْنَا الْنُطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَمًا فَكَسَوْنَا  
 الْعِظَمَ لَهُمَا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا إِلَّا خَرَقَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحَسْنُ الْخَالِقِينَ ۝

Maksudnya: [12]. Dan Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; [13]. Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh; [14]. Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. Lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi sekul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.

(Surah *al-Mu'minūn*, 23:12-14)

Dengan kata lain kewujudan Allah tidak perlu kepada proses masa yang tertentu dan tarikh kesudahan, sepertimana kejadian manusia di mana setiap yang diciptakan Allah mesti merasai kematian atau kesudahan yakni kiamat.



Dengan ini jelaslah tentang sifat *Mukhālafatuhu līl-hawādīth* secara nyata (hakiki) terdapat dalam kumpulan puisi Taman Takwa, dan dapat dibuktikan tentang sifat ini tentang perbezaan Allah yang bersifat dengan “Maha” mengatasi segala sifat-sifat yang ada pada manusia atau sifat yang ada pada makhluk-Nya yang lain. Oleh kerana semua makhluk adalah ciptaan-Nya, mustahil bagi makhluk (yang dicipta) mempunyai sifat yang lebih daripada pencipta. Penjelasan secara mendalam tentang sifat perbezaan Allah diperincikan lagi dalam perbahasan yang kedua. Perbahasan tersebut merangkumi kegunaan sifat Allah *Mukhālafatuhu līl-hawādīth* dalam bentuk majaz.





#### 4.5.1.2 Sifat *Mukhālafatuhu lilḥawādīth* (مخالفته للحوادث) dalam Bentuk Majazi

Perbincangan dalam bahagian ini, akan membahaskan kepentingan sifat *Mukhālafatuhu lilḥawādīth* dari aspek majazi dalam kumpulan puisi Taman Takwa. Seperti dijelaskan sebelum ini terdapat 21 tempat dan 21 ungkapan ayat yang digunakan untuk maksud yang dapat dikaitkan dengan sifat *Mukhālafatuhu lilḥawādīth*.

Dalam analisis ini pengkaji mengemukakan lima contoh dan perbahasan berkaitan sifat tersebut seperti berikut:

P22-14	61	48	Engkau maha sempurna	Zat Yang Maha Sempurna, Zat Yang Maha Berkuasa, Zat Yang Maha Suci, Zat Yang Maha Bijaksana
P82-15	113	174	Kau memang layak disyukuri	Kau tetap Maha Agung, Kau tetap Maha Mulia- bahasanya Darjat kesempurnaan Izzati-Mu sedikit pun tidak terjejas
P88-13	238	190	Dialog dengan seorang musafir	Tak ada siapa pun yang pandai, bijaksana dan jauhari, melainkan hanya Allahlah yang pandai
P14-8	50	28	Menyingkap tabir peruntuhan budaya	Yang Maha Tinggi,dan yang Maha Adil, dan yang Maha Mutlak
P66-2	9	128	Tajalli bintang-bintang	Indahku cemburu pada keindahan-Mu

Ungkapan pertama yang digunakan oleh penyair seperti dalam puisinya seperti petikan di bawah:

P22-14	61	48	Engkau maha sempurna	Zat Yang Maha Sempurna, Zat Yang Maha Berkuasa, Zat Yang Maha Suci, Zat Yang Maha Bijaksana
--------	----	----	----------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------





Dalam judul puisi ke-22, baris ke-61 dan muka surat ke-48 ini penyair menyebutkan beberapa sifat Allah yang membezakannya dengan semua penciptaan, di mana penyair menyebut dalam puisinya "...Zat Yang Maha Sempurna, Zat Yang Maha Berkuasa, Zat Yang Maha Suci, Zat Yang Maha Bijaksana ...". Di sini penyair menyebut empat sifat yang merujuk maksud Maha iaitu Maha Sempurna, Maha Berkuasa, Maha Suci, Maha Bijaksana.

Maha sempurna Allah disini, bermaksud Allah SWT menyifati nama-nama-Nya dalam al-Qur'an dengan *al-Husna* (Maha Indah) yang bererti Maha Indah yang mencapai puncak kesempurnaan. Hal ini kerana nama-nama tersebut mengandungi sifat-sifat kesempurnaan yang tidak ada sedikitpun padanya celaan atau kekurangan jika ditinjau dari semua sisi (*al-Qawā'idul Muthlā*, ms. 21 dalam Abdullah bin



Allah SWT berfirman:

وَلِلّٰهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا وَذُرُوا أَذْرِيْنَ يُلْحِدُوْنَ فِي أَسْمَائِهِ سَيْجِزُوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُوْنَ

Maksudnya: Dan Allah mempunyai nama-nama Yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-nama-Nya. mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.

(Surah *al-A'rāf*, 7:180)

Dan firman-Nya lagi:

إِلَّذِيْنَ لَا يُؤْمِنُوْنَ بِالآخِرَةِ مَثُلُّ الْسَّوْءِ وَلِلّٰهِ الْمَثَلُ الْأَعْلَىٰ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ





Maksudnya: Bagi mereka yang tidak beriman kepada hari akhirat itu, sifat yang buruk, dan bagi Allah jualah sifat Yang tertinggi; dan Dialah Jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Surah *al-Nahl*, 16: 60).

Syaekhul Islam *Ibn Taymiyyah* berkata: “(Sifat-sifat) Maha Sempurna adalah milik Allah, bahkan Dia memiliki (sifat-sifat) yang kesempurnaannya mencapai puncak yang paling tinggi, sehingga tidak ada satu kesempurnaan pun yang tiada padanya. Celaan/kekurangan kecuali Allah SWT berhak memiliki pada diri-Nya yang Maha suci” (*al-Qawā'idul muthlā*, jld.6, ms. 71, dalam Abdullah bin Taslim, 2012).

Kesempurnaan yang paling tinggi ini ada pada nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT secara tersendiri, sehingga jika dua daripada nama-nama dan sifat-sifat-

Nya itu digabungkan atau digandingkan, sebagaimana yang banyak terdapat dalam ayat-ayat al-Qur'an, maka semakin jelas akan sifat Maha Sempurna atau *Kamālullāh* itu. Inilah yang dinamakan oleh sebahagian daripada para ulama dengan “*al-Kamālu Fawqa al-Kamāl*” (kesempurnaan di atas kesempurnaan).

Tidak diragukan lagi bahawa gandingan dua nama dan dua sifat Allah SWT ini mengandungi hikmah yang agung dan faedah yang besar dalam mengenal kesempurnaan nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT. Hal ini menunjukkan bahawa kemahasempurnaan Allah SWT disertai dengan sanjungan dan pujian yang agung bagi-Nya. Imam *Ibn al-Qayyim* berkata: “Demikianlah keseluruhan sifat-sifat Allah yang digandingkan (satu sama lain) dan nama-nama-Nya yang digabungkan dalam al-Qur'an. (*al-Qawā'idul muthlā*, ms. 71, dalam Abdullah bin Taslim, 2012).





Selain daripada sifat kesempurnaan Allah, penyair juga menggunakan sifat “*Maha Berkuasa*”. Sifat berkuasa ini atau Allah yang bersifat dengan kekuasaan-Nya, telah dibincangkan secara terperinci pada bahagian sifat *Qudrat* Allah dalam sifat *ma’āni* sebelum ini. Di sini, pengkaji akan memfokuskan perbincangan tentang kekuasaan Allah yang jelas dengan sifat Allah yang Maha Berkuasa dengan kekuasaan yang dimiliki oleh makhluk dan para hamba-hamba-Nya. Perbezaan sifat Yang Maha *Qudrat* ertinya berkuasa. Yakni sifat yang qadim lagi azali yang berdiri pada zat Allah SWT. Sifat ini memberi erti bahawa Allah mempunyai kuasa untuk mengadakan atau meniadakan sesuatu yang mungkin (berkemungkinan) dengan berkesan, selaras dengan *Irādah*-Nya (Ibnu nafis, 2008).

Kekuasaan Allah memerintah dan mentadbir sekalian makhluk-Nya dengan



Allah berkuasa untuk menentukan dan mengubah perjalanan alam dan seluruh makhluk tanpa sesuatupun yang berkecuali. Allah jualah yang menentukan dan mengubah nasib manusia. Terdapat beberapa perbezaan di antara *Qudrat* (Kuasa) Allah SWT dengan kuasa manusia. *Qudrat* Allah SWT yang bersifat *Qadim* sejak azali (memang sudah ada pada zat Allah SWT, kedua “hakiki” (berkuasa mutlaq). Yang ketiga “memberi kesan dan bekas”, yang keempat “Bersendiri” (Tidak dikongsi dengan apa juapun), dan yang kelima “Tiada Batasan”. Adapun kuasa manusia ialah, pertama: Baharu (akan hancur, binasa, tidak kekal), yang kedua: *Ikhtiyari* (manusia hanya mampu berusaha memilih dan tetap tertakluk pada kekuasaan Allah), yang ketiga: Tidak memberi bekas atau kesan atas apa yang dibuatnya. Seperti: perbuatan manusia makan nasi tidak akan memberi kekenyangan kecuali atas kekuasaan Allah yang memberikan rasa kenyang. Keempat: Berharap pada yang lain, contohnya





manusia memerlukan pertolongan, alat bantuan, pancaindera, dan amat bergantung kepada Allah. Yang terakhir atau ke lima ialah adanya batasan (Ibnu nafis, 2008).

### Menurut Ibnu Nafis (2008)

*Qudrah Allah SWT yang menentukan keberkesanan usaha dan ikhtiar manusia. Walaupun manusia mempunyai daya akal dan daya tenaga dengan berbagai-bagai penciptaan, namun daya manusia tidak dapat memastikan keberkesanannya. Belum tentu apa yang dibuat oleh manusia berjaya, memberi kesan, dapat mengubah sesuatu. Bahkan banyak yang dilihat adalah kegagalan dan akhirnya hancur binasa. Sekiranya berjaya ia adalah dengan izin Allah. Ini kerana manusia adalah amat lemah. Kita kenyang kerana Allah yang memberi kita kenyang, kita sakit dan memerlukan ubat sedangkan ubat dan apa jua tidaklah memberi kesembuhan melainkan kekuasaan Allah yang memberi kesembuhan. Lihatlah berapa ramai yang tidak sembah dari sakitnya. Ada manusia yang ingin mengubah wajahnya agar menjadi cantik, tetapi cantiknya itu akan pudar juga dan pasti akan hancur bila berada di dalam kubur. Sedang kecantikan itu tiada manfaat pada dirinya di alam kubur.*



Manusia berusaha mencari jalan agar berumur panjang, bahkan ada juga yang tidak mahu memikirkan kematian kerana terlalu disibukkan dengan dunia. Malangnya kematian sentiasa berlaku tanpa mengira masa, kerana kekuasaan-Nya yang mencabut segala kelazatan yang ada pada diri kita. Oleh itu, yang menentukan kejayaan hidup manusia bukanlah manusia atau alat-alat ciptaannya, tetapi Allah SWT. Sebab itu kita berusaha bersungguh-sungguh, dengan bersungguh-sungguh kita berdoa dan bertawakal kepada Allah SWT.

Selain itu penyair juga menyebut dua lagi sifat Allah, Zat Yang Maha Suci, Zat Yang Maha Bijaksana. Sifat Allah Maha Bijaksana salah satu *Asmāul Ḥusnā* adalah **الْحَكِيمُ** (*al-Hakīm*). Ertinya yang memiliki hikmah yang tinggi dalam penciptaan-Nya dan perintah-perintah-Nya atau yang memperbagus seluruh makhluk-Nya sebagaimana firman-Nya:





أَفَحُكْمُ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْعُونَ<sup>٢</sup> وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ

Maksudnya: Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliyah? padahal - kepada orang-orang yang penuh keyakinan - tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih pada daripada Allah.

(Surah *al-Mâ'idah*, 5: 50)

Maka Allah tidak akan menciptakan sesuatu yang sia-sia dan tidak akan mensyariatkan sesuatu yang tiada manfaatnya. al-Shaikh Abdurrahman *al-Sa'idi* mengatakan:

"Hikmah Allah ada dua jenis: Pertama, hikmah dalam penciptaan-Nya. Kerana sesungguhnya Allah menciptakan makhluk-Nya dengan benar dan mengandung kebenaran. Allah menciptakan makhluk seluruhnya dengan sebaik-baik aturan. Allah juga mengaturnya dengan aturan yang paling sempurna. Kepada setiap makhluk Allah diberikan pula perkara yang sesuai dengannya. Bahkan Allah memberikan bentuk masing-masing kepada setiap bahagian dari bahagian-bahagian makhluk dan setiap anggota tubuh badan dari makhluk itu. Sehingga setiap orang tidak akan melihat pada ciptaan-Nya



Seandainya seluruh makhluk dari awal hingga akhir bersatu padu untuk mengusulkan suatu bentuk penciptaan seperti ciptaan Allah atau yang mendekati ketetapan Allah pada makhluk-Nya berupa keindahan dan keteraturan, maka mereka tidak akan mampu. Dari mana mereka akan mampu melakukannya, meski sedikit saja. Cukuplah bagi para ahli hikmah atau para cendekiawan untuk mengetahui banyak hal dari hikmah-hikmah Allah dan melihat sebahagian keindahan dan ketelitian yang ada padanya.

Ini merupakan suatu hal yang sangat diketahui secara pasti, berdasarkan apa yang diketahui dari keagungan-Nya dan kesempurnaan sifat-sifat-Nya. Juga dengan menelusuri hikmah-hikmah-Nya dalam penciptaan dan perintah-perintah-Nya. Allah juga telah menentukan dan minta para hamba-hamba-Nya untuk memerhatikan serta





berulangkali melihat dan memerhatikan lagi. Apakah mereka mendapati pada makhluk-Nya ada kekurangan dan cacat, dan bahawa pandangan mereka tentu akan kembali dalam keadaan lemah untuk mengkritik sedikit saja dari makhluk-Nya.

Menurut Qomar (2011) Hikmah yang kedua: ialah hikmah dalam syariat dan perintah-Nya. Sesungguhnya Allah meletakkan syariat-syariat dan menurunkan kitab-kitab, mengutus para rasul agar mereka memperkenalkan Allah kepada hamba-hamba-Nya dan agar hamba-hamba beribadah kepada-Nya. Hikmah mana lagi yang lebih agung darinya, dan keutamaan serta kemuliaan apa yang lebih besar darinya. Sesungguhnya mengenal Allah dan beribadah kepada-Nya tanpa mempersekuatkan-Nya serta mengikhlaskan amal kepada-Nya, memuji-Nya, bersyukur kepada-Nya, menyanjung-Nya, itu merupakan kurnia-Nya yang terbesar kepada hamba-hamba-Nya



Keutamaan yang terbesar bagi orang yang Allah beri kurnia kepadanya dan kebahagiaan yang sempurna bagi *kalbu* dan *arwah*. Sebagaimana hal itu juga merupakan satu-satunya jalan menuju kebahagiaan yang abadi dan kenikmatan yang kekal. Kalauumlah tidak ada dalam syariat-Nya dan perintah-Nya kecuali hikmah yang agung ini, yang mana hal itu merupakan asal usul segala kebaikan dan kenikmatan yang paling sempurna, keranayalah diciptakan makhluk dan berhak mendapatkan pembalasan, bahkan kerananya juga diciptakan *al-Jannah* (Syurga) dan *al-Nār* (neraka), maka itu sudah cukup. Perbahasan ini juga dapat dikaitkan dengan ungkapan puisi seperti berikut:

P66-2 | 9 | 128 | Tajalli bintang-bintang | Indahku cemburu pada keindahan-Mu





Yang mana di sini penyair menggunakan dan membezakan keindahan Allah dengan keindahannya (penyair), dengan jelas di atas bahawa semua ciptaan yang diciptakan oleh-Nya dengan kebijaksanaan Allah, Allah menciptakan semuanya dengan indah dan sempurna. Selain itu penyair juga membandingkan kepandaian di dalam ungkapan puisi

P88-13	238	190	Dialog dengan seorang musafir	Tak ada siapa pun yang pandai, bijaksana dan jauhari, melainkan hanya Allahlah yang pandai
--------	-----	-----	-------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------

Jelas bahawa perbahasan di atas tentang sifat *Hakim* Allah SWT. Dengan ungkapan dan perbahasan tentang sifat *Mukhālafatuhu līl-hawādith* di atas dapat membuktikan bahawa sifat ini juga terdapat peranan yang banyak dan juga



Selain sifat ini berupaya membezakan pembaca dengan keadaan makluk Allah, dapat juga menyakinkan para pembaca dengan keagungan Allah dan kemuliaan-Nya yang tetap berbeza dengan semua makhluk-Nya, seperti dalam firman-Nya

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

Maksudnya: Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan (Zat-Nya, sifat-sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.

(Surah *al-Shūra*, 42:11)





#### 4.5.1.3 Sifat *Mukhalafatuhu lilhawādīth* dalam konsep *Kamālullāh*

Sifat *Mukhalafatuhu lilhawādīth* bermaksud Allah yang menyalahi daripada semua makhluk-Nya. Sememangnya Allah bersifat dengan maha sempurna dan dengan inilah membezakan sifat Allah dengan sifat yang dikurniakan kepada makhluk-Nya. Sifat ini juga adalah salah satu sifat yang dapat membuktikan kesempurnaan Allah yang sejajar dengan prinsip Tuhan yang bersifat *Kamāl* dalam teori *Takmilah*, bahkan dengan sifat ini juga dapat menanamkan kita akan kesempurnaan Allah dalam konteks *Kamālullāh* (Salehuddin, 2004, ms.226,229).

Konsep ini juga bermaksud jika Allah tidak bersifat *mukhalafatuhu lilhawādīth* bererti Allah itu sama dengan yang baharu. Setiap yang baharu adalah kena jadi iaitu adanya semua yang baharu itu adalah dijadikan. Setiap yang baharu juga tidak akan kekal kerana akan didatangi perubahan. Jika Allah itu sama dengan yang baharu bererti Allah juga kena jadi iaitu ada yang menjadikan Allah. Dan jika Allah itu sama dengan yang baharu, ini bererti juga Allah itu tidak kekal adanya iaitu Allah akan musnah pada akhirnya. Ini semua dapat membuktikan sifat Kamalullah juga sememangnya perlu bersifat dengan sifat *Mukhalafatuhu lilhawādīth*.

Akal tidak dapat menerima bahawa Allah yang mempunyai sifat ketuhanan adalah “kena jadi” dan akan musnah. Tuhan yang mempunyai sifat ketuhanan tidak mungkin bersifat kekurangan dan kelemahan. Maka adalah wajib bagi Allah SWT bersifat *Mukhalafatuhu lilhawādīth* dan mustahil bersifat *Mumathalatu lilhawādīth*. Sifat *istighna'* ialah sifat ketuhanan terkaya dari sekelian alam. Hal ini bermaksud Allah adalah terkaya kerana *Wujūd*-Nya tidak ada yang menjadikan dan *Wujūd*-Nya kekal, tidak ada yang boleh memusnahkan-Nya. Ini adalah sifat *Qidam* dan *Baqā'* iaitu sifat ketuhanan yang tidak boleh ada pada yang baharu. Semua ini dapat dikaitkan dengan konsep tuhan yang bersifat dengan *Kamālullāh* dan sejajar dengan prinsip Tuhan yang bersifat *Kamāl* dalam teori *Takmilah*.





#### 4.5.2 Sifat *Wahdāniyah* (وحدانية)

*Wahdāniyah* ertinya Esa atau Satu, adalah sifat *salbiyah* ertinya sifat yang mencabut atau menolak keberadaan Allah lebih daripada satu. Dalam erti lain bahawa Allah itu Satu atau Esa tidak ada Tuhan selain-Nya. Dia Esa atau Satu dalam zat, sifat dan perbuatan-Nya. Allah itu Esa dalam zat-Nya. ertinya bahawa zat Allah satu, tidak tersusun daripada unsur-unsur atau anggota badan dan tidak ada satupun zat yang menyamai zat Allah. Allah itu satu dalam sifat-Nya ertinya bahawa sifat Allah tidak terdiri daripada dua sifat yang sama, dan tidak ada sesuatupun yang menyamai sifat Allah. Allah itu satu dalam *fi'il* (perbuatan) ertinya bahawa hanya Allah yang memiliki perbuatan, dan tidak ada satupun yang dapat menyamai perbuatan Allah.



perbuatan-Nya. Meyakini keesaan Allah merupakan prinsip, sehingga seseorang dianggap Muslim atau tidak, tergantung pada pengakuan tentang keesaan Allah. Maka untuk seseorang menjadi muslim, ia harus bersaksi terhadap keesaan Allah, iaitu dengan membaca syahadat yang berbunyi “Aku bersaksi tiada Tuhan selain Allah” (Hasan Husen Assagaf, 2010).

Meyakini keesaan Allah juga merupakan inti ajaran para Nabi, sejak Nabi Adam AS sehinggalah Nabi Muhammad SAW. Jika keyakinan ini sudah diterapkan dari dahulu, maka mustahil Allah itu lebih dari satu. Mustahil Allah itu banyak (*Ta'addud*) seperti dua, tiga, empat dan seterusnya. Allah itu Maha Kuasa. Jika ada Allah lebih dari satu, dan bekerjasama, bererti mereka itu lemah dan tidak berkuasa, dan jika mereka berselisihan, maka terjadi sengketa antara mereka. Jadi mustahil





Allah itu lebih dari satu. Kalau lebih dari satu, maka Dia bukan yang Maha Kuasa lagi. Hai ini dijelaskan dalam firman-Nya:

لَوْ كَانَ فِيهِمَا إِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا فَسُبْحَنَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. maka (bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan): Maha suci Allah, Tuhan Yang mempunyai Arasy, dari apa yang mereka sifatkan.

(Surah *al-Anbiya'*, 21: 22)

Dengan menghayati sifat *Wahdāniyah* ini, akan terhindar daripada berbagai faham yang boleh menyesatkan tentang keesaan Allah. Dapatkan kajian tentang sifat *Wahdāniyah* dalam puisi SHM, menunjukkan terdapat 21 bait dicatatkan oleh penyair berkaitan sifat *Wahdāniyah* Allah, dari 21 ungkapan terdapat 12 tempat atau 12 ungkapan puisi yang digunakan penyair dengan lafaz yang jelas dan menggunakan kata asal menunjuk sifat *Wahdāniyah* ini iaitu Satu atau Esa seperti Jadual 4.11,



#### Jadual 4.11

##### *Sifat Wahdāniyah dalam Puisi Taman Takwa*

Bil	Kod	Brs	M/s	Judul	Puisi – puisi
1.	P2-4	5	4	Alam semesta ini	Sekali aku mengenal Allahuakbar-Mu – aku mengenal bahawa Engkau adalah Allahu Ahad
2.	P5-9	25	10	Perjanjian dengan tuhan	Jibrail itu adalah hamba-Mu, Isa itu juga hamba-Mu, kedua-duanya bukan sebahagian daripada sembahannya
3.	P5-10	34	11	Perjanjian dengan tuhan	Tuhan yang disembah hanya satu sahaja: hanya Allah- Tuhan yang maha Esa

*(bersambung)*





### Jadual 4.11 (*Sambungan*)

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Brs</b>	<b>M/s</b>	<b>Judul</b>	<b>Puisi – puisi</b>
4.	P5-12	38	11	Perjanjian dengan tuhan	Alangkah ngeri dan dahsyatnya dakwaan mereka yang mengatakan: Tuhan mempunyai anak!
5.	P5-14	47	11	Perjanjian dengan tuhan	Tuhan yang maha Esa
6.	P8-2	12	16	Di negeri ibadah	Demi sifat dan zat-Mu, Lailahaillallah Allah Rabbulalamin
7.	P10-3	62	21	Di tanah perkuburan ini	Gema syahadah Lailahaillallah berkumandang dari lubang ke lubang
8.	P34-1	21	70	Ada dua jenis seruling	Cintaku kepada-Mu – Kau Yang satu saja
9.	P52-3	22	99	Fikiran untuk memikirkan	Engkau Zat Yang Esa
10.	P68-1	4	133	Kenalilah syahadah	Tiada tuhan yang kuseambah melainkan Allah
11.	P69-2	42	135	Kenalilah solat	Allah- Tuhan Yang Maha Esa
12.	P70-3	54	137	Kini zaman nabi Muhammad rasulullah	Bahawa al-Quran adalah Gunung Tauhid-Mu
13.	P72-14	61	143	Kukenali khazanah-Mu	Tuhan Yang Maha Esa
14.	P73-10	16	144	Allah mencintai keindahan	Maha Esa
15.	P74-5	119	150	Ziarah mata rohaniku	Tuhan yang maha Esa Allah ialah Tuhan yang Maha Pengurnia dan Maha Mengasihani
16.	P74-6	164	151	Ziarah mata rohaniku	Tuhan yang Esa
17.	P79-4	29	162	Definisi orang yang mencintai Allah	Tuhan Yang Maha Agung
18.	P79-5	29	162	Definisi orang yang mencintai Allah	Tuhan Yang Maha Esa
19.	P84-7	38	179	Kun faya kun	Ini juga bayangan keagungan-Mu
20.	P86-8	14	182	Di wadi takwa	Semua Rangkaian Permata Keagungan-Mu
21.	P88-11	227	190	Dialog dengan seorang musafir	Allah itu satu





#### 4.5.2.1 Sifat *Wahdāniyah* (وحدةنية) dalam Bentuk Hakiki

Sifat *Wahdāniyah* Allah dalam puisi Taman Takwa secara hakiki terdapat 12 tempat daripada keseluruhan 21 bait puisi seperti berikut:

P2-4	5	4	Alam semesta ini	Sekali aku mengenal Allahuakbar-Mu – aku mengenal bahawa Engkau adalah Allahu Ahad
P5-10	34	11	Perjanjian dengan tuhan	Tuhan yang disembah hanya satu sahaja: hanya Allah- Tuhan yang maha Esa
P34-1	21	70	Ada dua jenis seruling	Cintaku kepada-Mu – Kau Yang satu saja

Seperti ungkapan pertama ini



Ungkapan yang dipetik dari judul ke-2, baris ke-5, muka surat ke-4, penyair mengungkapkan "... Sekali aku mengenal Allahuakbar-Mu – aku mengenal bahawa Engkau adalah Allahu Ahad...". Kata *Allahuakbar* atau takbir yang dikaitkan dengan *Allahu Ahad*, adalah untuk membesarkan Allah. Dengan kata lain Allah Maha Besar dari alam semesta ini, dari segalanya, termasuk dari perbagai masalah yang kita hadapi dalam hidup kita, dan daripada segala ucapan yang menghina, mahupun dari segala pembakangan makhluk.

Pada saat kita mula mendirikan solat dan melafazkan takbir "*Allahu Akbar*", maka itulah garis pemutus antara kita dan dunia. Kita tinggalkan semua urusan dunia, kita tidak fikirkan urusan hutang, beban berat kerajaan pada saat *Allahu Akbar*





diucapkan pada awal solat. Kita membesarkan Allah, kita kecilkan diri kita, siapa yang bertakbir, maka dia tidak akan punya sifat *kibir* (takabur). Dia faham sesungguhnya bahawa dirinya tidak bererti apa-apa di depan kemahabesaran Allah. Keangkuhan diri musnah seketika bersama takbir. Dalam konteks ini Allah SWT berfirman:

وَقُلْ أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَنَحَّ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ  
وَلِيٌّ مِّنَ الْأَذْلِ وَكَبِيرٌ تَكْبِيرًا ﴿١١﴾

Maksudnya: "Dan katakanlah: "Segala puji tertentu bagi Allah Yang tiada mempunyai anak, dan tiada baginya sekutu dalam urusan kerajaan-Nya, dan tiada baginya penolong disebabkan sesuatu kelemahan-Nya; dan hendaklah engkau membesarkan serta memuliakan-Nya dengan bersungguh-sungguh!"



Selain ayat ini terdapat banyak lagi ayat-ayat Allah yang dapat membuktikan bahawa kata *Allahuakbar* atau takbir itu hanya diungkapkan kepada Allah yang Maha Esa (Satu) sahaja. Misalnya ungkapan puisi yang berikut:

P5-10	34	11	Perjanjian dengan tuhan	Tuhan yang disembah hanya satu sahaja: hanya Allah- Tuhan yang maha Esa
-------	----	----	-------------------------	----------------------------------------------------------------------------

Dalam ungkapan puisi ini penyair mengatakan "...Tuhan yang disembah hanya satu sahaja: hanya Allah- Tuhan yang maha Esa ...". Penyair mengaitkan sifat keesaan Allah itu dengan pengabdian kepada Allah. Hal ini sangat penting kepada kita dalam pengabdian diri kepada Allah atau dalam aspek ibadah.





Menurut Yazid bin Abdul Qadir (2007). Ibadah adalah taat kepada Allah dengan melaksanakan perintah-Nya melalui lisan para Rasul-Nya. Ibadah juga bererti merendahkan diri kepada Allah SWT, iaitu tingkatan tunduk yang paling tinggi disertai dengan rasa *mahabbah* (kecintaan) yang paling tinggi. Ibadah dalam kata lain adalah sebutan yang mencakup seluruh apa yang dicintai dan direhsti Allah, baik berupa ucapan atau perbuatan, yang zahir maupun yang batin. Yang ketiga ini adalah definisi yang paling lengkap.

Ibadah pula menjadi ibadah hati, lisan dan anggota badan. Rasa *khawf* (takut), *raja'* (mengharap), *mahabbah* (cinta), *tawakkal* (ketergantungan), *raghbah* (senang), dan *rahbah* (takut) adalah ibadah *qalbiyah* (yang berkaitan dengan hati). Sedangkan tasbih, tahlil, takbir, tahmid dan syukur dengan lisan dan hati adalah ibadah *lisaniyah qalbiyah* (lisan dan hati). Sedangkan solat, zakat, haji, dan jihad adalah ibadah *badaniyah qalbiyah* (fisik dan hati). Selain itu terdapat pelbagai lagi ibadah yang berkaitan dengan amalan hati, lisan dan badan. Ibadah inilah yang menjadi tujuan penciptaan manusia. Allah berfirman:

وَمَا حَلَقْتُ لِجِنَّ وَالإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ ﴿٥١﴾ مَا أُرِيدُ مِنْهُمْ مِنْ رِزْقٍ وَمَا أُرِيدُ أَنْ يُطْعِمُونَ ﴿٥٢﴾ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الرَّزَاقُ ذُو الْقُوَّةِ الْمَتِينُ

Maksudnya: [56]. Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku. [57]. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepada-Ku. [58]. Sesungguhnya Allah Dialah sahaja Yang memberi rezeki (kepada sekalian makhluk-Nya, dan Dia lah sahaja) Yang mempunyai kekuasaan Yang tidak terhingga, lagi Yang Maha kuat kukuh kekuasaan-Nya.

(Surah *al-Zāriyat*, 51: 56-58)





Allah memberitahu bahawa hikmah penciptaan jin dan manusia supaya mereka melaksanakan ibadah hanya kepada Allah. Allah Maha Kaya, tidak berhajat daripada ibadah mereka, akan tetapi mereka yang memerlukan-Nya, kerana kebergantungan mereka kepada Allah, maka barang siapa yang menolak beribadah kepada Allah, mereka merupakan manusia yang sompong.

Selain itu dalam ungkapan ketiga puisi ini penyair menulis:

P34-1	21	70	Ada dua jenis seruling	Cintaku kepada-Mu – Kau Yang satu saja
-------	----	----	------------------------	-------------------------------------------

Penyair mengatakan “... Cintaku kepada-Mu – Kau Yang Satu saja ...” cinta yang seharusnya kita berikan yang terutama ialah kepada Allah yang Satu sahaja, yang dimaksud cinta kepada Allah ialah hendaknya Allah SWT yang paling dicintai daripada semua manusia melebihi dirinya, kedua orang tuanya, dan semua yang dimilikinya. Terdapat beberapa ayat mewajibkan muslim cinta kepada Allah SWT, antaranya kerana Allah SWT berkata tentang orang-orang yang dicintai-Nya:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحِبِّكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبُكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣١﴾

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

(Surah *Ali ‘imrān*, 3: 31)

Selain itu kita dituntut untuk mencintai Allah yang Maha Esa, kita juga harus ingat dan hal tersebut dibolehkan oleh-Nya untuk mencintai orang lain, namun hal itu disyaratkan apabila cinta tersebut tidak sampai melebihi cinta kepada Allah. Apabila





ia lebih mengutamakan cinta makhluk daripada cinta Allah, maka hal ini terlarang.

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

[24]. Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agama-Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan-Nya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang Yang fasik (derhaka).

(Surah *al-Tawbah*, 9: 24)

Ayat di atas menunjukkan kecintaan kepada mereka itu boleh dalam batasan tertentu, dan hal itu bukan cinta ibadah. Namun, jika hal tersebut melebihi cintanya kepada Allah, maka hal itu akan menjadi sebab mendapatkan seksa. Dari sini kita mengetahui seseorang yang meremehkan perintah-perintah Allah dan mengutamakan perintah orang tuanya. Hal ini menunjukkan kecintaannya kepada mereka jauh lebih besar daripada cintanya kepada Allah SWT. Sesungguhnya setiap orang yang beriman mengaku cinta kepada Allah SWT. Cara untuk mendapatkan cinta Allah telah paparkan dengan huraiyan yang singkat di atas, antaranya dengan *ittiba'* (mengikuti) Rasulullah SAW dan memperbanyak amal-amal sunnah. Barang siapa diantara kita besar *ittiba'nya* kepada Rasulullah SAW dan banyak melakukan amalan-amalan sunnah, maka cinta Allah akan diperolehinya. Dari tiga ungkapan tersebut dapat membuktikan bahawa sifat *Wahdāniyah* Allah diterapkan oleh penyair dalam puisi Taman Takwa, sekaligus menunjukkan kepentingan sifat dalam memahami konsep sifat Allah yang *Kamāl* (Maha Sempurna).





#### 4.5.2.2 Sifat *Wahdāniyah* (وحدة) dalam Bentuk Majazi

Sifat *Wahdāniyah* yang diaplikasi oleh penyair secara majaz terdapat sembilan ungkapan daripada keseluruhan bait puisi dalam sifat *Wahdāniyah*.

Pengkaji akan kengemukakan beberapa contoh untuk menghuraikan tentang sifat *Wahdāniyah* seperti berikut:

P5-9	25	10	Perjanjian dengan tuhan	Jibrail itu adalah hamba-Mu, Isa itu juga hamba-Mu, kedua-duanya bukan sebahagian daripada sembahannya
------	----	----	-------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------

Dari judul ke-5, baris ke-25, mula surat ke-10, penyair mengungkapkan “...



Jibrail itu adalah hamba-Mu, Isa itu juga hamba-Mu, kedua-duanya bukan sebahagian daripada sembahannya...”. Hal ini menjelaskan bahawa penyair menafikan dakwaan semua pihak tentang Jibrail (Jibril) dan juga Nabi Isa, yang mana sebahagian agama mendakwa tentang mereka ada kaitan dengan Allah SWT dalam aspek talian darah dan aspek ibadah. Hal ini seperti dalam firman-Nya

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا إِلَهُ وَاحِدٌ وَإِنْ لَمْ يَنْتَهُوا عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمَسَّنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: Demi Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah salah satu dari tiga tuhan". padahal tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Tuhan Yang Maha Esa. dan jika mereka tidak berhenti dari apa yang mereka katakan itu, sudah tentu orang-orang yang kafir dari antara mereka akan dikenakan azab seksa yang tidak terperinci sakitnya.

(Surah *al-Mā'idah*, 5: 73)





Ayat di atas membuktikan sifat *Wahdāniyah* Allah. Selain itu ungkapan lain yang membawa maksud yang sama seperti terdapat dalam ungkapan berikut:

P68-1 | 4 | 133 | Kenalilah syahadah | Tiada tuhan yang ku sembah melainkan Allah

Pada Potongan judul ke-68, baris ke-4, muka surat ke-133 ini penyair menggunakan ayat “... Tiada tuhan yang ku sembah melainkan Allah ...” dengan kata-kata ini penyair menafikan tuhan yang lain selain tuhan yang Maha Esa, iaitu Allah SWT, yakni Allah sahajalah yang berhak disembah dan dipatuhi perintah-Nya.

#### 4.5.2.3 Sifat *Wahdāniyah* (وحدةٌ) dalam Konsep *Kamālullah*



Dapatan kajian membuktikan bahawa sifat *Wahdāniyah* walaupun tidak disebut secara jelas juga disebut secara menafi dan dengan maksud yang tertentu yang dapat dikaitkan dengan sifat tersebut. Begitu jelas bahawa dalam hal ini penyair menggunakan sifat *Wahdāniyah* dalam bentuk kata asal yang dapat dikaitkan dengan sifat *Wahdāniyah*-Nya. Maka dengan sifat ini juga dapat membuktikan dan meyakinkan bahawa Allah sememangnya bersifat dengan *Kamāl*, sejajar dengan prinsip pertama teori *Takmilah* iaitu Tuhan yang bersifat *Kamāl*.





#### 4.6 Rumusan Analisis Konsep *Kamālullāh*

Pengkaji telah menganalisis sifat-sifat Allah yang digunakan oleh penyair dalam puisinya. Didapati bahawa penyair telah menggunakan kesemua 20 sifat Allah. Sifat yang paling banyak yang digunakan oleh penyair ialah sifat *Qudrah*, di mana sifat ini tergolong dalam kategori *ma‘ānī* yang terdapat sebanyak 124 ungkapan atau frasa. Seterusnya ialah sifat *Irādah*. Dalam kategori *ma‘ānī* terdapat 94 ungkapan sifat ini dan seterusnya sifat *Kawnuhu Samī‘an*. Sifat ini tergolong dalam kategori *ma‘nawī* iaitu sebanyak 35 ungkapan. Seterusnya sifat *Sama‘*, dalam kategori *ma‘ānī* ditemui 30 ungkapan.

Sifat *Mukhlafatuhu lilhawādīth* dalam kategori *salbiyah* mencatat 25



ungkapan. Seterusnya sifat *Kawnuhu ‘Aliman*, dalam kategori *ma‘nawī* mencatat 24 ungkapan. manakala sifat *Kawnuhu Qādiran* dalam kategori *ma‘nawī* mencatat 23 ungkapan. sifat *Kawnuhu Murīdan*, yang terdapat dalam kategori *ma‘nawī* mencatat 23 ungkapan. Seterusnya sifat *Wujūd*, dalam kategori *nafsiyah* berjumlah 23 ungkapan. manakala sifat *Wahdāniyah* dalam kategori *salbiyah* terdapat 21 ungkapan.

Seterusnya sifat *‘Ilmu* dalam kategori *ma‘ānī* terdapat 18 ungkapan, sifat

*Baqā‘* dalam kategori *salbiyah* terdapat 15 ungkapan, sifat *Kawnuhu Baṣīran* dalam kategori *ma‘nawī* terdapat 14 ungkapan, sifat *Baṣar* dalam kategori *ma‘ānī* terdapat 10 ungkapan, seterusnya sifat *Qiāmuhu binafsih* dalam kategori *salbiyah* terdapat lapan ungkapan.





Seterusnya sifat *Kalām* dalam kategori *ma‘ānī* terdapat lima ungkapan, sifat *Hayāt* dalam kategori *ma‘ānī* terdapat empat ungkapan, sifat *Kawnuhu Hayan* dalam kategori *ma‘nawī* terdapat tiga ungkapan, sifat *Qidam* dalam kategori *salbiyah* terdapat tiga ungkapan, dan yang paling sedikit yang digunakan oleh penyair ialah sifat *Kawnuhu Mutakalliman* yang tergolong dalam kategori *ma‘nawī* hanya ditemui dua ungkapan sahaja.

Dapatan kajian membuktikan bahawa sememangnya terdapat wacana *Kamālullāh* dalam aspek 20 sifat Allah. Sejajarlah dengan teori *Takmilah* yang mana Shafie Abu Bakar senaraikan untuk mencapai *Takmilah*, mestilah meliputi prinsip yang mana salah satu darinya ialah prinsip Tuhan yang bersifat *Kamāl*.



#### 4.7 Kesimpulan

Berdasarkan analisis puisi Taman Takwa ini dapat diringkaskan bahawa terdapat 504 ungkapan atau bait puisi yang dapat dikaitkan dengan sifat-sifat Allah yang bersifat dengan *Kamāl*. Daripada 504 ini, sifat yang paling kerap ditemui ialah sifat *Qudrat*, *Iradah*, *Kawnuhu Samī‘an*, *Sama‘*, *Mukhālafatuhu lilhawādith*, manakala kategori yang paling banyak dikesan ialah kategori *ma‘ānī*. Kesemua 20 sifat Allah yang telah dianalisis ini bertujuan mendorongkan ke arah menegakkan sifat Allah yang Maha Sempurna atau Allah yang bersifat dengan *Kamālullāh*.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

si

## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Perbincangan dalam bab ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama merupakan rumusan analisis dan perbincangan Bab Empat. Bahagian kedua pula ialah rumusan secara komprehensif kajian yang meliputi permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, analisis dan dapatan kajian. Manakala bahagian yang ketiga membincangkan cadangan-cadangan yang berkaitan daripada rumusan keseluruhan kajian ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 5.2 Perbincangan

Kajian yang berkaitan teori *Takmilah* telah banyak dilakukan oleh para penyelidik dengan mengfokuskan kepada tujuh prinsip yang telah digariskan oleh Shafie Abu Bakar. Namun, setakat penelitian pengkaji belum terdapat kajian dari aspek *Kamālullāh* atau wacana yang berkaitan dengannya. Analisis terhadap kumpulan puisi *Taman Takwa* (2009) oleh Suhaimi Hj. Muhammad adalah berdasarkan prinsip pertama dalam teori *Takmilah* iaitu prinsip Tuhan yang bersifat *Kamāl* dengan mengambil kira aspek 20 sifat Allah yang telah digariskan oleh ulama tauhid. Kajian ini telah menemukan beberapa perkara penting seperti yang boleh dirumuskan bahawa Allah sememangnya bersifat *Kamāl* yang bermaksud Maha Sempurna atau bersifat dengan *Kamālullāh*.



Apabila *Kamālullāh* dikaitkan dengan 20 sifat yang wajib bagi Allah telah mengukuhkan lagi maksud bahawa Allah sememangnya layak bersifat dengan *Kamāl*. 20 sifat yang telah dijelaskan sebelum ini membuktikan hubungan erat dengan sifat *Kamāl* Allah. Seandainya kurang salah satu daripada sifat tersebut, maka boleh mengubah sifat *Kamāl* Allah kepada tidak *Kamāl* (tidak sempurna). Sepertimana sifat *Sama'* yang bermaksud Maha mendengar, sekiranya Allah tidak mempunyai sifat tersebut, atau sifat *Sama'* Allah sama dengan pendengaran manusia, maka rosaklah sifat yang layak bagi Allah itu.

Maka jelaslah bahawa kesemua sifat 20 itu berhak dimiliki oleh Allah sahaja. Dibuktikan juga bahawa penyair menggunakan kesemua sifat Allah yang 20 itu dalam puisi ini. Justeru, semua perbincangan di atas menjuruskan kepada Allah yang bersifat





dengan *Kamāl*, untuk menuju kepada *Takmilah* yang bersifat kesempurnaan dalam semua aspek yang mana telah dijelaskan dalam prinsip yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar. Secara keseluruhan terdapat 20 sifat Allah diterapkan dalam puisi Taman Takwa. Sifat yang paling banyak ialah sifat *Qudrat* yang bermaksud Maha Kuasa. Gabungan 20 sifat Allah tersebut telah menjelaskan dengan lebih terperinci kepentingan sifat *Kamālullāh* dalam bentuk puisi dan motif penyair agar dapat dihayati dalam kerangka beribadah kepada Allah SWT.

Dua objektif yang ditetapkan telah dicapai menerusi terapan dan analisis sifat-sifat Allah yang terdapat dalam puisi yang dikaji. Pengkaji mengeluarkan semua sifat-sifat Allah yang terdapat dalam puisi Taman Takwa yang merujuk kepada *Kumpulan Puisi Taman Takwa* (2009) oleh Suhaimi Hj. Muhammad terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Berdasarkan sifat-sifat yang diperoleh, pengkaji telah menyenaraikan sifat-sifat yang paling banyak yang telah diungkapkan oleh penyair.

Analisis dalam Bab Empat juga telah menjawab objektif yang kedua, iaitu menganalisis ungkapan-ungkapan yang dapat dikaitkan wacana *Kamālullāh*. Berdasarkan analisis yang dijalankan dalam Bab Empat, rumusan dapatan telah diperincikan, maka secara tidak langsung kajian telah berjaya menjawab soalan-soalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab awal

Kajian ini telah mengemukakan dua soalan sebagai asas untuk dijawab dalam kajian ini iaitu, apakah unsur-unsur tuhan yang bersifat *Kamālullāh* yang terdapat dalam kumpulan puisi Suhaimi Hj. Muhammad. Dan yang kedua apakah wacana yang





berkaitan sifat *Kamālullāh* yang terdapat dalam kumpulan puisi Suhaimi Hj. Muhammad.

Perbincangan dalam Bab Tiga dan Bab Empat telah menjawab soalan pertama, iaitu sifat Allah yang terdapat daripada 88 judul puisi yang ditulis oleh penyair di mana hanya 79 judul puisi sahaja yang ada di dalam cetakan ini. Maka dari 79 puisi ini terdapat 504 ungkapan puisi yang mengandungi sifat *Kamālullāh* yang berkaitan dengan 20 sifat yang wajib bagi Allah. Sifat yang paling banyak dalam analisis ini ialah sifat *Qudrah*, meliputi 204 bait dalam bentuk hakiki dan majazi. Seterusnya sifat yang kedua ialah sifat *Irādah* yang terdapat 94 tempat. Manakala sifat *Kawnuhu Samī‘an* 35 tempat. Seterusnya sifat Allah *Sama‘* terdapat 30 tempat. Seterusnya sifat Allah *Mukhālafatuhu lilhawādith* terdapat 25 tempat, *Kawnuhu Qādiran* terdapat di



24 tempat sama dengan dapatan sifat *Kawnuhu ‘Aliman*. Sifat-sifat yang lain terdapat dalam bilangan yang kecil dan mendatar. Kategori sifat *ma‘ānī* adalah yang paling banyak didapati di dalam kumpulan puisi ini.

Jawapan kepada soalan kajian kedua turut dikupas dalam Bab Empat. Setelah analisis dijalankan keatas kumpulan puisi ini terdapat 504 ungkapan puisi yang digunakan wacana berkaitan sifat *Kamālullāh* dengan sifat-sifat yang wajib diketahui ialah 20 sifat. Setelah itu dianalisis ungkapan-ungkapan yang ditulis oleh penyair membuktikan bahawa penyair berjaya membawa pembaca mengenali sifat *Kamālullāh* dengan cara tidak langsung cara yang digunakan ini seharusnya diwarisi pengkarya yang moden untuk membawa pembaca kepada syair yang berunsur agama dan islami. Data selanjutnya menunjukkan penyair lebih menekankan pendekatan *ma‘ānī* berbanting *ma‘nawi* dalam menyampaikan sifat-sifat *Kamālullāh* kepada





pembaca menerusi puisinya. Berdasarkan Jadual 4.1 ms. 75 menunjukkan bahawa sifat dalam kategori *ma'ānī* iaitu *Qudrah*, *Irādah* dan *Sama'* paling banyak diungkapkan dalam bait puisinya berbanting sifat-sifat yang lain.

Pendekatan yang digunakan oleh penyair menerusi sifat *ma'ānī* seperti *Qudrah* (maha berkuasa) membawa pembaca perfikir dan menghayati tentang kekuasaan Allah yang bersifat dengan *Kamāl* seperti mana perbincangan 4.3.1. penyair menekankan bahawa kekuasaan Allah adalah hanya layak bagi-Nya sahaja bahkan kekuasaan Allah tidak setanding dengan mana-mana kuasa yang dimiliki oleh makhluk-Nya. Kerana sifat *Qudrah* Allah yang bersifat dengan *Qadīm* lagi azali yang mana Dia tidak berhajat kepada pertolongan dan bantuan dari mana-mana pihak dan tidak ada had penghabisannya (Salehuddin, 2004).



Selain itu, pendekatan *ma'ānī* yang lain berbentuk sifat *Irādah* (maha kehendak) atau (berkehendak) seperti mana perbincangan 4.3.2. penyair menekankan sifat ini menerusi syairnya seperti mana dalam bait yang ke-53 muka surat 101 pada judul “khabar gembira buat mereka” pada ungkapan “...Kau dapat melakukan apa sahaja mengikut kehendak-Mu, mengikut perancangan-Mu...”. di sini juga sangat jelas bahawa penyair menekankan sifat kehendak Allah yang mana kehendak-Nya adalah mutlak dan layak bagi-Nya sahaja.

Begitu juga pada bait-bait puisi yang lain, penyair menekankan dengan cara langsung dan juga tidak langsung. Pembaca dapat menghayati tentang sifat-sifat Allah menerusi puisinya dalam masa yang sama dapat mendidik remaja kearah mendekatkan diri mereka kepada Allah yang maha Esa, demi mencapai marhalah





hamba yang soleh dan solehah dan dapat menegakkan sifat *Kamālullāh* kepada masyarakat secara umumnya.

### 5.3 Implikasi Kajian

Implikasi kajian merumuskan bahawa penyair muslim harus menerapkan sifat-sifat Allah secara kreatif dalam karya mereka sama ada secara tersurat mahupun tersirat dalam mendidik masyarakat tentang sifat-sifat Allah sebagai tuhan yang maha sempurna. Selain itu puisi islami harus dilihat dalam konteks yang lebih holistik tidak hanya sebagai genre kesusastraan semata-mata, tetapi mestilah berperanan dalam menghadapi cabaran globalisasi.



### 5.4 Saranan dan Cadangan

Setelah menjalankan kajian ke atas puisi karya Suhaimi Hj. Muhammad dalam kumpulan puisi Taman Takwa berdasarkan teori *Takmilah* dengan fokus prinsip Tuhan yang bersifat *Kamāl*. Dengan hasil kajian dan kesimpulan yang telah dibincangkan, maka pengkaji memberikan saranan, agar puisi-puisi daripada karya Suhaimi Hj. Muhammad dapat dikajikan menggunakan teori *Takmilah*, terutama dengan menggabungan prinsip Tuhan yang bersifat *Kamāl* dengan 20 sifat Allah. Dengan itu, khazanah kegunaan sifat-sifat Allah dalam bahasa dan kesusastraan islam akan semakin kaya.



Pengkaji juga memberikan saranan agar puisi-puisi daripada para sasterawan islam sama ada di Asia tenggara dan lainnya dapat dikaji dengan menggunakan teori *Takmilah* terutama ungkapan berkaitan sifat-sifat Allah, sehingga suasana “Sastera Ketuhanan” dan “karya-karya Ketuhanan” akan menghiasi seni bahasa dalam wacana di ruang akademik pengajian wacana di institusi-institusi pendidikan dan perguruan tinggi di Asia tenggara dan dunia Islam lainnya.

Selain disarankan agar semua karya sastera daripada sasterawan Islam dikaji lebih serius dengan menggunakan mana-mana teori selagi tidak bertentangan dengan kaedah-kaedah yang digariskan oleh Allah SWT dan juga Nabi-Nya. Selain itu, pengkaji juga memberi saranan kepada pusat-pusat sekolah, institusi-institusi, dan lain-lain badan pendidikan agar menerapkan bentuk-bentuk puisi yang bercirikan Islam kepada para pelajar Islam, agar mereka lebih memahami secara mendalam cara tidak langsung terhadap ilmu tauhid dan kepercayaan dan pemahaman terhadap sifat-sifat Allah.

Dan terakhir, pengkaji mengesyorkan agar para pengkarya Islam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sifat-sifat pencipta yang bersifat dengan *Kamāl* supaya dengan demikian pendidikan sastera yang bersifat sekular dapat dimurnikan dengan nilai-nilai *rabbani*.



## 5.5 Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa Suhaimi Hj. Muhammad berjaya menghasilkan puisi islami yang berkonsep *Kamālullāh*. 20 sifat kesempurnaan yang wajib bagi Allah juga berjaya diungkapkan demi membuktikan keagungan Allah yang maha sempurna. Dapatan kajian telah membuktikan bahawa sifat yang paling kerap diungkapkan oleh penyair ialah sifat *Qudrah* yang bermaksud maha berkuasa. Kajian ini juga berjaya menganalisis wacana berkaitan *Kamālullāh* daripada aspek 20 sifat Allah yang mana penyair telah menggunakan konsep tauhid (keimanan dan kepercayaan) seperti keimanan terhadap sifat *Qudrah*, *Irādah*, *Sama'* dan lain-lain sifat *Kamālullāh*. Kesimpulanya, boleh dirumuskan Suhaimi Hj. Muhammad berjaya mengumpulkan sifat-sifat Allah dalam bentuk puisi dengan menerapkan beberapa unsur keimanan, konsep yang sama penyair Islam harus menerapkan pada karya-karya mereka demi mendidik masyarakat Melayu kearah kefahaman yang mendalam tentang Islam dan secara khusus yang berkaitan sifat Allah maha sempurna.





## RUJUKAN

*Al-Quran al-Karīm*. Saudi Arabia: Mujamma' al-Mālik Fahad.

Abdul Ghani Jabal Maraqqi (2016). *Farīdatul Farā'id fī 'Ilmi 'Aqā'id Mutiara Ilmu Akidah bagi Syekh Ahmad bin M. Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fathani*. Kota Bharu: Jabar Maraqqi Sdn. Bhd. Cetakan kedua 5/2016

Abdul Halim Ali. (2014). *Beberapa Tanggapan Awal Terhadap Teori Takmilah*. dalam Abdul Halim Ali (2014) *Teori Takmilah perluasan dan penafsiran*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdul Halim Ali. (2014). *Teori Takmilah Perluasan & Penafsiran*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

A. Halim Ali. (2015). *Kesepadan Stail dengan Perutusan Agama dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa*. Dalam A. Halim Ali (2015). *Wacana Teori dan Kritikan Sastera*. Selangor: Tg Dot Net. Cetakan Pertama.

Abdullah as-Sudais, *Al-Majāz 'Inda al-Usuliyyin Bayn Al-Mujīzīn wa al-Māni'īn*, al-Maktabah al-Syāmilah, hlm. 7. Dalam Haris Zubaidillah (2015) (Atas Talian). Muat Turun 10/11/2017 dari <http://hariszubaidillah.blogspot.my>.



Achmad Arfinanto Arsyadani. (2009). *Pemikiran Ketuhanan dalam Puisi Chairil Anwar*. Fakulti Ushuluddin. Jogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.

Adil Sastrawan. (2010). *Spiritualitas dalam Novel Bilangan Fu*. Jogyakarta: Fakulti Ushuluddin: Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.

Ahmad Kamal Abdullah. (1988). *Unsur-unsur Islam dalam Puisi Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Ghazzali. (1972). *Keajaiban Hati*, Jakarta: Tintamas.

Amir Impresyah. (2012). Sifat Wajib Bagi Allah Taala. (Atas Talian). Muat Turun 22/4/2018, dari <https://amirimpresyah.wordpress.com/2012/11/26>.

Amir Syarifudin. (2008), *UṣūlFiqih*, Jilit 2, Cet. V, Jakatra: Kencana, ms. 345. Dalam Haris Zubaidillah (2015) (Atas Talian). Muat Turun 10/11/2017 dari <http://hariszubaidillah.blogspot.my>.





Ani Binti Haji Omar (2014). *Manusia Sebagai Hamba dalam Anggur Kehidupan Karya Anismas Ar Analisis Daripada Perspektif Teori Takmilah.* (Dalam Abdul Halim Ali (2014) *Teori Takmilah perluasan dan penafsiran*, Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia).

Arif. (2010). *Pesan Dakwah dalam Syair Melayu.* Jogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.

Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2014). Puisi-puisi Arifin Arif: Satu Analisis Takmilah. Manu Bil 20, ms. 81-108

Balqis Haji Abu Bakar. (1981). Pertentangan Antara Rasulullah dan Musyrikin Mekah Serta Kesannya terhadap Perkembangan Sastera di Masa itu, sekitar sejarah dan Tamadun Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, ms. 88.

Faisal Tehrari. (2009). Tauhid, Wilayah Sebenar Sastera. (Atas Talian) Muat Turun pada 10/11/2016 dari <http://www.utusan.com.my>.

Faridah Mohd. Saad. (2006). *Aplikasi Takmilah dalam Kumpulan Puisi Al-Amin Karya A. Samad Said.* Tesis Sarjana, Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Habib Sharifah.(1984). Sasterawan Adalah Pendakwah Intelek. Utusan Qiblat, (Jan. 1984) ms.2 Dalam Ma'amor bin Yusoff. (2000). "Unsur-unsur Islam dalam Novel Hassan Mohd. Ali". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. ms.7.



Hafidz Abdurrahman. (2004). *Ulūmul Qur'an*, Bogor, ms. 125. Dalam Haris Zubaidillah (2015) (Atas Talian). Muat Turun 10/11/2017 dari <http://hariszubaidillah.blogspot.my> .

Haji Wan Ahmad Khall Haji Muhammad. (2013). *Uṣūl al-Tahqīq.* Kelantan: Ramly Press Sdn. Bhd.

Haris Zubaidillah (2015). Makalah Haqqiqi dan Majazi (Tasybih, Isti'arah, Kinaah) (Atas Talian). Muat Turun 10/11/2017 dari <http://hariszubaidillah.blogspot.my>.

Hasan Husen Assagaf. (2010). Wahdaniah. (Atas Talian). Muat Turun 10/11/2017, dari. <https://hasanassaggaf.wordpress.com/2010/06/01/wahdaniyah>.

Ibnu Nafis. (2008). Sifat Qudrah. (Atas Talian). Muat Turun 10/11/2017, dari. <http://jarumemas.blogspot.com/2008/07/sifat-qudrah-berkuasa.html>.

*Inilah Akidah Bagi Sanusiah Matan Ummu al-Burhan.* Fatoni: Ibnu Halabi

Ismail al-Faruqi, Lois Lamya al-Faruqi. (1992). *Atas Kebudayaan Islam* (Terjemahan) Mohd. Ridzuan Othman, Mohd Sidik Ishak dan Khairuddin Harun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Hamid. (1976). *Sastera Islam dalam Pembinaan.* Bandar Baru Bangi. Penerbit Karyawan.





Ismail Ibrahim. (1988). *Ciri-Ciri Sastera Islam*. Dalam Mana Sikana (pny.), *Sastera Islam dalam Pembinaan*. Bangi: Penerbit Karyawan.

Kamariah Kamaruddin. (2006). *Novel-novel Berunsur Islam: Satu Analisis Berdasarkan Teori Takmilah*. Tesis PhD, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kamariah Kamaruddin. (2011). *Takmilah Dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ma'amor bin Yusoff. (2000). *Unsur-unsur Islam dalam Novel Hassan Mohd. Ali*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Maisarah Yaacop.(2001). *Ustaz dan Nurul Hidayah: Analisis Takmilah*. Tesis sarjana, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mana Sikana. (1983). *Sastera Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur, Sarjana Enterprise.

Mana Sikana. (1985). *Tanggapan Sastera*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.

Mana Sikana. (1997). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.



Maniyamin Ibrahim. (2005). *Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publications.

Mohamad Bahari. (2003). *Unsur-unsur Insaniah di dalam Novel-novel Pilihan Azizi Haji Abdullah*. Tesis Sarjana, Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Mohamad Shaidah. (2001). *Penjabaran Semiotik dalam Puisi-puisi Suhaimi haji Muhammad*. Ijazah Sarjana Sastera di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia (UPM).

Mohd. Kamal Hassan. (1980). *Konsep Keindahan dalam Islam dan Hubungannya dengan Seni dan Sastera: Satu Pandangan Umum*. Dewan Sastera, Ogos 1980.

Musa'id bin Sulaimanath-Thayyar. (2009). *Tafsir Juz 'Amma*. Saudi Arabia: Dar Ibnu al-Jauzi. Cetakanke 8. ms. 267-268.

Mustafa Mohd. Isa. (1992). *Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam*. Kuala Lumpur: USM dan Utusan Publications & Distributors.Sdn.Bhd.

Qomar. (2011). Al-Hakim. (Atas Talian). Muat Turun 10/11/2017, dari. <http://asyisyariah.com/al-hakim/2011/11/19>.

Rahmah Ahamd H. Osman dan Mohd Shahrizal Nasir. (2011). *Sastera Islam: Satu Perbandingan Antara Pandangan Mohd. Affandi Hassan dengan Abe al-Hasan al-Nadwi*. Jurnal Elektronik, Jilid 3 (2011) ms.55-81.





Ros Zakaria. (2002). *Martabat Nafsu dalam Novel-novel Shahnon Ahmad*. Tesis PhD, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salehuddin al Jawiy. (2004). *Sifat 20 Ilmu Tauhid Awaluddin Ma'rifatullah*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Samsina Abd. Rahman. (2001). Insan al-Kamil dalam Puisi Melayu. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Serdang: JBM. FBKM. UPM.

Samsina Abd. Rahman. (2013). Kembali ke Fitrah dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad. *Jurnal Melayu*, Jilid 11. UPM.

Sanat Md.Nasir. (2002). *Tautan dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shafie Abu Bakar. (1983). *Sastera Islam: Kajian dengan Sejarah perkembangannya di Malaysia*. Kertas Kerja di Pertemuan Penulis-penulis Islam Malaysia-Anjuran Persatuan Penulis dan Peminatn Sastera Teluk Intan. 9-12 April, 1983, di Teluk Intan, Perak.

Shafie Abu Bakar. (1996). *Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip*. Dewan Sastera.

Shafie Abu Bakar. (1997). *Takmilah Himpunan Makalah*. Bangi. Jabatan Persuratan Melayu. UKM.



Shafie Abu Bakar. (2011). Gagasan Persuratan Pelengkap Takmilah: Bangi Makmal Menyerlah& Menyambut Tahun Baru 2012 dengan Azan dan Pengisian Gagasan PESURAT makanisma Membina Peradaban dan Tamadun Ummah, Sekretariat Bangi Bandar Baru Bangi.

Shahih Ibnu Katsir. (2011). Penterjemah: Tim Pustaka Ibnu Katsir. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir. Cetakan kelima. Jid. 9, ms.759.

Shahnon Ahmad. (1981). *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shamsudin Abu Bakar. (2006). *Analisis Takmilah Cerpen Pemenang Hadiah Sastera Islam*. Serdang, Universiti Putra Malaysia.

Suhaimi Haji Muhammad. (1988). *Isu-Isu Penting dalam Pembicaraan Sastera Islam*. Dalam Mana Sikana (pny.) Sastera Islam dalam Pembinaan. Bangi: Karyawan.

Suhaimi Haji Muhammad. (2009). *Taman Takwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syāmil Al-Qur'ān. (2009). Jarkata: Bt Sygma Examedia Arkanileema.

Tafsir al-Quran Pimpinan al-Rahman. Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
202

*Tafsir Muyassar.* (2009). Saudi Arabia: Mujama' Malik Fahad.

Yazid bin Abdul Qadir jawas. (2007). Pengertian Ibadah dalam Islam. (Atas Talian). Muat Turun 10/11/2017, <https://almanhaj.or.id/2267-pengertian-ibadah-dalam-islam.html>.

Yuliantoid. (2013). Sifat 20 Allah SWT. (Atas Talian). Muat Turun 10/11/2017, dari. <https://cintanabimuhmadsaw.wordpress.com/2013/05/29/>.

Yusof al-Qardawi. (1985). *Iman dan Kehidupan*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

Zahir Ahmad. (2005). Peranan Sastera Islam dalam Pembentukan Akhlak Penduduk Alam Melayu. Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 15,2005.

Zailani Zawawi. (2011). *Novel The Messing Piece: Analisis dari Perspektif Teori Takmilah*. Tesis Sarjana. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah




PustakaTBainun



ptbupsi  
203

## LAMPIRAN A

### Muka Depan Buku Puisi Taman Takwa



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## LAMPIRAM B

### Contoh Sebahagian Dari Judul Puisi

P1

AS-SUHAIMI

#### KEMERDEKAAN BERSIMPUH DI TANGAN-MU

I

Di tengah perut bumi aku menanam pohonan,  
dan pohonku adalah amal keredaan;  
Dengan bajak solat, kupagar kebun iman  
dengan bajak takwa, kubangun wahyu Tuhan;  
Kuterima segala yang mendatang bagi hujan malam  
yang menyerahkan zikir cinta tanpa  
perhentian;  
Aku fana dalam kerinduan, aku fana dalam  
percintaan,  
Allah adalah awalan, dan juga akhiran.



Bumi ini adalah sejadah solatku  
padanya aku mencium haruman iman;  
Langit menampung segala kerlipan bintang-bintang  
padanya aku menangkap himbauan  
ketakwaan;  
Aku kini hanya sebutir debu dalam kerinduan  
sedang menangis tersedu kerana perpisahan;  
Aku ingin kembali kepada rumpun asalku  
yang suci murni tanpa gangguan.

Semua adalah kemerdekaan yang kuimpikan  
bumi ini rumah solatku beribu-berjuta  
banyaknya;  
Semuanya adalah kebebasan yang kurencanakan  
bumi ini syahadah tauhid yang kuserukan;  
Aku dalam air mata menyatakan rangkaian zikir  
percintaan  
yang bertebaran dan berterbangan aku  
tersedu;  
Segala yang kuimpikan ini semoga menjadi "Salam  
Kerinduan"  
yang berkekalan mengitari Rabbani, pujaanku.





## TAMAN TAKWA

## II

Dalam beribu cahaya di bumi alam ini  
hanya satu cahaya yang benar murni;  
Di bawahnya tumbuh subur pohon-pohon iman  
dan takwa

④ di bawahnya aku berlindung di sisi-Nya;  
Datanglah mencangkul dengan cangkul iman  
di kebun ini  
bertanamlah buah-buahan rabbani yang  
kauingini;  
Hari demi hari, di sini mula menyingsing fajar  
kemerdekaan  
yang bakal dapat kausaksikan nanti.

Kemerdekaan yang kuimpikan  
bukan wujud di tangan nasib;  
Kemerdekaan yang kuimpikan  
wujud di tangan iman dan takwa;  
Kehidupan ini adalah kapal rabaniah  
yang membawaku belayar di lautan arifin;  
Iman dan takwa adalah tanah rabaniah  
yang membawaku berkelana jauh  
di bumi fakir.



Kemerdekaan bukan datang dari manusia  
kerana sebahagian manusia amatlah  
curangnya;  
Kemerdekaan datang dari solat dan amal kesolehan,  
⑦ datang dari iman dan ketakwaan;  
Hanya pada-Nya aku berlindung seluruh kehidupan  
⑧ dan pada-Nya hidup-matiku bergantung;  
Hanya Dia yang mengurniakan kemerdekaan,  
⑨ dan hanya Dia pelindung agung.

## III

Aku kini masih menyimpan kesabaran,





## AS-SUHAIMI

kesulitan di dalam air mata dan kesunyian;  
Menanti saat-saat yang tumbuh dari perjuangan  
yang menyalakan percintaan dan kerinduan;  
Zikir-zikir cintaku, zikir-zikir pujianku berkumandang  
di ladang-ladang iman dan takwa;  
Semuanya kuhamburkan dalam kesunyian  
dan kesepian,  
semuanya salam-salam cintaku pada-Nya.

Bumi alam ini adalah sejadah solatku,  
dan langit adalah sinaran doaku;  
Allah adalah Pengampun Agung, dan  
Pengurnia Agung,  
yang mengurniakan kemerdekaan sejati;  
Hidup adalah untuk bersalam-salaman dengan-Nya,  
Tuhan Yang Maha Ihsan;  
Dan Kemerdekaan adalah puncak segala bisikan, serta  
puncak segala kasih sayang.

Dengan cangkul keimanan dan ketakwaan  
kupugar kebun kemerdekaan abadi;  
Dengan jentera qadak dan qadar kutuai buah-buahan  
yang masak di musim panen;  
Ya Allah, inilah Kalimah Syahadahku, inilah aku,  
inilah panah asmaradana rindu dendamku;  
Inilah aku, sebutir debu, memohon hak  
kemerdekaan abadi  
yang bersimpuh dalam tangan-Mu.



2007





## TAMAN TAKWA

(P2)

## ALAM SEMESTAINI

(1) Inilah desa dan kota penuh dengan cinta kudus-Mu,  
 (2) petanda kewujudan Allahuakbar-Mu  
 Aku adalah debu yang bersimpuh di dalam  
 tangan-Mu, mencari permata reda-Mu  
 (3) Sekali aku mengenal Allahuakbar-Mu – aku  
 mengenal  
 bahawa Engkau adalah Allahu Ahad,  
 (4) Sekali aku mengenal Allahuakbar-Mu –  
 aku mengenal  
 bahawa Engkau adalah Allahus Samad.

Inilah desa dan kota penuh dengan buah keimanan,  
 (1) di mana aku bersujud mencari taman  
 (2) reda-Mu  
 Kuinginkan panah cinta-Mu jua, supaya Engkau  
 tusukkan ke dalam jantung hatiku  
 Hanya permata keimanan yang kuinginkan, supaya  
 bersemadi di dalam jantung hatiku  
 Hanya permata ketakwaan yang kuidamkan, supaya  
 menjadi hujan rahmat di nadi rohaniku  
 Biarlah seruling kudus-Mu sentiasa bergema  
 di taman jantung hatiku.

Inilah sejada iman dan sejada takwa, di mana  
 (1) aku bersujud dan tafakur di atasnya  
 (2) Ini juga kampung halaman zikir, di mana aku  
 selalu binasa sirna memburu cinta kudus-Mu  
 (3) Di sini juga berdiri para syuhada memeluk  
 ganjaran anugerah-Mu sebesar Gunung Uhud  
 Di sinilah kuserukan qasidah munajatku buat  
 Baginda Junjungan – kekasih Pilihan-Mu,  
 Di sinilah juga bertiu angin al-Kauthar-Mu,  
 menusuk jantung hatiku.  
 Inilah kampung halaman dan juga medan solatku,





## AS-SUHAIMI

sewaktu aku dalam musim perpisahan  
dengan-Mu

Inilah juga kampung halaman dan taman zikirku,  
sewaktu musim perpisahan aku merindui-Mu  
Di sinilah aku menyaksikan tentera-tentera  
Takwa-Mu,  
mengitari seluruh pelosok jantung hatiku,  
Menyerukan kemerdekaan abadi, menyerukan  
keadilan  
abadi – anugerah kudus cinta-Mu.

⑩ Inilah kampung halaman dan medan jihadku,  
yang Kau anugerahkan padaku  
Di sinilah berdiri para mujahid, dengan  
kuda-kuda semberani perkasa,  
Membawa dan mengibarkan bendera Lailahaillallah  
dan memacakkannya di bumi nuraniku  
Di sinilah berkumandangnya gema Iqrak, yang  
membakar darah, urat, daging dan tulangku  
Aku di sini bersama-sama mereka, di sinilah  
tanah perkuburanku.



2007





TAMAN TAKWA



## TETES-TETES HUJAN

Tetes-tetes hujan ini tidak dapat kuhitung,  
 satu-satu gugur dari awan di langit itu  
 ④ Hanya Engkau yang dapat menghitung  
 butir-butirnya,  
 demi waktu, demi cinta-Mu, demi diriku  
 Hujan ini menciptakan aku terbenam di dalam  
 banjir zikir, tanpa akhir  
 Hujan ini menciptakan aku tenggelam di dalam  
 ⑤ kehangatan gelombang zikir, tanpa akhir,  
 Tuhan, jadikan aku hujan, yang mencurahkan  
 rahmat maknawi dan ukhrawi-Mu.

⑥ Hanyalah Engkau yang dapat menghitung  
 butir-butirnya,  
 dengan segala ketepatan abjadnya  
 Aku merasa kecil di sini, aku merasa  
 malu di sini – namun inilah kenyataannya  
 ⑦ Kerana Kau sajalah yang memegang tangkai wujud,  
 Engkau sajalah yang memegang  
 tangkai kuasa

⑧ Tidak ada rahsia wujud yang tidak Kau ketahui,  
 begitu juga rahsia kuasa.

⑨ Kalau ini hujan rahmat kemurahan dari-Mu,  
 setangkai biji menumbuhkan  
 sepuluh tangkai,  
 ⑩ Kalau hujan ini rahmat kuasa dari-Mu,  
 sepuluh tangkai biji menumbuhkan  
 seratus tangkai  
 Maka apakah rahmat balasan yang boleh kulakukan  
 kepada-Mu, di musim membajak dan  
 bertanam ini?  
 Apakah yang dapat kulakukan apabila  
 musim panen akan bermula?





## AS-SUHAIMI

Aku merasa kecil dan malu di depan-Mu, wahai  
 Tuhanku, di sisi-Mu aku hanya debu  
 Tak ada rahmat balasan yang dapat kuberikan  
 ① pada-Mu, aku merasa malu, wahai Tuhanku  
 Rahmat yang Kauberikan padaku tidak terhingga,  
 lebih banyak daripada butir-butir hujan ini  
 Yang turun dari langit rahman dan rahim-Mu,  
 yang turun ke persada perkebunan tafakurku.

⑩ Hujan yang mencurah-curah ini, rahmat cinta dari-Mu  
 - aku terpesona di bumi tafakurku  
 Hujan yang turun mencurah ini, rahmat rahman dan  
 rahim dari-Mu - aku terpesona  
 di bumi zikirku  
 Aku berhutang rahmat daripada-Mu, aku berhutang,  
 berhutang kepada butir-butir hujan yang  
 Menyelinap masuk ke dalam rongga-rongga  
 rohaniku  
 - aku terpesona di dalam rohani tafakurku.

⑪ Tuhan, bukakan mata dan hatiku, menyaksikan  
 hakikat dan makrifat-Mu, yang tak terperi itu  
 Tuhan, aku menyaksikan butir-butir hujan, yang  
 mencurah-curah itu, yang menterjemahkan  
 Makna maknawi dan makna ukhrawi-Mu kepadaku  
 Tuhan, aku berhutang pada-Mu,  
 di atas segala  
 Rahmat-Mu yang mencurah-curah di bumi zikirku  
 ⑫ Tuhan, jadikan aku hujan, yang  
 mencurahkan  
 Rahmat maknawi dan ukhrawi-Mu.



2007





TAMAN TAKWA

## TENTANG KEBESARAN DAN KEKUASAAN

Di dunia ini ada banyak kerajaan  
① dan ada banyak pemimpin negara  
Namun takkan sama kerajaan-Mu  
② dan tak sama Engkau sebagai Pemimpin;  
Kerajaan Engkau ialah Kerajaan Paling Tinggi  
③ dan Engkau Pemimpin, Pemimpin Paling Murni;  
Engkaulah yang mencipta segala kerajaan langit  
④ dan segala kerajaan bumi  
Segala kebesaran dan segala kekuasaan  
seluruhnya milik-Mu.

⑤ Semua kerajaan manusia di bawah kerajaan-Mu  
semua kekuasaan manusia di bawah  
kekuasaan-Mu

Bahawa semua kerajaan manusia adalah kerajaan  
sementara, yang takluk pada kehancuran dan  
Binasa, bahawa kerajaan-Mu adalah kerajaan abadi,  
yang gagah perkasa, dan gagah berani  
Tidak tercabar oleh segala kekuasaan manusia  
tidakkan tercabar kerana kekebalannya.

Aku melihat semua ini dengan pandangan maknawi  
aku menyatakannya dengan kata  
pandangan ukhrawi

Di sinilah wujudnya kewujudan baqa  
⑥ dan di sinilah juga wujudnya kewujudan fana  
Kerajaan Engkau adalah kerajaan baqa  
⑦ dan kerajaan manusia adalah kerajaan fana  
Kekuasaan Engkau adalah kekuasaan baqa  
dan kekuasaan manusia adalah kekuasaan fana.

Maka apakah yang harus aku banggakan terhadap  
kerajaan dan kekuasaan manusia?





## AS-SUHAIMI

Yang takluk kepada kehancuran dan binasa  
dan kadang-kadang digoda kecurangan  
dan noda;

Aku mahu sentiasa berpaling daripadanya, untuk  
meningkatkan maqam imanku dan maqam  
takwaku,

④ Semoga aku dalam lindungan makrifat cinta-Mu,  
semoga aku sentiasa dalam lindungan reda  
cinta-Mu.

Janganlah aku termasuk ke dalam golongan  
penderhaka,  
yang lupa pada kebesaran dan  
kekuasaan dirinya

Yang menganggap kebesaran dan kekuasaan dirinya  
adalah miliknya, dan ciptaan dirinya  
seluruhnya;

Merekalah orang-orang yang memfitnah  
rahmat rahman

dan rahmat rahim dari-Mu

Merekalah orang-orang yang memfitnah  
dan menuduh

bahawa Rasul-Mu tukang sihir.

⑤ Tuhan, aku mengadu kepada-Mu  
ada pula antara mereka yang memaksa  
Supaya aku bersujud di kaki mereka  
supaya aku menelan hujah-hujah mereka  
Supaya aku masuk golongan mereka  
supaya aku memperakui hakikat  
perayaan mereka;  
Supaya aku meninggalkan maqam imanku  
dan maqam takwaku, supaya aku....



2007





TAMAN TAKWA



## PERJANJIAN DENGAN TUHAN

Tuhan, aku ingin membuat perjanjian dengan  
Tuhanmu

dengan iman, takwa, dan amal soleh  
Aku ingin sentiasa di sisi-Mu, Tuhan yang  
melimpah-limpah rahmat-Nya

Himpunkan aku bersama-sama orang yang takwa,  
dan sentiasa memanjatkan zikir kepada-Mu;

Engkaulah yang menahan langit daripada pecah,  
oleh sifat-sifat keangkuhan mereka

Engkaulah yang menahan bumi daripada  
nyaris terbelah,  
oleh sifat-sifat kekufuran mereka.

Aku ingin membuat perjanjian dengan-Mu  
dengan iman, takwa dan amal soleh

Aku ingin bersujud ke hadirat-Mu  
dengan sifat reda yang tidak putus-putus;

Mereka adalah orang-orang yang membuat fitnah  
dengan mendakwa: Engkau mempunyai anak!

Mereka adalah orang-orang yang berpaling  
daripada-Mu,  
dan yang menzalimi dirinya selalu.

Kaulah yang menurunkan kitab al-Quran,  
yang tidak ada keraguan segala  
kandungannya;

Jibrail itu adalah hamba-Mu, Isa itu juga  
hamba-Mu,  
keduanya bukan sebahagian daripada  
sembahan

Keduanya bukan satu daripada tiga,  
bukan pula tiga di dalam satu;

Muhammad itu penghulu bagi sekalian hamba-Mu





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
214

## AS-SUHAIMI

yang membawa perkhabaran gembira;  
Bahawa Tuhan yang disembah hanya satu sahaja:  
hanya Allah – Tuhan Yang Maha Esa.

- Tidak ada sesiapa di langit dan di bumi, melainkan akan pulang kepada ar-Rahman dan ar-Rahim
- Alangkah ngeri dan dahsyatnya dakwaan mereka yang mengatakan: Tuhan mempunyai anak! Sehingga langit nyaris pecah, bumi nyaris terbelah, dan gunung-ganang nyaris musnah
- Alangkah ngeri dan dahsyatnya fitnah mereka yang mendakwa: Mereka mencintai Allah!

Tuhan, aku ingin membuat perjanjian dengan-Mu dengan iman, takwa, dan amal soleh  
Hidup dan matiku dengan Allah, *Rabbun Nas*  
– Tuhan Yang Maha Esa  
Hidup dan matiku untuk Allah, *Rabbul 'Alamin*  
– Tuhan Yang Maha Sempurna  
Kaulah sebenar-benar aulia, kaulah sebenar pemelihara  
Engkau tidak ada tolok bandingnya!



05-4506832



ptbupsi

2007

11



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## LAMPIRAN C

### Kod Puisi dan Nama Judul

P1	Kemerdekaan bersimpuh di tangan-Mu
P2	Alam semesta ini
P3	Tetes-tetes hujan
P4	Tentang kebesaran dan kekuasaan
P5	Perjanjian dengan tuhan
P6	Sewaktu mengenangnya
P7	Awan kelabu awan mendung
P8	Di negeri ibadah
P9	Seruling abadi-Mu



P10	Di tanah perkuburan ini
P11	Sewaktu melalui lorong ini
P12	Aku dilahirkan
P13	Rayuan memilih
P14	Menyingkap tabir peruntuhan budaya
P15	Apa pun boleh menjadi
P16	Adapun kehidupan ini
P17	Menyingkap tabir maut
P18	Setiap yang berupa di hadapanmu
P19	Pesan di detik sakaratulmaut
P20	Terlalu banyak kurnia-Mu
P21	Di padang pasir ini
P22	Engkau maha sempurna





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
216

P23	Engkau maha menghitung
P24	Lingkaran hijab
P25	Tentang hidup dan mati
P26	Yang menguasai wujud
P27	Di bawah lambaian medan juang
P28	Secebis kisah syekh abd. Kadir jailani
P29	Secebis kisah nabi ayub
P30	Ada belbagai cinta
P31	Antara perwatakan sabar dan amarah
P32	Apa yang Kauciptakan adalah baik
P33	Batu sinar, besi sinar
P34	Ada dua jenis seruling



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

ptbupsi

P35	Permohonan kembali ke negeri asal
P36	Para perindu itu
P37	Cinta agung
P38	Hidup Zuhud
P39	Percakapan dengan tuhan
P50	Bayang dari negeri yang dilumpuhkan
P51	Rayuan sebutir debu
P52	Fikiran untuk memikirkan
P53	Khabar gembira buat mereka
P54	Murin kepada guru
P55	Apabila Cahaya cinta-Mu menyinari
P56	Seorang pembicara
P57	Antara perkampungan ketamadunan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



P58	Di alam ibadah ini
P59	Sewaktu mengenang-Mu
P60	Bahaya dengan kata-katamutasyabihat
P61	Suatu pilihan kehidupan
P62	Nasibku pada suatu ketika
P63	Ini air mataku
P64	Fragmen di bumi ibadah
P65	Perjanjian istiqamah
P66	Tajalli bntang-bintang
P67	Menyusuri sekelumit kehidupan rasulullah
P68	Kenalilah syahadah
P69	Kenalilah solat



P70	Kini zaman nabi Muhammad rasulullah
P71	Nur cahaya tuhan
P72	Kukenali khazanah-Mu
P73	Allah mencintai keindahan
P74	Ziarah mata rohaniku
P75	Di bawah lindungan gunung nu-Mu
P76	Tipu daya mereka
P77	Peristiwaku di masjid nabawi
P78	Nanya fatamorgana
P79	Definisi orang yang mencintai Allah
P80	Wujud-Mu
P81	Kembali ke perkebunan sir
P82	Kau memang layak disyukuri





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
218

P83

Tempat sebenar aku singgah

P84

Kun faya kun

P85

Gema lailahaillallah

P86

Di wadi takwa

P87

Pesan kepada prang yang Berladang

P88

Dialog dengan seorang musafir



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi  
219

## LAMPIRAN D

### Gambar Wajah Suhaimi Hj. Muhammad



05-4506832

ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi